

KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN MODEL MALAYSIA
TERAS PANDUAN PENGHAFAZ AL-QURAN

Diterbitkan Oleh :
Darul Quran JAKIM
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor
Tel : 03-6063 5333

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN MODEL MALAYSIA
TERAS PANDUAN PENGHAFAZ AL-QURAN

© Hak Cipta Darul Quran JAKIM 2019.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara gambar atau rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Darul Quran JAKIM.

Perpustakaan Negara Malaysia

Diterbitkan Oleh :
Darul Quran JAKIM
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor
Tel : 03-6063 5333

ISBN
978-983-43708-4-8

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim
Ketua Pengarah JAKIM

PENASIHAT

YBhg. Dato' Paimuzi bin Yahya
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JAKIM

KETUA EDITOR

YBrs. Dr. Hj Nordin bin Ahmad
Pengarah Darul Quran, JAKIM

SIDANG EDITOR

Haji Abdul Halem Hapiz bin Salihin
*Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz
Darul Quran, JAKIM*

Haji Salahuddin bin Haji Ghozali
*Timbalan Pengarah Cawangan Akademik
Darul Quran, JAKIM*

Puan Rosliza binti Abdul Latif
*Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz
Darul Quran, JAKIM*

Haji Othman bin Muda
*Ketua Jabatan Pengajian Tahfiz
Darul Quran, JAKIM*

Dr. Mohd Zuhdi bin Ismail
*Penolong Pengarah Kanan Unit Penyelidikan dan Inovasi
Darul Quran, JAKIM*

KETUA PENGARANG

Muhammad Toriq bin Yaacob

*Penolong Pengarah Unit Penyelidikan dan Inovasi
Darul Quran, JAKIM*

SIDANG PENGARANG

Mohd Nazim bin Suratman

*Penolong Pengarah Kanan Jabatan Pengajian Tahfiz
Darul Quran, JAKIM*

Shahidah binti Shuib

*Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Syariah
Darul Quran, JAKIM*

Mohd Aishamudin bin Samsungei

*Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi dan Korporat
Darul Quran, JAKIM*

Mohd Fazli bin Mohd Azali

*Penolong Pengarah Kanan Unit Kurikulum
Darul Quran, JAKIM*

Dr. Abdul Jalal bin Abdul Manaf

*Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Qiraat
Darul Quran, JAKIM*

Ibrahim bin Abdullah

*Ketua Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat
Darul Quran, JAKIM*

PANEL PAKAR KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN MODEL MALAYSIA

Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abd Ghani
*Profesor Madya, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*

Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Mohamaed
*Profesor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*

Dr. Sedek bin Ariffin
*Pensyarah, Fakulti al-Quran dan al-Hadith,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya(UM)*

Syeikh Abdelmohaimen Sayed Aly Abdelmagid
*Timbalan Pengetua, Ma'had Tahfiz Ismail
Bandar Puncak Alam Selangor.*

PASUKAN PENYELIDIKAN

Dr. Nordin bin Ahmad
Muhammad Toriq bin Yaacob
Dr. Abdul Jalal bin Abdul Manaf
Zamzarina binti Md Sood
Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim
Sukhairu bin Sulaiman
Nur Syazrin binti Nazee Mudeen
Shamsul Bahari bin Dahalan
Nur Hallyda binti Mohd Sham
Mohd Abdul Rauf bin Sidek
Mohd Nazim bin Suratman
Mohd Fazli bin Mohd Azali
Abdul Razak bin Mohd Zain
Othman bin Muda
Norshida binti Md Zin
Ahmad Hafidzi bin Mansor

Peserta Bengkel Kaedah Hafazan Model Malaysia

Othman bin Muda

Dr. Abdul Jalal bin Abdul Manaf

Ibrahim bin Abdullah

Shahidah binti Shuib

Zamzarina binti Mohd Sood

Mohd Nazim bin Suratman

Mohd Abdul Rauf bin Sakedek @ Mohd Sidek

Norhayati binti Ab. Lateh

Norsyida binti Md Zin

Mohd Hanafi bin Yusop

Muhammad Zaki bin Abd Rahman

Mohd Aishamudin bin Samsungei

Mohd Fazli bin Mohd Azali

Muhammad Haafizuddin bin Abirerah

Mohd Anuar bin Baharudin

Mohd Athras bin Abdul Basir

Muhammad Toriq bin Yaacob

Muhammad Adam bin Ab Rashid

Mohd Fazli bin Ibrahim

Muhammad Saoki Dalor bin Abd Rahman

Ahmad Hafidzi bin Mansor

Nurdiana binti Zwlkifli

Rahibah binti Ghazali

Mohamad Farhan bin Khalid

Nor Dafiqa binti Asaad

Faizah binti Ahmad Akhri

Nur Afifah binti Muhamad

Penerbitan

Muhammad Khaled bin Abdullah

*Penolong Pengarah Unit Penyelidikan dan Inovasi
Darul Quran, JAKIM*

KANDUNGAN

BAB 1

Sejarah Hafazan al-Quran pada Zaman Rasulullah SAW dan Para Sahabat 1

Sejarah Pelaksanaan Kaedah Hafazan al-Quran
Sejarah Hafazan al-Quran di Zaman Rasulullah SAW
Sejarah Hafazan al-Quran di Zaman Sahabat r.a.
Sejarah Hafazan al-Quran di Zaman Tabi'in
dan Atba' al-Tabi'in

BAB 2

Kepentingan dan Kelebihan Menghafal al-Quran 19

Kepentingan Menghafaz al-Quran
Kepentingan Memahami Ayat al-Quran

BAB 3

Kaedah-Kaedah Hafazan al-Quran di Dunia 28

Perkembangan Kaedah Hafazan al-Quran Pelbagai
Negara di Malaysia
Analisis Kaedah dan Teknik Hafazan Negara-Negara
Rumusan

BAB 4

Kajian Terhadap Prinsip Asas dan Metodologi Hafazan al-Quran 41

Istilah dalam Metodologi Hafazan al-Quran
Peringkat Hafazan
Teknik dalam Pembelajaran Tahfiz al-Quran
Aktiviti Menghafaz al-Quran
Proses Menghafaz al-Quran
Rumusan Kaedah, Teknik, Aktiviti dan Proses Hafazan al-Quran
Perbincangan-Perbincangan Lain Berkaitan Hafazan al-Quran

BAB 5	
Sains Neurologi dalam Kaedah dan Teknik Hafazan al-Quran	108
Proses Ingatan dan Hafazan al-Quran	
Bahagian Otak dan Hafazan al-Quran	
Jumlah Ulangan	
Kelupaan dan Hafazan al-Quran	
BAB 6	
Hafazan al-Quran: Amalan Darul Quran, Jakim	123
Struktur Pengurusan Akademik Darul Quran, JAKIM	
Dasar dan Standard Pengajian Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat	
Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri	
Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Qiraat	
Peraturan Lain	
Panduan Rutin Harian Pelajar Tahfiz	
BAB 7	
Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia	157
Pendahuluan	
Persiapan sebelum Menghafaz al-Quran	
Persiapan semasa Menghafaz al-Quran	
Persiapan Tasmik	
Persiapan selepas Menghafaz	
Rumusan	

**PERUTUSAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Marilah sama-sama kita merafak syukur penuh kerendahan diri mengagungkan Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda SAW.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi kesyukuran yang tidak terhingga apabila melihat Gagasan Negara Rahmah semakin mendapat sambutan daripada rakyat. Melalui gagasan ini, tiga pendekatan telah diperkenalkan iaitu pendekatan Rahmatan Lil Alamin, Maqasid Syariah dan Model Malaysia. Adalah menjadi hasrat kerajaan terhadap pengusaha-pengusaha tahfiz untuk membangunkan model pendidikan tahfiz al-Quran mengikut acuan Malaysia supaya institusi tahfiz ini dapat pula dicontohi oleh institusi tahfiz luar negara.

Alhamdulillah, Darul Quran JAKIM secara tersusun telah merancang dan akhirnya berjaya menerbitkan sebuah buku berkenaan dengan kaedah hafazan al-Quran mengikut acuan Malaysia. Justeru, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak JAKIM terutamanya Darul Quran di atas kejayaan penerbitan Buku Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia ini.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah di atas penerbitan buku ini dan usaha ini semoga akan menjadi contoh kepada seluruh agensi agama kerajaan untuk menyemarakkan Gagasan Negara Rahmah ini.

Sekian, wassalam.

YB. DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF

TINTA
KETUA PENGARAH JAKIM



Segala puji bagi Allah SWT, selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT atas taufik dan hidayah-Nya maka JAKIM melalui Darul Quran dapat menghasilkan buku Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia.

Bermula dengan penubuhan Darul Quran pada tahun 1966, institusi tahfiz al-Quran mula berkembang dengan semakin rancak di Malaysia. Salah satu usaha yang dijalankan dalam memastikan keaslian al-Quran sentiasa terpelihara ialah melalui cara menghafaz dengan pelbagai kaedah dan model. Namun satu kaedah baharu yang ditonjolkan ini ialah Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia.

Berdasarkan pengalaman Darul Quran yang telah melahirkan ramai huffaz dalam pelbagai bidang, maka diharapkan kaedah ini memberi sumbangan kepada pihak institusi Tahfiz al-Quran di Malaysia dan institusi tahfiz lainnya dalam memperkukuh, menambahbaik dan melahirkan para huffaz yang berkebolehan dan berkualiti.

Justeru, besarlah harapan saya agar Darul Quran dan institusi pendidikan tahfiz yang lain agar terus berperanan mendidik masyarakat dengan menghafaz al-Quran bagi menjana modal insan yang boleh memberi manfaat kepada umat dan negara. Di samping itu, pihak kerajaan

khususnya JAKIM akan terus berusaha untuk memartabatkan pengajian al-Quran selaras dengan kemajuan rohaniah dan jasmaniah.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea, bahan penulisan dan sebagainya sehingga terhasilnya buku Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia ini. Semoga segala usaha akan mendapat ganjaran yang sebaiknya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih

DATUK MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM

**SEKAPUR SIREH
PENGARAH DARUL QURAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah SWT Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda. Saya bersyukur kepada Allah SWT di atas kejayaan penerbitan Buku Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia yang merupakan julung kali diterbitkan.

Darul Quran adalah merupakan salah sebuah institusi pengajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berfungsi untuk melahirkan generasi al-Quran yang bertaqwa, berilmu dan bermanfaat kepada pembangunan Negara dan Ummah.

Kami di Darul Quran merasa yakin dengan kemampuan berasaskan kepada pengalaman kami dalam mengurus pendidikan tahfiz untuk menerbitkan buku kaedah hafazan al-Quran ini. Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia ini telah dibina secara bersama oleh pensyarah-pensyarah tahfiz berpengalaman di Darul Quran di samping bimbingan daripada empat orang pakar. Kaedah hafazan yang perangkumi persiapan sebelum, semasa dan selepas menghafaz serta persiapan semasa tasmik adalah kaedah hafazan yang bersifat holistik dan menyeluruh bagi memastikan hafazan al-Quran mempunyai kaedah dan panduan yang mampu menjamin kualiti hafazan al-Quran.

Semoga segala usaha dan kegigihan semua pihak yang menjayakan penerbitan jurnal ini akan diberi ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian, wassalam.

DR. HJ. NORDIN BIN AHMAD

PRAKATA

Menghafaz al-Quran merupakan tanggungjawab yang perlu diuruskan dengan baik agar objektif menjaga kalam Allah tercapai. Ulama menyatakan bahawa perlunya ada sekelompok penghafaz al-Quran dalam kalangan umat Islam di sesuatu tempat. Ini adalah merupakan fardu kifayah. Sejak mula diturunkan, setiap wahyu yang diturunkan dijaga dengan baik melalui penulisan dan dihafaz oleh para penghafaz. Firman Allah SWT:

بَلْ هُوَ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ فِي صُدُورِ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَمَا يَجْحَدُ بِآيَاتِنَا إِلَّا الظَّالِمُونَ

“(Al-Quran tetap datangnya dari Allah Dengan tidak syak lagi) bahkan ia ayat-ayat keterangan yang jelas nyata, yang terpelihara di dalam dada orang-orang yang berilmu; dan tiadalah yang mengingkari ayat-ayat keterangan Kami melainkan orang-orang yang zalim.”

(al-Ankabut: 49)

Sejarah hafazan al-Quran di Malaysia bermula secara rasmi dengan penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat. Pada peringkat permulaan, maahad ini merupakan satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Dengan penubuhan tersebut, maka bermulalah pengajian dalam bidang Tahfiz al-Quran di Dewan Syarahan Masjid Negara pada 1 Mac, 1966 dengan bilangan pelajar perintis seramai 8 orang. Sejak dari itu, bermulalah perkembangan aktiviti menghafaz al-Quran di Malaysia dengan setiap negeri mengambil tanggungjawab untuk menubuh maahad tahfiz al-Quran di bawah seliaan kerajaan negeri.

Ilmu berkenaan hafazan al-Quran adalah unik dan berbeza dengan bidang ilmu yang lain. Antara keunikan dan perbezaan tersebut ialah berkenaan dengan kualiti hafazan. Bagi mencapai hafazan yang

baik, seorang menghafaz al-Quran perlu mempunyai ingatan yang kuat dan disiplin yang tinggi disamping turut memberi penekanan terhadap aspek kefahaman. Umum mengetahui bahawa menghafaz al-Quran bukan hanya sekadar pengakuan “*saya seorang hafiz*”, bahkan menghafaz tersebut perlu mempunyai kemampuan membaca seluruh al-Quran dengan fasih dan lancar tanpa melihat mashaf sehingga melayakkannya digelar *hafiz*. Kualiti ini memerlukan kepada peraturan yang tersusun, tempat yang kondusif dan pengawasan guru yang mahir. Dengan ini, pelajar akan dapat menghafaz dengan baik dan akan sentiasa beristiqamah menjaga hafazan selepas tamat pengajian di mana-mana institusi pendidikan tahfiz.

Pelbagai jenis institusi tahfiz yang wujud di Malaysia sama ada yang menawarkan pengajian tahfiz sepenuh masa atau pengajian berbentuk integrasi tahfiz dan akademik. Realiti semasa menunjukkan bahawa model pengajian berbentuk integrasi tahfiz dan akademik menunjukkan perkembangan menggalakkan. Usaha ini dilakukan oleh semua pihak sama ada pihak persendirian, kerajaan negeri bahkan kerajaan persekutuan telah sama-sama mengembangkan model integrasi tahfiz dan akademik ini. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang semakin meluas pelaksanaannya di seluruh negara. Dalam masa yang sama, Darul Quran JAKIM kekal menerajui pendidikan tahfiz dengan menawarkan program-program pengajian tahfiz di peringkat sijil dan diploma.

Bagi pengajian tahfiz sepenuh masa pada kebiasaannya, institusi tahfiz ini memperuntukkan masa untuk menghafaz al-Quran selama dua tahun. Bagi institusi tahfiz yang mempunyai bentuk pembelajaran melibatkan mata pelajaran akademik yang lain pula, tempoh masa yang biasa yang diperuntukkan untuk menghafaz al-Quran ialah sekitar tiga hingga empat tahun. Tempoh ini akan bertambah sehingga lima tahun jika turut melibatkan pelaksanaan peperiksaan. Penilaian Tahun Tiga (PT3) dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Walaupun terdapat pelbagai tempoh masa yang diperuntukkan dan bentuk akademik yang ditawarkan

kepada pelajar, masa yang diperlukan agar pelajar dapat mengingat al-Quran dengan fasih dan lancar adalah dengan memperuntukkan masa menghafaz dan murajaah adalah antara 6 jam hingga 8 jam sehari.

Meneruskan kesinambungan perkembangan tahfiz ini, maka adalah amat tepat jika institusi tahfiz mempunyai satu kaedah hafazan al-Quran sebagai rujukan kepada institusi-institusi tahfiz di Malaysia melalui pembinaan Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia. Kaedah hafazan al-Quran ini mengambil kira beberapa aspek antaranya ialah memperuntukkan kefahaman makna sebagai salah satu kaedah hafazan. Kefahaman makna ayat al-Quran merupakan antara kaedah hafazan al-Quran yang memberi kelainan kepada kaedah hafazan al-Quran ini. Ini kerana, al-Quran yang diturunkan dalam Bahasa Arab memerlukan terjemahan bagi memastikan ayat al-Quran yang dihafaz dapat difahami. Menariknya juga, kaedah hafazan al-Quran ini digarap secara menyeluruh bermula dari persiapan sebelum, semasa, dan selepas menghafaz serta sesi *tasmik*. Turut memberi kelainan dalam kaedah hafazan al-Quran ini adalah paparan carta alir dalam fasa-fasa menghafaz al-Quran. Banyak lagi perkara-perkara menarik yang perlu diteroka daripada kaedah hafazan al-Quran ini.

Dari aspek yang lain, menghafaz al-Quran memerlukan usaha yang berterusan daripada semua pihak terutamanya pelajar, guru dan pihak pentadbir. Pelajar mestilah melengkapkan diri dengan niat yang betul, mujahadah yang kuat, sabar semasa menghafaz dan disiplin dalam mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pihak guru pula perlu melengkapkan diri dengan ilmu metode pengajaran hafazan Guru juga perlu memberi nasihat kepada pelajar dan memberi tumpuan yang lebih untuk membantu pelajar yang mengalami masalah untuk mengingat Quran. Ini juga menunjukkan bahawa "*Guru Tasmik bukan sekadar tasmik*" bahkan guru juga perlu berusaha mencari jalan yang terbaik untuk membantu pelajar menguasai hafazan al-Quran mereka. Pihak pentadbir perlu peka terhadap keperluan pelajar dengan menyusun program yang boleh memberi kejayaan kepada pelajar untuk menghafaz

al-Quran. Pelajar tidak boleh dibiarkan dengan program yang melalaikan atau program yang menjauhkan mereka dengan al-Quran.

Semoga kaedah hafazan al-Quran ini boleh memberi pencerahan metode menghafaz al-Quran dan membantu penghafaz al-Quran, Guru *Tasmik* dan pihak pentadbir untuk mencapai cita-cita menjadi penghafaz al-Quran yang ingat dengan mantap.

*Fasilitator dan ahli bengkel pembangunan Kaedah Hafazan al-Quran
Model Malaysia
25 September 2019
Darul Quran, JAKIM*

DAFTAR ISTILAH

Amali : Praktikal

Hafazan Semasa : Hafazan yang sedang *ditasmik* dengan guru

Fasahah : Sebutan yang fasih dalam bacaan

Ilmi : Teori

Lupa : Ayat-ayat hafazan yang dilupakan

Makhrāj huruf : Tempat keluar huruf

Murajaah : Ulangan hafazan

Qiraat : Perbezaan asas bacaan al-Quran di kalangan imam-imam Qiraat

Syafawi : Lisan

Tadarus : Kaedah memperakukan bacaan bersama raka-rakan dengan melihat mashaf

Tahriri : Tulisan

Tajwid : Ilmu untuk mengetahui cara membaca al-Quran dengan betul

Talaqqi dan Musyafahah : Bersemuka dengan guru untuk mencontohi bacaannya

Tasmik : Memperdengarkan hafazan

Tashih : Memperakukan bacaan

Tashih : Memperakukan bacaan

Tidak/belum ingat : berkenaan dengan ayat-ayat al-Quran yang belum dihafaz

Ulangan Hafazan Baru : Hafazan yang baru *ditasmik* dengan guru dalam tempoh seminggu sehingga mencapai had kurang daripada 1 juzuk

Ulangan Hafazan Lama : Hafazan yang telah *ditasmik* dengan guru melebihi tempoh seminggu dengan had minimum ialah sebanyak 1 juzuk

Wakaf dan Ibtidak : Memberhentikan dan memulakan bacaan

BAB 1

SEJARAH HAFAZAN AL-QURAN PADA ZAMAN RASULULLAH SAW DAN PARA SAHABAT¹

SEJARAH PELAKSANAAN KAEDAH HAFAZAN AL- QURAN

Bermula hafazan al-Quran adalah apabila wahyu pertama turun di Gua Hira'. Ketika Rasulullah SAW sedang beribadat di Gua Hira', Allah SWT telah memerintahkan Jibril a.s. untuk menyampaikan wahyu yang pertama dan mengajarkan kepada baginda akan wahyu tersebut iaitu ayat 1 - 5 dari surah al-'Alaq. Pada ketika itulah berlakunya proses pengajaran hafazan al-Quran secara talaqqi dan musyafahah antara Jibril a.s. yang bertindak sebagai guru dan Nabi SAW sebagai murid. Kisah ini direkodkan oleh Imam al-Bukhari dalam sahihnya seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أَنَّهَا قَالَتْ: أَوَّلُ مَا بُدِيََ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْوَحْيِ الرَّؤْيَا الصَّالِحَةَ فِي النَّوْمِ فَكَانَ لَا يَرَى رُؤْيَا
إِلَّا جَاءَتْ مِثْلَ فَلَقِ الصُّبْحِ ثُمَّ حَبَّبَ إِلَيْهِ الْخَلَاءَ وَكَانَ يَخْلُو بِعَارِ
حِرَاءٍ فَيَتَحَنَّنُ فِيهِ وَهُوَ التَّعَبُّدُ اللَّيَالِي دَوَاتِ الْعَدَدِ قَبْلَ أَنْ يَنْزِعَ إِلَى

أَهْلِهِ وَيَتَزَوَّدُ لِذَلِكَ ثُمَّ يَرْجِعُ إِلَى خَدِيجَةَ فَيَتَزَوَّدُ لِمِثْلِهَا حَتَّى جَاءَهُ
الْحَقُّ وَهُوَ فِي غَارٍ حِرَاءٍ فَجَاءَهُ الْمَلَكُ فَقَالَ اقْرَأْ قَالَ مَا أَنَا بِقَارِئٍ
قَالَ فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي حَتَّى بَلَغَ مِنِّي الْجُهْدَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ اقْرَأْ قُلْتُ
مَا أَنَا بِقَارِئٍ فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي الثَّانِيَةَ حَتَّى بَلَغَ مِنِّي الْجُهْدَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي
فَقَالَ اقْرَأْ قُلْتُ مَا أَنَا بِقَارِئٍ فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي الثَّلَاثَةَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ
: اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَأْ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ فَرَجَعَ بِهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرْجِفُ فُؤَادُهُ
فَدَخَلَ عَلَى خَدِيجَةَ بِنْتِ خُوَيْلِدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا فَقَالَ: زَمُّوْنِي
زَمُّوْنِي، فَرَمَلُوهُ حَتَّى ذَهَبَ عَنْهُ الرَّوْعُ فَقَالَ: لِحَدِيجَةَ وَأَخْبَرَهَا الْخَبَرَ:
لَقَدْ خَشِيتُ عَلَى نَفْسِي فَقَالَتْ خَدِيجَةُ: كَلَّا وَاللَّهِ مَا يُخْزِيكَ اللَّهُ
أَبَدًا إِنَّكَ لَتَصِلُ الرَّحِمَ وَتَحْمِلُ الْكَلَّ وَتَكْسِبُ الْمَعْدُومَ وَتَقْرِي
الضَّيْفَ وَتُعِينُ عَلَى نَوَائِبِ الْحَقِّ فَاذْطَلَّكَ بِهِ خَدِيجَةُ حَتَّى أَتَتْ بِهِ
وَرَقَةَ بِنْتُ نَوْفَلِ بْنِ أَسَدِ بْنِ عَبْدِ الْعُزَّى ابْنِ عَمِّ خَدِيجَةَ وَكَانَ امْرَأً قَدْ
تَنَصَّرَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ وَكَانَ يَكْتُبُ الْكِتَابَ الْعِبْرَانِيَّ فَيَكْتُبُ مِنَ الْإِنجِيلِ
بِالْعِبْرَانِيَّةِ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَكْتُبَ وَكَانَ شَيْخًا كَبِيرًا قَدْ عَمِيَ فَقَالَتْ
لَهُ خَدِيجَةُ: يَا ابْنَ عَمِّ اسْمَعْ مِنْ ابْنِ أَخِيكَ فَقَالَ لَهُ وَرَقَةُ: يَا ابْنَ
أَخِي مَاذَا تَرَى فَأَخْبَرَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَبَرَ مَا رَأَى
فَقَالَ لَهُ وَرَقَةُ: هَذَا النَّامُوسُ الَّذِي نَزَّلَ اللَّهُ عَلَى مُوسَى يَا لَيْتَنِي فِيهَا

جَدَعًا لَيْتِي أَكُونُ حَيًّا إِذْ يُخْرِجُكَ قَوْمُكَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوْخْرِجِي هُمْ؟ قَالَ: نَعَمْ لَمْ يَأْتِ رَجُلٌ قَطُّ بِمِثْلِ مَا جِئْتَ بِهِ إِلَّا عُودِي وَإِنْ يُدْرِكُنِي يَوْمُكَ أَنْصُرَكَ نَصْرًا مُؤَزَّرًا ثُمَّ لَمْ يَنْشَبْ وَرَقَّةً أَنْ تُؤَيِّ وَفَتَرَ الْوَحْيِ

Diriwayatkan daripada A'isyah -Ummul Mu'minin-, bahawasanya dia berkata: "Permulaan wahyu yang datang kepada Rasulullah SAW adalah dengan mimpi yang benar dalam tidur. Tidaklah Baginda SAW bermimpi kecuali datang seperti cahaya subuh. Kemudian Baginda SAW dianugerahi rasa suka untuk menyendiri, lalu Baginda SAW memilih Gua Hira' dan bertahannuth iaitu beribadah di malam hari dalam beberapa waktu lamanya sebelum kemudian kembali kepada keluarganya untuk mempersiapkan bekal bagi tujuan untuk mengulangi ibadah di gua. Kemudian Baginda SAW menemui Khadijah supaya mempersiapkan bekal. Sampai akhirnya datang kebenaran saat Baginda SAW di Gua Hira', Malaikat datang lalu berkata: "Bacalah?" Baginda SAW menjawab: "Aku tidak tahu membaca". Nabi SAW menjelaskan: Maka Malaikat itu memegang ku dan memeluk ku sangat kuat kemudian melepaskan ku dan berkata lagi: "Bacalah!" Baginda SAW menjawab: "Aku tidak tahu membaca". Maka Malaikat itu memegang ku dan memeluk ku sangat kuat kemudian melepaskan ku dan berkata lagi: "Bacalah!". Baginda menjawab: "Aku tidak tahu membaca". Malaikat itu memegang ku kembali dan memeluk ku untuk ketiga kalinya dengan sangat kuat lalu melepaskanku dan berkata lagi: (Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhan mu yang menciptakan, Dia Telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhan mu Yang

Maha Pemurah)." Nabi SAW kembali kepada keluarganya dengan membawa kalimat wahyu tadi dalam keadaan ketakutan. Baginda SAW menemui Khadijah binti Khawailid dan berkata: "Selimutkan aku, selimutkan aku!". Baginda pun diselimutkan hingga hilang ketakutannya. Lalu Baginda SAW menceritakan peristiwa yang terjadi kepada Khadijah: "Aku bimbang akan diri ku". Maka Khadijah berkata: "Demi Allah, Allah tidak akan mencelakakan mu selamanya kerana engkau adalah orang yang menghubungkan silaturahim." Khadijah kemudian mengajak Baginda SAW untuk bertemu dengan Waroqoh bin Naufal bin Asad bin Abdul 'Uzza, sepupu Khadijah, yang beragama Nasrani di masa Jahiliah. Dia juga menulis buku dalam bahasa Ibrani, juga menulis Kitab Injil dalam Bahasa Ibrani dengan izin Allah. Saat itu Waroqoh sudah tua dan matanya buta. Khadijah berkata: "Wahai putra pakkikku, dengarkanlah apa yang akan disampaikan oleh anak saudara mu ini". Waroqoh berkata: "Wahai anak saudara ku, apa yang sudah kamu alami". Maka Rasulullah SAW menuturkan peristiwa yang dialaminya. Waroqoh berkata: "Ini adalah Namus, seperti yang pernah Allah turunkan kepada Musa. Kalaulah seandainya aku masih muda dan aku masih hidup saat kamu nanti diusir oleh kaum mu". Rasulullah SAW bertanya: "Apakah aku akan diusir mereka?" Waroqoh menjawab: "Ya, kerana tidak ada satu orang pun yang datang dengan membawa seperti apa yang kamu bawa ini kecuali akan disakiti (dimusuhi). Seandainya aku ada saat kejadian itu, pasti aku akan menolong mu dengan kemampuan yang aku ada". Waroqoh tidak mengalami peristiwa yang diyakininya tersebut kerana lebih dahulu meninggal dunia pada masa fatroh (terputusnya) wahyu (al-Bukhari , 2001)

SEJARAH HAFAZAN AL-QURAN DI ZAMAN RASULULLAH SAW

Rasulullah SAW adalah *Sayyidul Huffaz* (Penghulu Para Huffaz) serta contoh tauladan yang mesti dicontohi dan diikuti. Rasulullah SAW telah menerima wahyu al-Quran secara berperingkat-peringkat selama dua puluh tiga tahun. Tiga belas tahun di Mekah dan sepuluh tahun di Madinah. Keadaan ini adalah untuk memberi *'ibrah* kepada kita bahawa Nabi SAW walaupun memiliki kelebihan mukjizat tertentu namun apabila melibatkan usaha dakwah maka Allah SWT membiarkan Rasulullah SAW melalui tugas dakwah itu dengan mengikut sistem tabiat alam dan sifat keinsanan. Maka sejarah menyaksikan bagaimana Rasulullah SAW bersusah payah keluar berdakwah, terpaksa berhijrah, cedera tubuh badan, terguris perasaannya. Maka apabila kita mahu berdakwah, kita juga harus bersedia untuk menghadapi sebagaimana yang telah dilalui oleh Rasulullah SAW. Begitulah juga halnya apabila wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW Baginda SAW merasakan bahawa sangat berat apabila wahyu turun kepadanya sehingga memercik peluh pada dahi Rasulullah SAW.

قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: وَلَقَدْ رَأَيْتُهُ يُنزَلُ عَلَيْهِ الْوَحْيُ فِي الْيَوْمِ
الشَّدِيدِ الْبَرْدِ فَيَنْصَبُ مِنْهُ وَإِنَّ جَبِينَهُ لَيَتَفَصَّدُ عَرَقًا

Maksudnya: "Aisyah berkata: "Sungguh aku pernah melihat turunnya wahyu kepada Rasulullah SAW pada suatu hari yang sangat dingin lalu terhenti dan aku lihat dahinya mencucuri keringat." (al-Bukhari, 2001)

Dalam hadis yang lain menyatakan bahawa sikap Rasulullah SAW yang kelihatan bersungguh-sungguh dan tergopoh gapah menggerakkan lidah untuk mengikuti bacaan Jibril a.s. pada setiap kali Jibril a.s. membacakan wahyu kepadanya. Lalu Allah SWT menegur Rasulullah SAW supaya tidak tergopoh gapah dalam mengingati ayat-ayat al-Quran yang turun. Dalam riwayat al-Bukhari menyebut:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ فِي قَوْلِهِ تَعَالَى: لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَالِجُ مِنَ التَّنْزِيلِ شِدَّةً وَكَانَ مِمَّا يُحْرِكُ شَفَتَيْهِ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: فَأَنَا أُحْرِكُهُمَا لَكُمْ كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْرِكُهُمَا وَقَالَ سَعِيدٌ: أَنَا أُحْرِكُهُمَا كَمَا رَأَيْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ يُحْرِكُهُمَا، فَحَرَكَ شَفَتَيْهِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ. قَالَ جَمْعُهُ لَكَ فِي صَدْرِكَ وَتَقْرَأَهُ. فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ. قَالَ: فَاسْتَمِعَ لَهُ وَأَنْصِتَ. ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ. ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا أَنْ تَقْرَأَهُ. فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ ذَلِكَ إِذَا آتَاهُ جِبْرِيلُ اسْتَمَعَ فَإِذَا انْطَلَقَ جِبْرِيلُ قَرَأَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا قَرَأَهُ .

Maksudnya : *“Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas tentang firman Allah Ta'ala: (Janganlah kamu gerakkan lidah mu untuk (membaca) Al-Quran kerana hendak cepat-cepat ingin (menguasainya).”Berkata Ibnu 'Abbas: "Rasulullah SAW sangat kuat keinginannya untuk menghafaz apa yang diturunkan (Al-Quran) dan menggerakkan kedua bibirnya. "Berkata Ibnu 'Abbas: "Aku akan menggerakkan kedua bibir ku (untuk membacakannya) kepada kalian sebagaimana Rasulullah SAW melakukannya kepada ku". Berkata Sa'id: "Dan aku akan menggerakkan kedua bibir ku (untuk membacakannya) kepada kalian sebagaimana aku melihat Ibnu 'Abbas melakukannya. Maka Nabi SAW menggerakkan kedua bibirnya, Kemudian turunlah firman Allah Ta'ala: Janganlah kamu gerakkan lidah mu untuk (membaca) Al-Quran kerana ingin cepat (menguasai)nya. Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dada mu) dan (membuat mu mampu) membacanya". Maksudnya Allah mengumpulkannya di dalam dada mu (untuk dihafaz) dan kemudian kamu membacanya: "Apabila Kami telah selesai membacakannya, maka ikutilah bacaannya itu". Maksudnya: "Dengarkanlah dan diamlah". Kemudian Allah Ta'ala berfirman: "Kemudian, sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya. Maksudnya: "Dan Kewajiban Kamilah untuk membacakannya" Dan Rasulullah SAW sejak saat itu bila Jibril a.s. datang kepadanya, Rasulullah SAW mendengarkannya. Dan bila Jibril a.s. sudah pergi, maka Nabi SAW membacakannya (kepada para sahabat) sebagaimana Jibril a.s. membacakannya kepadanya” (al-Bukhari, 2001)*

Tabiat insan pada diri Rasulullah SAW yang memiliki sifat tanggungjawab, telah memperlihatkan bagaimana perihal baginda pada peringkat awal penurunan wahyu al-

Quran. Rasulullah SAW sangat bimbang sekiranya tidak dapat mengingati wahyu yang turun dan tidak dapat membacakan dan mengajarkannya kepada para sahabat r.a. sehingga Rasulullah SAW kelihatan tergesa-gesa untuk mengingati wahyu yang turun (al-'Asqalani, 2004).

Dua perkara yang dapat disimpulkan daripada riwayat tersebut, pertama untuk menghafaz al-Quran tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa, sebaliknya hendaklah dilaksanakan dengan penuh kesabaran dan ketekunan. Al-Quran sendiri telah menjelaskan hikmah wahyu tidak diturunkan sekali gus kepada Nabi SAW. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Furqaan ayat 32 ketika menjelaskan kepada orang kafir berkenaan masalah ini:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً
كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلاً

Maksudnya :*"Dan orang yang kafir berkata: "Mengapa tidak diturunkan Al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekali gus)?" Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hati mu (Wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepada mu dengan teratur satu persatu."*

Menurut al-Qattan (1998), adalah menyukarkan bagi umat ini untuk menghafaz al-Quran secara keseluruhannya sekiranya ianya diturunkan secara sekali gus. Lebih-lebih lagi ia turun kepada seorang nabi yang 'Ummi dan umat yang 'Ummi. Kesukaran itu juga akan melibatkan usaha untuk memahami dan mendalami maksud ayat-ayatnya. Maka apabila al-Quran diturunkan oleh Allah SWT secara beransur-ansur, telah menjadikan al-Quran itu mudah untuk dihafaz dan difahamai maksud ayat-ayatnya.

Kedua, menghafaz al-Quran mesti melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah dilalui oleh Rasulullah SAW yang telah menjadi murid kepada gurunya Jibril a.s. secara *talaqqi al-musyafahah*. Bagi tujuan mengekalkan dan memperkukuhkan hafazan al-Quran dalam dada Rasulullah SAW, Jibril a.s. sentiasa datang bertadarus untuk menyemak bacaan al-Quran Rasulullah. Ibn Abbas r.a. telah meriwayatkan dalam hadis al-Bukhari:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ وَكَانَ أَجْوَدَ مَا
يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ
رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ

Maksudnnya: “Rasulullah SAW adalah manusia yang paling lembut terutama pada bulan Ramadan ketika

malaikat Jibril a.s. menemuinya dan adalah Jibril a.s. mendatangnya setiap malam di bulan Ramadan, pada ketika itu Jibril a.s. mengajarkan Al Quran.” (al-Bukhari, 2001)

Abu Hurairah r.a. juga pernah meriwayatkan dalam hadis yang telah direkodkan oleh Imam al-Bukhari dalam sahihnya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: كَانَ يَعْرِضُ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
الْقُرْآنَ كُلَّ عَامٍ مَرَّةً فَعَرَضَ عَلَيَّ مَرَّتَيْنِ فِي الْعَامِ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ

Maksudnya : "*Biasanya Jibril a.s. menyemak bacaan Al-Quran Nabi SAW sekali pada setiap tahunnya. Namun pada tahun wafatnya Rasulullah SAW, Jibril melakukannya sebanyak dua kali.*" (al-Bukhari, 2001)

Kedua-dua riwayat ini menunjukkan bahawa keutamaan *murajaah* atau sentiasa mengulang hafazan al-Quran adalah suatu yang sangat penting bagi seorang penghafaz al-Quran. Bahkan *murajaah* ini hendaklah dilaksanakan dengan seorang penyemak sebagaimana Nabi SAW telah disemak hafazan Baginda oleh Jibril a.s.

Rasulullah SAW juga sentiasa membasahkan bibirnya dengan al-Quran sama ada dalam solat, tahajjud, sewaktu sendirian atau bersama para sahabat, semasa dalam keadaan senang mahu pun susah. Setiap masa Rasulullah SAW tidak

pernah meninggalkan al-Quran. Nabi SAW pernah mengumpamakan al-Quran dengan unta yang terikat. Sabda Rasulullah SAW:

تَعَاهَدُوا الْقُرْآنَ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ هُوَ أَشَدُّ تَفَصُّبًا مِنَ الْإِبِلِ فِي
عُقُلِهَا

Maksudnya: *"Peliharalah selalu Al-Quran, demi zat yang jiwa ku berada di Tangan-Nya, sungguh ia (al-Quran) cepat hilang daripada unta liar yang terikat."* (al-Bukhari, 2001)

SEJARAH HAFAZAN AL-QURAN DI ZAMAN SAHABAT R.A.

Para sahabat r.a. merupakan orang yang paling hampir dengan Rasulullah SAW dan mereka adalah generasi terbaik. Oleh itu mereka mempunyai banyak kelebihan dalam menjalani proses menghafaz al-Quran kerana Rasulullah SAW adalah merupakan guru mereka. Setiap kali turunnya ayat al-Quran pada diri Rasulullah SAW maka tanpa berlengah Baginda terus menyampaikan ayat tersebut kepada para sahabatnya. Para sahabat pula akan membaca dan menghafaz al-Quran dengan bersungguh-sungguh demi menghayati dan mengaplikasikan seruan Allah SWT yang menggalakkan hamba-hamba-Nya supaya memperbanyakkan

bacaan al-Quran. Allah SWT berfirman dalam Surah Fatir ayat 29 hingga 30 yang berbunyi:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ . لِيُؤْفِقَهُمُ
أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ .

Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurnia Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang yang bersyukur kepadanya).

Ayat ini jelas memuji golongan yang sentiasa membaca al-Quran sama ada siang atau malam. Mereka dijanjikan oleh Allah SWT dengan ganjaran yang berlipat kali ganda di akhirat kelak. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Usman, Ibn Mas'ud dan Ubay bin Ka'ab r.a. mereka menyebut bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُقْرَأُهُمُ الْعَشْرَ فَلَا
يُجَاوِزُونَهَا إِلَى عَشْرِ أُخْرَى حَتَّى يَتَعَلَّمُوا مَا فِيهَا مِنَ الْعَمَلِ،
فَيَعْلَمُونَ الْقُرْآنَ وَالْعَمَلَ جَمِيعًا

Maksudnya: "Sesungguhnya Rasulullah SAW membacakan kepada mereka (para sahabat) sepuluh ayat, mereka tidak akan menambah kepada sepuluh ayat berikutnya sampai mereka mengerti isi kandungan ayat-ayat tersebut dan mengamalkannya." (Al-Qurtubi, 1997)

Sementara Abdullah bin Mas'ud r.a. sangat berbangga bahawa dirinya dapat mengambil bacaan sebanyak tujuh puluh surah secara langsung daripada mulut Rasulullah SAW beliau mengatakan bahawa:

لَقَدْ قَرَأْتُ مِنْ فَمِ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - سَبْعِينَ سُورَةً.

Maksudnya: "Sesungguhnya aku telah mengambil bacaan sebanyak tujuh puluh surah secara langsung daripada mulut Rasulullah SAW" (al-Zahabi, 2006)

Ramai dalam kalangan para sahabat yang menghafaz al-Quran seperti Ubay bin Ka'ab, Abdulah bin Mas'ud, Zaid bin Thabit, Muawiyah bin Abi Sufian dan ramai lagi. Mereka telah melalui beberapa tahap dalam melakukan proses menghafaz al-Quran. Proses hafazan tersebut dilakukan dengan mendengarkan bacaan al-Quran secara langsung

daripada Nabi SAW dan mereka terus mengikut bacaan Nabi SAW dengan disemak oleh Rasulullah sendiri. Ini bermaksud kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* dilaksanakan antara Nabi SAW dan para sahabat dalam pengajaran al-Quran sebagaimana yang telah dilalui oleh Rasulullah sendiri ketika bersama dengan Jibril a.s. Seterusnya para sahabat akan menghafaz sekadar bacaan yang telah dibaca di hadapan Nabi iaitu sekitar sepuluh ayat. Kemudian mereka akan memahami maksud-maksud ayat yang dihafaz untuk diamalkan. (Ahsin Sakho Muhammad, 2015).

Apabila ramainya bilangan para sahabat yang datang belajar al-Quran daripada Nabi SAW, maka Nabi pun telah melantik beberapa orang guru al-Quran dalam kalangan para sahabat yang lebih senior sebagaimana yang disabdakan oleh baginda SAW:

خُذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ وَسَالِمٍ وَمُعَاذِ بْنِ
جَبَلٍ وَأُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ

Maksudnya: "Ambillah al-Quran itu daripada empat orang, Abdullah bin Mas'ud, Salim (Maula Abi Huzaiifah), Muaz bin Jabal dan Ubay bin Ka'ab." (al-Bukhari, 2001).

SEJARAH HAFAZAN AL-QURAN DI ZAMAN *TABI'IN* DAN *ATBA' AL-TABI'IN*

Apabila wafatnya Rasulullah SAW, peranan mengajar atau guru diambil alih oleh para sahabat. Para sahabat menjadi guru kepada generasi seterusnya yang dipanggil sebagai *tabi'in*. *Tabi'in* adalah mereka yang tidak hidup pada hayat Nabi SAW atau mereka yang tidak berjumpa dengan Nabi SAW Mereka mempelajari ilmu daripada para sahabat. Bermula zaman *tabi'in*, lahirlah pusat-pusat pengajian seperti madrasah, sekolah dan maktab yang menyumbang kepada perkembangan keilmuan Islam ke serata dunia. Sistem pengajian yang pelbagai ini adalah berasaskan amalan Rasulullah SAW dan diikuti dengan meluas di serata dunia (Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid (2014).

Pada masa tersebut ramailah dalam kalangan *tabi'in* yang mempelajari ilmu-ilmu al-Quran termasuklah bacaan al-Quran daripada para sahabat. Antara para *tabi'in* yang belajar di Mekah dengan Abdullah bin 'Abbas ialah Sa'id bin Jubair, Mujahid, 'Ikrimah, Maula Ibn. 'Abbas, Towus bin Kisan al-Yamani dan 'Ata' bin Abi Rabah. Antara para *tabi'in* yang belajar di Madinah dengan Ubay bin Ka'ab ialah Zaid bin Aslam, Abu 'Aliyyah dan Muhammad bin Ka'ab. Antara para *tabi'in* yang belajar di Iraq ialah 'Alqamah bin Qais, Masruq,

Al-Aswad bin Yazid, 'Amir al-Sya'bi, Al-Hasan Al-Basri dan Qatadah bin Da'amah al-Sadusi (al-Qattan, 1998). Mereka semua adalah penghafaz al-Quran.

Atba' al-Tabi'in pula adalah golongan selepas *tabi'in*. Antara *atba' al-Tabi'in* yang menghafaz al-Quran ialah Imam al-Shafi'i yang telah menghafaz al-Quran pada usia tujuh tahun dan menghafaz al-Muwatta' Imam Malik pada usia sepuluh tahun (al-Zahabi, 2006). Selain itu, Sahl bin Abdullah al-Tastari seorang lagi dari generasi ini turut menghafaz al-Quran ketika berusia enam atau tujuh tahun. Tokoh yang lain pula adalah Imam al-Nawawi yang telah menghafaz keseluruhan al-Quran ketika hampir sampai umur baligh (al-Zahabi, 2006).

Para penghafaz al-Quran pada generasi *tabi'in* dan *atba' al-Tabi'in* lain yang masyhur adalah seperti Ibnu Musayyab, 'Urwah, 'Umar bin Abdul Aziz, Sulaiman bin Yasar, Ibnu Syihab al-Zuhri, Abdul Rahman bin Hurmuz, Muaz bin Harith, 'Ata', Mujahid, Towus, Ikrimah, Ibnu Abi Mulaikah, Ubaid bin Umair, Amir bin Abdul Qais, Abdul Aliyyah, Nasr bin 'Asim, Yahya bin Ya'mar, Ruba'i bin Haitham, Harith bin Qais, Umar bin Syurahbil, Amar bin Maimun, Abu Abdul Rahman bin al-Sulami, Ubaid Ibnu Fadla'ah, Abu Mur'ah bin Amr, Sa'id bin Jubair, Mughirah

bin Abu Shihab al-Makhzumi dan Khulaib bin Sa'id. Mereka inilah yang mempelopori pengawasan dan penelitian terhadap al-Quran pada zaman *tabi'in* dan *atba' al-Tabi'in* (al-Zahabi, 2006). Maka dapatlah difahami bahawa al-Quran ini sampai dari satu generasi kepada satu generasi sehingga sampai kepada kita hari ini adalah melalui jalan riwayat yang dihubungkan melalui rantaian sanad secara *mutawatir*.

RUJUKAN

- Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari Al-Qurtubi.(1997).*al-Jami' Li Ahkam al-Quran*, j. 1, Beirut, Dar al-Kutub al-Arabi
- Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani. (2004).*Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 1, Kaherah, Dar al-Hadis
- Al-Qattan, Manna'.(1998).*Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, Beirut, Muassasah al-Risalah, c.35
- Kh. Ahsin Sakho Muhammad.(2015).*Mendepani Kepelbagaian Hafazan di Indonesia: Beberapa Metode Tahfiz al-Quran di Indonesia* (Kertas Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara di Institut Latihan Islam Malaysia Bangi, 1-3 Jun 2015)
- Muhammad bin Isma'il Abu 'Abdullah al-Bukhari.(2001).*Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran*, Bab Surah "Abasa
- Muhammad bin Isma'il Abu 'Abdullah al-Bukhari.(2001).*Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran*, Kitab Fadail al-Quran, Bab Khairukum Man Ta'allama al-Quran
- Sedek Ariffin dan Siti Sarah Wahidah Wahid.(2014).*Kajian Metodologi Hafazan al-Quran*, Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Syamsuddin Muhammad bin Ahmad bin Usman al-Zahabi.(2006).*Siyar A'lam al-Nubala'*, j. 1, Kaherah, Dar al-Hadis

BAB 2

KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN MENGHAFAZ AL-QURAN²

KEPENTINGAN MENGHAFAZ AL-QURAN

Menghafaz al-Quran merupakan satu usaha kerja yang dipandang mulia di sisi Islam. Hakikat ini dapat difahami melalui nas-nas syarak yang menyentuh keutamaan dan kelebihan menghafaz al-Quran dari al-Quran dan al-Sunnah.

Nusus al-Quran al-Karim

Pertama ialah sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Qamar ayat 17:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

Maksudnya :*"Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan Al-Quran untuk peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?"*

Menurut al-Qadi Ibn Muhammad (t.t), berdasarkan kepada tafsiran yang dibuat oleh para ulamak tafsir, antara kesimpulan yang dapat difahami dari ayat ini ialah berkaitan

menghafaz dan mengingati al-Quran. Kalimah (لِلذِّكْرِ) bermaksud menghafaz al-Quran dan maksud (فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ) membawa maksud galakan mengingat dan menghafaznya supaya menjadi peringatan, pengajaran dan hidayah dalam jiwa seseorang. Oleh yang demikian lafaz-lafaz al-Quran itu biasanya mudah untuk dibaca dan maknanya pula mudah bagi sesiapa yang mahu mempelajari dan memahaminya. Mujahid mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa Allah SWT menjadikan lafaz-lafaz al-Quran itu mudah untuk dibaca (Ibn Kathir, 2005). Tujuan tersebut antaranya adalah untuk dihafaz, dipelajari dan difahami makna-maknanya untuk dilaksanakan tuntutan dan ajarannya. Selain dari maksud al-Quran itu boleh dihafaz, keadaan ini juga menunjukkan bahawa hafazan merupakan salah satu dari kaedah pembelajaran ilmu khususnya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu syariat yang bersumberkan wahyu.

Kedua ialah sebagaimana yang terdapat di dalam firman Allah SWT dalam Surah Al-'Ankabut ayat 49 :

بَلْ هُوَ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ فِي صُدُورِ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ ...

Maksudnya : "*(Al-Quran tetap datangnya daripada Allah dengan tidak syak lagi) bahkan ia ayat-ayat keterangan yang jelas nyata, yang terpelihara dalam dada orang yang berilmu.*"

Dalam kitab *Tafsir Taisir al-Quran al-Karim* dijelaskan bahawa maksud al-Quran yang mengandungi ayat-ayat keterangan yang jelas dan nyata terpelihara dalam dada-dada orang yang berilmu itu ialah daripada kalangan ketua-ketua kaum, golongan ahli fikir dan cerdik pandai daripada kalangan kaum mereka. Menurut al-Sa'diyy (2003) bahawa apabila al-Quran ini terpelihara dalam dada-dada (dihafaz) golongan tersebut, maka ia akan menjadi hujah yang kuat kepada golongan yang ingkar terhadap al-Quran.

Ketiga ialah pada Surah al-Qiyamah ayat 17 :

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُ

Maksudnya : "*Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dada mu), dan menetapkan bacaannya (pada lidah mu)*"

Ayat tersebut menunjukkan bahawa Allah SWT akan menetapkan al-Quran itu terpelihara dalam dada Rasulullah SAW sehingga Rasulullah SAW akan dapat membacanya kembali di hadapan masyarakat Arab sebagaimana yang telah ditafsirkan oleh Abdullah bin Abbas r.a. Kesungguhan Rasulullah SAW untuk mengingat ayat-ayat al-Quran ketika wahyu diturunkan menunjukkan bahawa kepentingan tugas menghafaz al-Quran adalah sangat penting bagi seorang pendakwah. Mereka perlu berhujah dengan dalil-dalil syarak

terutamanya al-Quran ketika mengajar dan berdakwah. Tugas dakwah ini akan menjadi mudah sekiranya dalam dada-dada pendakwah itu ada al-Quran.

Nusus al-Sunnah al-Nabawiyah

Pertama ialah sebagaimana Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنَ الدَّجَالِ

Maksudnya : "*Siapa yang menghafaz sepuluh ayat dari awal surat Al-Kahfi, maka ia akan terpelihara dari (kejahatan) Dajal.*" (an-Naisaburi, 1999).

Kedua ialah sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ حَافِظٌ لَهُ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَةِ وَمَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ وَهُوَ يَتَعَاهَدُهُ وَهُوَ عَلَيْهِ شَدِيدٌ فَلَهُ أَجْرَانِ

Maksudnya: "*Perumpamaan orang membaca Al-Quran sedangkan ia menghafaznya, maka ia akan bersama para Malaikat yang mulia. Sedangkan perumpamaan seorang yang membaca Al-Quran dengan tekun, dan dia mengalami kesulitan atasnya, maka dia akan mendapat dua ganjaran pahala.*" (al-Bukhari, 2001).

Ketiga ialah sebagaimana yang dijelaskan oleh Baginda Rasulullah SAW:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَحَفِظَهُ أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ وَشَفَعَهُ فِي عَشْرَةِ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلُّهُمْ قَدْ اسْتَوْجَبُوا النَّارَ

Maksudnya: "*Barang siapa membaca Al-Quran dan menghafalnya, maka Allah akan memasukkannya ke dalam syurga serta akan memberi syafaat kepada sepuluh daripada keluarganya yang seharusnya masuk neraka.*"

Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan dihukumkan daif oleh al-Albani (al-Albani,t.t.).

Pada ketiga-tiga hadis tersebut menunjukkan bahawa Islam amat menggalakkan umatnya sentiasa membaca al-Quran dan menghafalnya. Ketinggian dan kedudukan al-Quran sebagai dasar dan rujukan utama dalam syariah Islam telah meletakkan pendamping dan penghafaznya pada satu kedudukan dan kelebihan yang tinggi dalam Islam. Hal ini dapat difahami dari hadis Nabi SAW :

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya : "*Orang yang paling baik di antara kalian adalah seorang yang belajar al- Quran dan mengajarkannya*"(al-Bukhari, 2001)

Untuk menguasai ilmu dalam syariat Islam, adalah amat digalakkan untuk menghafaz nas-nas al-Quran yang menjadi dasar hukum sebagaimana Rasulullah SAW. Manakala para sahabat baginda pula menghafaz al-Quran dan juga al-Hadith kerana kedua-duanya adalah sumber rujukan yang paling utama dalam Islam.

KEPENTINGAN MEMAHAMI AYAT AL-QURAN

Al-Quran merupakan sumber rujukan yang paling utama dalam Islam. Allah SWT telah menyatakan melalui firman-Nya dalam Surah al-Baqarah ayat 1 hingga 2 :

الْم ﴿١﴾ ذٰلِكَ الْكِتٰبُ لَا رَيْبَ فِيْهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِيْنَ ﴿٢﴾

Maksudnya :*"Alif, Laam, Miim. Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa"*

Allah SWT menyatakan pula dalam surah yang lain dengan firman-Nya dalam Surah al-Isra' ayat 9 :

اِنَّ هٰذَا الْقُرْاٰنَ يَهْدِيْ لِتٰى هِىَ اَقْوَمُ ...

Maksudnya :*"Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam)"*

Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia adalah untuk menjadi petunjuk atau hidayah dalam kehidupan mereka. Ini dapat difahami dari kedua-dua firman Allah SWT tersebut. Maka dengan itu al-Quran menjadi sumber rujukan utama dalam kehidupan. Untuk mencapai maksud tersebut, ayat-ayat al-Quran perlu dipelajari

dan difahami maksudnya agar dapat mengambil iktibar dan pengajaran bagi melaksanakan hukum-hakam yang terkandung di dalamnya. Maka dari sinilah datangnya kepentingan memahami maksud atau makna ayat-ayat al-Quran.

Proses hafazan al-Quran yang dilalui oleh golongan awal daripada kalangan sahabat, *tabi'in* dan *atba' al-tabi'in*, elemen memahami maksud ayat atau *mentadabbur* ayat al-Quran adalah suatu yang sangat penting bagi mereka, sehinggakan mereka tidak akan berpindah kepada ayat yang lain untuk dihafaz selagi mana mereka tidak benar-benar faham maksudnya dan belum mengamalkannya. Abdullah bin Mas'ud ada menyebut mengenai suasana fitnah kepada agama yang akan berlaku pada akhir zaman antaranya ialah ramainya golongan tahu membaca tetapi sedikit sahaja yang faham. Dalam riwayat tersebut beliau menyatakan bahawa:

كَيْفَ بَكُمْ إِذَا لَيْسَتْكُمْ فِتْنَةٌ يَرَبُّوا فِيهَا الصَّغِيرُ وَيَهْرُمُ فِيهَا الْكَبِيرُ
وَتُتَّخَذُ سَنَةً فَإِنَّ عُمَيْرَ يَوْمًا قِيلَ هَذَا مِنْكَرٌ قَالَ وَمَتَى ذَلِكَ قَالَ إِذَا
قَلَّتْ أَمْنَاؤُكُمْ وَكَثُرَتْ أَمْرَاؤُكُمْ وَقَلَّتْ فَفَهَاؤُكُمْ وَكَثُرَتْ قَرَاؤُكُمْ وَتُنْفِقَهُ
لِغَيْرِ الدِّينِ وَالتُّمِسَتْ الدُّنْيَا بِعَمَلِ الْآخِرَةِ

Maksudnya : "*Bagaimana kamu nanti, apabila kamu diselubungi fitnah, anak-anak kecil membesar dalam suasana fitnah, orang tua semakin tua dalam suasana fitnah, (suasana apabila) sesuatu itu dianggap sunnah (atau agama), jika kita ubah, maka akan dikatakan ini mungkar. Mereka bertanya: Bilakah akan berlaku yang*

demikian itu wahai Abu Abdul Rahman? Jawabnya: Apabila sedikit orang yang amanah sedangkan ramai pula golongan pemerintah atau pemimpin, sedikit pula orang yang faham sedangkan ramai yang membaca, ada pula orang yang mahu menjadi faqih tetapi bukan untuk tujuan agama dan apabila dicari dunia dengan amalan akhirat." (al-San'ani,1983).

Golongan awal telah memberi contoh kepada kita bahawa apabila mereka berinteraksi dengan al-Quran untuk membaca dan menghafaz, mereka akan turut berusaha untuk memahami maksud-maksud ayat. Keadaan ini menunjukkan kepada kepentingan memahami ayat-ayat al-Quran dalam diri seorang penghafaz al-Quran.

RUJUKAN

Abd. Rahman bin Nasir al-Sa'diyy.(2003).*Taisir al-Karim Ar-Rahmaan Fi Kalam al-Mannan*, Beirut Lubnan, Dar Ibn Hazm

Abul Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisaburi.(1999).*Bab Fadhillat Surah al-Kahf*, no. Hadith1342, Abu Daud, Bab Khuruj al-Dajjal

Abu Bakar Abdul Razaq bin Hammam al-San'ani.(1983).*al-Musannaf Abdul Razaq*, Bab al-Fitan

Al-Qadi Ibn Muhammad Abd. al-Haq al-Andalusiyy (t.t.), *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-Aziz*, Beirut Lubnan, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah j. 5

Al-Albani.(t.t).*Sahih dan Daif Ibn Majah*, ms.38, Ahmad Syakir, *Musnad Ahmad*, j. 2

Ibn Kathir.(2005).*Tafsir al-Quran al-'Azhim*, Kaherah Mesir, Dar al-Hadis

Muhammad bin Isma'il Abu 'Abdullah al-Bukhari.(2001). *Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran*, Kitab Fadaail al-Quran, Bab Khairukum Man Ta'allama al-Quran

BAB 3

KAEDAH-KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN DI DUNIA³

PERKEMBANGAN KAEDAH HAFAZAN PELBAGAI NEGARA DI MALAYSIA

Perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia menyaksikan banyak kaedah hafazan al-Quran yang dibawa masuk ke negara ini. Kaedah hafazan al-Quran juga berbeza mengikut negara. Antara kaedah hafazan yang terkenal mengikut negara ialah seperti berikut:

Kaedah Hafazan al-Quran India

Kaedah hafazan dari India juga dikenali dengan kaedah Deobandy yang merujuk kepada sebuah wilayah di negara tersebut. Kaedah ini mempunyai kaitan langsung dengan jemaah tabligh kerana peringkat awal perkembangan awal kaedah ini di Malaysia adalah atas inisiatif mereka. Antara institusi tahfiz yang menggunakan kaedah ini ialah Madrasatul Quran Kubang Bujuk di Terengganu dan Maahad Tahfiz al-Quran Sri Petaling.

Kaedah Hafazan al-Quran Pakistan

Kaedah hafazan ini pula dikenali dengan Panipati iaitu merujuk kepada daerah asal guru yang merintis kaedah ini. Kaedah ini menggunakan pendekatan denda yang amat berat kepada pelajar. Oleh itu, pelajar yang ingin mengikuti kaedah ini perlu mempunyai minat yang tinggi dalam menghafaz al-Quran. Di Malaysia, antara institusi tahfiz yang melaksanakan kaedah ini ialah Maahad Tahfiz al-Quran Lorong Alif, Jitra, Kedah.

Kaedah Hafazan al-Quran Arab Saudi

Kaedah hafazan ini dipelopori oleh pelajar yang pernah belajar di Madrasah al-Kahiriyyah Masjid al-Haram di Makkah, Arab Saudi. Madrasah al-Kahiriyyah ini merupakan sebuah entiti pengajian yang menawarkan pengajian tahfiz al-Quran secara percuma tanpa sebarang kelayakan umur dan akademik. Pusat pengajiannya adalah di Masjid al-Haram, Mekah. Kaedah ini kurang diamalkan di Malaysia kerana lepasan pelajarnya adalah kurang daripada kalangan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, pengetua pertama Darul Quran iaitu Dato' Haji Mohammad Noor bin Ibrahim adalah salah seorang pelajar yang mengikuti kaedah pengajian ini di Mekah.

Kaedah Hafazan al-Quran Indonesia

Kaedah ini dipelopori oleh ustazah Maesun binti Talmad yang merupakan anak kelahiran Cirebon Jawa Barat Indonesia. Kaedah ini bertapak di Maahad Tahfiz al-Quran al-Husni batu 20 ½ Jeram, Kuala Selangor.

Kaedah Hafazan al-Quran Turki

Kaedah ini diperkenalkan di Malaysia yang berasal dari institusi tahfiz di Turki iaitu Institut Tahfiz Tuba *Kiz Quran Kusu Suadiye* Istanbul Turki. Kaedah ini dipelopori oleh pelajar lepasan dari institut tersebut iaitu Ustazah Kasmawati binti Mohd Said yang menubuhkan Tahfiz al-Quran Darul Tuba, Taman Tangkak Jaya, Tangkak, Johor.

Kaedah Hafazan al-Quran Bangladesh

Secara khususnya kaedah ini dikenali dengan kaedah Malwali yang diperkenalkan oleh Maulana Omor bin Shahril ketika beliau berada di Bangladesh. Malwali adalah merujuk kepada nama sebuah tempat di Bangladesh yang terbinanya sebuah madrasah tahfiz al-Quran Darul Ulum.

ANALISIS KAEDAH DAN TEKNIK HAFAZAN AL-QURAN NEGARA-NEGARA

Dikemukakan di sini analisis ringkas berkenaan dengan kaedah dan teknik hafazan negara-negara yang merangkumi

aspek penentuan kadar dan had hafazan, Tajwid, *Makhrāj* dan *Fasahah*, melancarkan ayat hafazan dan pengujian hafazan.

Penentuan Kadar dan Had Hafazan

Kaedah Hafazan Deobandy menetapkan kadar hafazan mengikut kemampuan pelajar berdasarkan muka surat. Sebahagian pelajar menghafaz setengah muka surat, satu muka surat dan seterusnya dan ini amat bergantung pada kemampuan pelajar yang berbeza-beza. Kaedah hafazan lain yang menggunakan muka surat ialah kaedah Panipati, kaedah Cirebon Indonesia, kaedah hafazan Turki dan kaedah hafazan Malwali, Bangladesh. Had hafazan berdasarkan *maqrak* pula ialah sebagaimana yang dilakukan oleh Pengetua pertama Darul Quran JAKIM iaitu Dato' Haji Mohammad Nor bin Ibrahim dalam mengendalikan kelas tahfiz di rumah beliau. Beliau telah mengadakan kelas tahfiz tersebut bermula selepas beliau pulang dari Mekah pada 1937. Sukatan hafazan yang diwajibkan kepada pelajarannya ialah sebanyak dua *maqrak* sehari (Ab Rahman al-Qari Abdullah, Shukeri Mohamad & Zulkifli Haji Mohd Yusoff, 2012).

Dalam kaedah hafazan Luh dari Mekah, had hafazan adalah berdasarkan surah-surah di dalam al-Quran. Bagi surah-surah yang pendek had hafazan adalah berdasarkan surah. Bagi surah yang panjang, had hafazan adalah mengikut kisah-kisah di dalam al-Quran atau mengikut potongan-potongan isu yang dikemukakan.

Selain daripada itu, perkara yang perlu ditetapkan juga ialah di manakah had hafazan tersebut bermula dan berakhir. Kaedah hafazan Deobandy, mula menghafaz daripada juzuk 30, 29, 28, 27, 26 kemudian diikuti juzuk 1 hingga juzuk 25. Kaedah Luh, Mekah pula mula menghafaz daripada juz 30 hingga juz 1 atau surah bermula daripada Surah an-Nas hingga al-Baqarah. Bagi surah yang panjang hafazan adalah mengikut kisah atau isu yang diceritakan dalam ayat tersebut. Kadar kebiasaannya ialah 10 baris hingga dua ke tiga muka surat. Kaedah Cirebon Indonesia pula bermula dari juzuk 30 hingga 1. Manakala kaedah Turki bermula daripada muka surat 20 juzuk pertama diikuti muka surat 20 juzuk kedua dan seterusnya juzuk 30 kemudian diikuti muka surat 19.

Tajwid, *Makhraj* dan *Fasahah*

Antara kemahiran yang perlu ada sebelum menghafaz al-Quran ialah kemahiran berkaitan dengan hukum-hakam tajwid, *makhraj* huruf dan *fasahah*. Terdapat kaedah hafazan

negara-negara lain yang memberi penekanan kepada kemahiran ini. Ini adalah seperti kaedah hafazan Deobandy, India yang mengadakan kelas bagi membaiki bacaan. Begitu juga dengan kelas nazirah yang diadakan dalam kaedah hafazan negara Bangladesh iaitu kaedah hafazan Malwali. Selain itu, kaedah hafazan negara turki juga mengadakan kelas kelancaran sebelum pelajar menghafaz al-Quran.

Melancarkan Ayat Hafazan

Antara teknik penting yang turut membantu hafazan ialah melancarkan ayat yang ingin dihafaz beberapa kali dengan melihat mashaf. Dalam kaedah hafazan Turki, pelajar perlu membaca dan melihat kepada mashaf al-Quran sebanyak 10 kali khatam sebelum diberikan kebenaran untuk menghafaz. Pelajar diwajibkan menghabiskan bacaan al-Quran keseluruhannya dengan melihat mashaf dengan memelihara tajwid berserta pemantauan guru.

Dalam kaedah hafazan Panipati, pelajar akan membaca ayat al-Quran yang akan dihafaz dengan melihat mashaf. Kadar bacaan adalah berdasarkan kemampuan pelajar. Bagi kaedah Malwali, kelas khas akan diadakan bagi membantu pelajar melancarkan bacaan sebelum menghafaz. Kelas ini dinamakan kelas Nazirah. Jumlah ulangan adalah terlalu banyak sehingga menyebabkan pelajar mudah untuk menghafaz. Kebanyakan pelajar menghabiskan masa setahun

dalam kelas ini. Dalam kaedah Luh, Mekah, pelajar dikehendaki menggunakan mashaf cetakan Madinah secara formal. Mereka tidak dibenarkan menggunakan al-Quran lain.

Pengujian Hafazan

Dalam kaedah hafazan Luh Mekah, ujian diadakan sebanyak dua kali iaitu ketika tamat 15 juzuk dan ketika tamat 30 juzuk. Sebanyak 3 soalan akan ditebuk ketika 15 juzuk. Bagi 30 juzuk sebanyak 10 soalan pula dikemukakan. Soalan adalah secara rawak tanpa mengira *maqrak*, awal surah dan seumpamanya. Kaedah hafazan Cirebon, Indonesia pelajar yang telah khatam 30 juzuk akan menduduki *syahadah* dengan persediaan kelas khas yang melalui beberapa peringkat. Peringkat pertama, pelajar perlu ulang 1 juzuk setiap hari dengan guru dengan syarat telah membaca 10 kali juzuk tersebut. Selama lima bulan diperlukan. Peringkat kedua ialah membaca dua juzuk di hadapan guru dengan syarat telah membaca sebanyak lapan kali juzuk tersebut. Selama dua bulan setengah diperlukan. Peringkat ketiga ialah membaca tiga juzuk di hadapan guru dengan syarat telah membaca enam kali juzuk tersebut. Selama 50 hari diperlukan. Peringkat keempat pula, pelajar perlu membaca sebanyak empat juzuk di hadapan guru dan telah baca sendirian sebanyak 4 kali. Selama 40 hari diperlukan. Dan berikutnya beberapa langkah lagi sehingga langkah terakhir

iaitu perlu membaca juzuk pertama hingga juzuk 30 di hadapan guru dalam tempoh satu, dua atau tiga hari.

Kaedah hafazan Deobandy, pelajar yang telah khatam akan menduduki kelas khas untuk mengulang ayat yang telah dihafaz antara tempoh masa selama 6 bulan sehingga dua tahun. Keseluruhan al-Quran dibahagikan kepada 3 bahagian dengan setiap bahagian merangkumi 10 juzuk. Ulangan di hari pertama dimulai dengan juzuk pertama, hari kedua juzuk ke 11 dan hari ketiga pada juzuk 21 dan seterusnya sehinggalah tamat 30 juzuk. Sehingga kepada beberapa kali khatam. Dari 1 juzuk sehari kemudian ditingkatkan kepada tiga juzuk sehari dan sehingga lima juzuk. Pada peringkat 5 juzuk sehari ini, pelajar akan mula membaca mengikut urutan juzuk. Seterusnya pelajar akan menduduki ujian. Ujian adalah sama ada membaca 30 juzuk sehari, 30 juzuk dalam masa dua hari atau 30 juzuk dalam masa tiga hari.

Rumusan

Antara kemahiran yang perlu ada sebelum menghafaz al-Quran ialah kemahiran berkaitan dengan hukum-hukum tajwid, makhraj huruf dan fasahah. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya kelas kemahiran tajwid, makhraj dan fasahah diadakan sebelum pelajar mula menghafaz al-Quran. Kelas ini perlu memberi penekanan kepada ketiga-tiga aspek kemahiran ini iaitu tajwid, makhraj dan *fasahah*. Melalui kelas ini, setiap pembahagian hukum-hukum tajwid perlu dikuasai oleh pelajar begitu juga dengan semua aspek-aspek dalam *makhraj huruf* dan *fasahah*. Penguasaan pelajar terhadap kemahiran ini boleh dipantau melalui rekod tertentu bagi melihat aspek yang belum dikuasai oleh pelajar dan seterusnya memantau prestasi mereka dari semasa ke semasa. Setelah prestasi pelajar bagi ketiga-tiga kemahiran telah mencapai tahap yang baik, mereka boleh mula menghafaz al-Quran. Selain daripada kemahiran-kemahiran tersebut, kemahiran menghafaz itu sendiri perlu diberi penekanan. Bahkan kemampuan menghafaz merupakan kemahiran asas dalam menghafaz al-Quran. Antara teknik penting yang turut membantu hafazan ialah melancarkan ayat yang ingin dihafaz beberapa kali dengan melihat mashaf. Ini bermakna kemahiran yang perlu sebelum proses menghafaz al-Quran ialah kemahiran tajwid, fasahah, makhraj dan kelancaran. Sebelum membaca berulang kali dengan melihat mashaf, pelajar perlu peka dengan hukum tajwid, wakaf dan

ibtidak dan aspek-aspek lain bagi memastikan ayat yang akan dihafaz adalah bertepatan dengan hukum tajwid. Ketika membuat ulangan bacaan secara melihat mashaf, pelajar tidak digalakkan menukar mashaf. Sebagai contoh ketika ulangan bacaan kali kesepuluh, dengan bacaan yang masih belum lancar, pelajar telah menukar mashaf dan meneruskan ulangan bacaan untuk kali ke berikutnya. Bahkan sebenarnya, tindakan menukar mashaf adalah amat tidak digalakkan sehingga tamat menghafaz 30 juzuk al-Quran.

Ketika melancarkan ayat hafazan, pelajar akan melakukan ulangan bacaan melihat mashaf berulang kali seberapa banyak yang boleh sehingga bacaan ayat tersebut telah lancar, tidak mempunyai kesalahan tajwid, baris yang betul dan tidak tersekat-sekat. Setelah bacaan lancar, pelajar boleh mula menghafaz. Selain daripada itu, pelajar boleh juga memilih untuk meningkatkan jumlah ulangan bacaan dengan melihat mashaf walaupun telah lancar untuk terus mengingati ayat tersebut. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan jumlah ulangan hafazan tanpa melihat mashaf yang akan dilaksanakan ketika menghafaz. Justeru, secara kesimpulannya, kaedah ini mempunyai dua tahap. Pertama, membaca ayat yang akan dihafaz secara melihat mashaf berulang kali sehingga lancar. Kedua, membaca ayat yang akan dihafaz secara melihat mashaf berulang kali sehingga ingat. Sebagai contoh, bacaan pelajar telah lancar setelah pelajar

membaca al-Quran dengan melihat mashaf sebanyak 10 kali. Pelajar meneruskan ulangan bacaan dengan cara yang sama sehingga kali ke 40 dan dia telah mendapati, ayat-ayat tersebut telah pun mampu diingati dengan baik.

Secara umumnya, semakin banyak ulangan bacaan dengan melihat mashaf yang dilakukan, semakin mudah untuk pelajar menghafaz. Jumlah ulangan adalah berbeza antara pelajar. Ada sebahagian pelajar akan lancar bacaan setelah membaca sebanyak 10 kali, 20 kali dan sebagainya. Pelajar boleh membuat ujian sendiri tentang jumlah ulangan bacaan dengan melihat mashaf yang dia mampu lakukan sehingga bacaannya lancar. Bahkan pelajar juga boleh menguji sehingga ke tahap berikutnya iaitu jumlah ulangan bacaan dengan melihat mashaf yang diperlukan untuk terus mengingati ayat. Jumlah ini nanti akan digunakan sebagai panduan pelajar ketika menghafaz sukatan hafazan berikutnya. Sebagai contoh, melalui ujian sendiri yang dilakukan, pelajar mendapati bacaannya mencapai tahap lancar setelah 10 kali ulangan bacaan dengan melihat mashaf dan mampu mengingat setelah ulangan bacaan dengan melihat mashaf sebanyak 50 kali. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa semakin banyak ulangan bacaan dengan melihat mashaf, maka semakin banyak masa yang diperlukan kerana pelajar sama sekali tidak dibenarkan untuk membaca dengan laju walaupun bacaannya semakin lancar.

Ini bagi memastikan hukum berkaitan tajwid kekal terpelihara. Oleh itu, guru diberikan pilihan sama ada untuk mengadakan ujian penentuan tahap kemampuan pelajar mengingat melalui kaedah ulangan bacaan dengan melihat mashaf ini. Jika ujian ini dilakukan kepada pelajar-pelajarnya, sekurang-kurangnya guru dapat mengetahui tahap kemampuan pelajar mereka. Ini secara tidak langsung memberi gambaran berkenaan kekuatan hafazan pelajar-pelajar mereka.

Ulangan adalah antara aktiviti yang amat penting dalam menghafaz al-Quran. Boleh dikatakan semakin banyak kekerapan ulangan semakin kukuh ingatan terhadap hafazan dan begitulah sebaliknya. Adalah agak mustahil untuk dikatakan seorang individu mampu mengingat al-Quran dengan sekali ulangan dan tidak mustahil untuk dikatakan individu yang telah melakukan ulangan sebanyak 100 kali kurang ingat berbanding individu yang membuat ulangan sebanyak 40 kali.

RUJUKAN

- Ab Rahman al-Qari Abdullah, Shukeri Mohamad & Zulkifli Haji Mohd Yusoff (2012). *Pengajian Tahfiz al-Quran dan Qira'at di Kelantan: Satu Tinjauan terhadap Peranan Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim*. Dipetik daripada <http://repository.um.edu.my/21611/1/%2871-84%29.pdf> pada 28 September 2017.
- Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid. (2014). *Kajian Metodologi Hafazan al-Quran*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Ms. 114

BAB 4

KAJIAN TERHADAP PRINSIP ASAS DAN METODOLOGI HAFAZAN AL-QURAN⁴

ISTILAH DALAM METODOLOGI HAFAZAN AL-QURAN

Berhubung perkara berkaitan dengan metodologi hafazan al-Quran, terdapat beberapa istilah yang digunakan di dalam kajian-kajian dan penulisan yang berkaitan. Antaranya ialah gaya pembelajaran tahfiz al-Quran, strategi, kaedah, teknik, aktiviti, penggunaan alat bantuan hafazan, adab, persediaan, proses menghafaz, pengukuhan dan pengekalan hafazan.

Pelbagai bentuk pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan melibatkan strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Gabungan antara strategi, pendekatan, kaedah dan teknik perlu dilakukan bagi meningkatkan pencapaian al-Quran (Mohd Aderi, 2008).

Menurut sebahagian pengkaji, (Azmil bin Hashim & Misran Jemali, 2013) kesemua istilah tersebut adalah seperti Gaya Pembelajaran Tahfiz al-Quran, Strategi Pembelajaran Tahfiz

al-Quran, Kaedah Dalam Pembelajaran Tahfiz al-Quran. Ini dijelaskan seperti berikut:

Gaya Pembelajaran Tahfiz al-Quran

Gaya pembelajaran tahfiz adalah merangkumi strategi, kaedah, teknik, aktiviti, penggunaan alat bantuan hafazan dan adab dalam gaya pembelajaran tahfiz.

Strategi Pembelajaran Tahfiz al-Quran

Strategi merupakan perancangan yang teratur bagi menjayakan proses pembelajaran tahfiz al-Quran yang merangkumi persediaan, proses menghafaz, pengukuhan hafazan dan pengekatan hafazan.

Kaedah dalam Pembelajaran Tahfiz al-Quran

Kaedah dalam pembelajaran tahfiz al-Quran merangkumi *talaqqi* dan *musyafahah*, *tikrar*, kefahaman, *tasmik*, *tadarus* dan *kitabah*. Oleh itu kaedah merupakan siri tindakan yang tersusun dan sistematik bertujuan bagi mencapai objektif pelajaran dengan langkah yang tersusun dalam jangka pendek.

1) *Talaqqi* dan *Musyafahah*

Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* bertujuan untuk memastikan bacaan dan hafazan pelajar mengikut hukum tajwid dan tahap kefasihan bahasa al-Quran. Guru akan berperanan memastikan bacaan pelajar adalah betul dan pelajar perlu mencontohi bacaan guru mereka.

2) *Tikrar*

Kaedah *tikrar* merupakan kaedah yang memerlukan pelajar mengulang-ulang bacaan ayat sehingga pelajar dapat menghafaz dengan baik. Kaedah ini merupakan kaedah utama dalam menghafaz al-Quran.

3) Kefahaman

Kaedah kefahaman memerlukan pelajar memahami ayat dan makna ayat hafazan mereka. Kefahaman ini akan membantu mereka dalam mengingat dan mengukuhkan hafazan.

4) *Tasmik*

Kaedah *tasmik* pula diperlukan kerana pelajar tidak mampu mengesahkan hafazan mereka sendiri. Justeru, kaedah *tasmik* merupakan kaedah untuk menilai hafazan mereka. Penilai terbaik hafazan mereka ialah guru mereka.

5) *Tadarus*

Kaedah *tadarus* pula ialah kaedah menghafaz dan menyemak hafazan secara berkumpulan sesama pelajar. Proses semakan hafazan antara satu sama lain akan berlaku.

6) *Kitabah*

Kaedah *kitabah* pula merupakan kaedah penulisan ayat al-Quran yang akan menjadi kaedah sokongan kepada pelajar untuk mengingati hafazan mereka.

Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2014) pula menjelaskan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah dan teknik hafazan telah digunakan untuk mencapai matlamat murni menghafaz Al-Quran secara berterusan dan usaha mengekalkan hafazan di dada para penghafaz al-Quran. Antara kaedah dan teknik hafazan Al-Quran yang dikemukakan ialah *Talaqqi, Musyafahah, Takrar, Tadarus, Semaan, Tasmik, Tashil, Tarkiz, Tarsikh, Tafaaqud* dan *Murajaah*, kefahaman dan penulisan.

Bagi istilah *tadarus, semaan, tashil, tarkiz, tarsikh, tafaaqud* dan *murajaah*, Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2014) mengemukakan rujukan berkenaan istilah-istilah tersebut. Kaedah *tadarus* bersama rakan-rakan berperanan bagi *mentashihkan* hafazan, mengukuh dan menilai hafazan

dengan melihat mashaf. Kaedah *Semaan* adalah sebaliknya dilakukan dengan tidak melihat mashaf. Kaedah *Tashil* adalah melancarkan bacaan dengan laju sehingga melewati kalimah-kalimah yang sukar disebut di samping menguasai *makhraj-makhraj* huruf. Kaedah *Tarkiz* pula adalah merujuk kepada menumpukan bacaan. Diri sendiri berusaha sepenuh hati serta memaksimumkan akal untuk mengingat kembali apa yang telah dikekalkan atau disematkan dalam ingatan. Kaedah *Tarsikh* adalah mengukuhkan bacaan yang memperincikan ingatan dan mengembalikan hafazan melalui bunyi dan menggambarkan ayat-ayat hafazan dengan melibatkan pengulangan yang banyak sehingga membantu proses pengejalan ingatan. Kaedah *Tafaqqud* adalah kaedah menyemak bacaan dengan mengulang ayat-ayat yang dihafaz dengan membandingkannya pada mashaf bagi memastikan kesahihannya. Ini adalah termasuk keselarasan dari aspek bentuk tulisan di dalam mashaf *Rasm Uthmani*. Kaedah *Murajaah* adalah kaedah mengulang bacaan ayat-ayat yang telah dihafaz secara berterusan tanpa sebarang kesukaran.

PERINGKAT HAFAZAN

Terdapat sebahagian daripada pengkaji (Abdul Rahman Abd Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir@Tahir, 2014) pula menggunakan istilah kaedah menghafaz ayat-ayat

baharu yang perlu dilakukan iaitu peringkat sebelum dan semasa menghafaz.

Peringkat sebelum Menghafaz

Terdapat lima perkara yang perlu dilakukan sebelum menghafaz al-Quran. Perkara tersebut ialah:

1) Khatam al-Quran

Sebelum menghafaz al-Quran pelajar perlu khatam bacaan al-Quran sebagai jaminan kelancaran bacaan al-Quran mereka dan menjamin kualiti tajwid dan hukum hakam berkaitan bacaan al-Quran. Ini bagi memudahkan proses hafazan.

2) Mengkhususkan satu al-Quran sahaja

Penggunaan satu mashaf khas adalah penting memandangkan ketika proses menghafaz pelajar akan membayangkan kedudukan ayat-ayat yang dihafaz di dalam fikiran mereka. Kekerapan menggunakan jenis mashaf yang berbeza boleh mengganggu hafazan mereka.

3) Menentukan kadar hafazan

Sebelum menghafaz pelajar perlu terlebih dahulu menetapkan kadar atau sukatan hafazan mengikut tahap kemampuan mereka atau berdasarkan kepada sukatan mata pelajaran tahfiz al-Quran mereka. Antara jenis sukatan yang terkenal

ialah hafazan berdasarkan bilangan muka surat, hafazan berdasarkan bilangan *maqrak*, hafazan berdasarkan tema atau penceritaan ayat al-Quran dan sebagainya.

4) Susunkan ayat atau juzuk yang akan dihafaz

Hafazan perlu dilakukan mengikut susunan berdasarkan juzuk atau ayat. Pelajar boleh menghafaz bermula daripada juzuk pertama hingga juzuk yang ke-30 atau sebaliknya. Hafazan juga boleh disusun mengikut surah-surah bermula daripada surah *al-Fatihah* hingga surah *an-Nas* atau sebaliknya.

5) Tidak berpindah kepada ayat baharu sehingga betul-betul lancar

Pelajar tidak digalakkan untuk berpindah kepada ayat baharu sebelum memastikan ayat yang baru dihafaz benar-benar ingat. Aspek pengukuhan ayat yang baru dihafaz adalah penting sebelum menghafaz ayat baharu.

Peringkat semasa Menghafaz

Antara perkara yang perlu dilakukan semasa menghafaz ialah membacanya sebelum dan selepas menghafaz, memilih tempat dan masa yang sesuai untuk menghafaz, melancarkan bacaan ayat hafazan, pengulangan kembali ayat yang baru dihafaz, berehat seketika jika penat ketika menghafaz dan tidak menukar mashaf yang digunakan untuk menghafaz.

Selain daripada itu, antara kaedah yang boleh digunakan untuk memudahkan hafazan al-Quran ialah memahami ayat hafazan, mengulang-ulang bacaan sebelum menghafaz, mendengar bacaan hafazan sebelum menghafaz, menulis sebelum menghafaz dan menggambarkan yang hendak dihafaz di dalam ingatan (Abdul Rahman Abd Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir@Tahir, 2014).

TEKNIK DALAM PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN

Berkenaan teknik pula (Ahmad Mohd Salleh, 2004), ialah kemahiran pelajar dalam pengelolaan dan pelaksanaan kaedah pembelajaran dalam suatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Teknik dalam pembelajaran tahfiz al-Quran merangkumi penentuan kadar hafazan, teknik *tikrar*, mashaf khas, suara yang sederhana, berirama, penumpuan terhadap ayat yang *mutasyabihat*, penumpuan ayat yang susah, lima ayat, menggambarkan gambaran/peta minda ayat al-Quran dan memilih waktu pagi (Azmil bin Hashim & Misnan Jemali, 2013).

1) Menentukan kadar hafazan

Sebelum menghafaz, pelajar perlu menentukan kadar hafazan yang bersesuaian, berdasarkan kepada kemampuan mereka.

2) Teknik *Tikrar*

Terdapat tiga jenis teknik *tikrar* yang dicadangkan oleh As-Syarbini (2004) iaitu:

a) Teknik Rangkaian (*Tasalsuli*)

Menghafaz ayat pertama sehingga ingat. Kemudian menghafaz ayat kedua sehingga ingat. Seterusnya membaca ayat pertama dan kedua tanpa melihat mashaf. Kemudian berpindah kepada ayat ketiga dan menghafaznya sehingga ingat. Seterusnya membaca ayat pertama hingga ketiga tanpa melihat mashaf. Demikianlah seterusnya sehingga tamat *maqrak*/muka surat/sukatan hafazan.

b) Teknik Menghimpun (*Jama'iy*)

Menghafaz ayat pertama sehingga ingat. Kemudian menghafaz ayat kedua sehingga ingat. Seterusnya menghafaz ayat ketiga sehingga ingat tanpa mengulang ayat pertama dan kedua. Kemudian menghafaz ayat keempat sehingga ingat dan tidak mengulang ayat sebelumnya. Meneruskan hafazan sehingga pada ayat terakhir *maqrak*/muka surat/sukatan hafazan.

c) Teknik Membahagi (*Taqsim*)

Membahagikan *maqrak*/muka surat kepada beberapa bahagian. Kemudian menghafaz ayat pertama sehingga

ingat. Seterusnya menghafaz kedua sehingga ingat. Kemudian membaca ayat pertama dan kedua tanpa melihat mashaf. Selanjutnya, berpindah ke ayat ketiga dan menghafaznya sehingga ingat. Beginilah seterusnya yang dilakukan sehingga ingat semua ayat-ayat pada bahagian pertama. Pada bahagian kedua dan seterusnya juga, melakukan perkara yang sama seperti pada ayat-ayat di bahagian pertama sehingga bahagian terakhir *maqrak*/muka surat/sukatan hafazan.

3) Mashaf Khas

Pelajar seharusnya menggunakan mashaf khas kerana setiap mashaf akan memberi kesan kepada aspek merakam gambaran ayat yang akan dihafaz.

4) Suara yang Sederhana

Pelajar dinasihatkan supaya menggunakan suara yang sederhana, tidak terlalu perlahan dan tidak terlalu kuat.

5) Berirama

Penggunaan suara dengan berirama semasa *tikrar* yang menarik minat pelajar untuk terus menghafaz dan menghindarkan pelajar daripada perasaan jemu.

6) Penumpuan Terhadap Ayat *Mutasyabihat*

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang hampir serupa yang boleh mengelirukan pelajar. Oleh itu pelajar disarankan untuk memberi tumpuan kepada ayat tersebut.

7) Penumpuan Ayat yang Sukar

Teknik ini digunakan untuk menghafaz ayat yang sukar. Pelajar perlu memberi tumpuan yang lebih dengan menambah bilangan *tikrar*.

8) Lima Ayat

Teknik ini lebih mudah bagi seorang pelajar untuk menghafaz al-Quran kerana senang untuk pelajar membuat ulangan dan tidak mengambil masa yang panjang. Ini sesuai dengan wahyu pertama yang diturunkan sebanyak 5 ayat iaitu ayat pertama hingga lima daripada Surah *al-Alaq*.

9) Menggambarkan Gambaran/ Peta Minda Ayat al-Quran

Pelajar dikehendaki menggambarkan situasi ayat-ayat di dalam pemikiran sama seperti di dalam mashaf dengan mengetahui bentuk dan kedudukan ayat tersebut.

10) Memilih Waktu Pagi

Waktu pagi adalah waktu yang sesuai untuk menghafaz al-Quran. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT:

“Dirikan lah oleh mu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam, dan (dirikan lah) sembahyang subuh sesungguhnya sembahyang subuh itu adalah disaksikan (keistimewaannya)”.

(al-Isra’; 17 :78)

AKTIVITI MENGHAFAZ AL-QURAN

Aktiviti pembelajaran tahfiz al-Quran pula merupakan rangsangan kepada pelajar untuk memberi peluang kepada mereka bagi mengukuh dan memantapkan hafazan mereka. Aktiviti ini ialah *tasmik* bersama rakan, membaca di dalam solat, mendengar ayat al-Quran dan sebagainya (Azmil bin Hashim & Misnan Jemali, 2013).

PROSES MENGHAFAZ AL-QURAN

Merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, “proses” merupakan beberapa perbuatan berperingkat-peringkat yang dilakukan untuk mendapatkan sesuatu. Menurut Rahil Mahyuddin, Jami’ah Mohamad & Kasnani Ab. Karim (2000), proses hafazan mengandungi tiga peringkat iaitu peringkat perolehan, peringkat pengekal dan peringkat perolehan kembali. Peringkat perolehan melibatkan proses memberikan perhatian kepada rangsangan dan mengekodkan rangsangan tersebut ke dalam ingatan. Peringkat pengekal pula merupakan peringkat menyimpan maklumat dan peringkat perolehan kembali iaitu proses mengeluarkan maklumat tersebut daripada simpanan apabila

diperlukan. Oleh itu, proses menghafaz al-Quran adalah beberapa perbuatan berperingkat-peringkat yang dilakukan oleh pelajar untuk mengingati al-Quran.

RUMUSAN KAEDAH, TEKNIK, AKTIVITI DAN PROSES HAFAZAN AL-QURAN

Berdasarkan kaedah, teknik, aktiviti dan proses hafazan al-Quran yang telah dikemukakan di atas, kesimpulan yang dapat dirumuskan adalah seperti berikut;

1) Kaedah hafazan al-Quran merupakan siri tindakan yang tersusun dan sistematik bertujuan bagi mencapai objektif pembelajaran dengan langkah yang tersusun dalam jangka pendek. Justeru kaedah hafazan al-Quran melibatkan perkara berikut;

- a) *Talaqqi dan musyafahah*
- b) *Tikrar*
- c) *Tasmik*
- d) *Tadarus*
- e) *Semaan*
- f) *Kitabah*
- g) Kefahaman
- h) *Tashil*
- i) *Tarkiz*
- j) *Tarsikh*
- k) *Tafaqqud*
- l) *Murajaah*

2) Teknik Hafazan al-Quran pula ialah kemahiran yang akan digunakan oleh pelajar dalam mengelola dan melaksanakan kaedah pembelajaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, teknik hafazan al-Quran juga merupakan beberapa unit kecil yang terkandung dalam kaedah. Oleh itu, teknik hafazan al-Quran merangkumi perkara berikut;

- a) Menentukan kadar hafazan
- b) Menggunakan mashaf khas
- c) Menggunakan suara yang sederhana
- d) Menggunakan suara yang berirama
- e) Memberi penumpuan kepada ayat *musyabihat*
- f) Memberi penumpuan kepada ayat yang sukar
- g) Lima ayat
- h) Menggambarkan gambaran ayat
- i) Memilih waktu pagi

Kaedah-kaedah dan teknik-teknik lain ialah *Semaan, Tashil, Tarkiz, Tarsikh, Tafaiqqud* dan *Murajaah*

3) Aktiviti hafazan al-Quran pula adalah rangsangan kepada ini, semua kaedah, teknik dan aktiviti hafazan al-Quran boleh dilaksanakan bagi memastikan tujuan pelajar untuk menghafaz, mengingat, mengekal dan memelihara al-Quran dapat dicapai.

Pembahagian fasa bagi menghafaz al-Quran dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu fasa persiapan untuk menghafaz hafazan baharu, proses menghafaz dan ulangan hafazan lama (Muhammad Hafiz Saleh et al., 2017).

PERBINCANGAN-PERBINCANGAN LAIN BERKAITAN HAFAZAN AL-QURAN

Dikemukakan perbincangan-perbincangan lain berkaitan dengan hafazan al-Quran ialah aspek kefahaman makna ayat, tulisan ayat hafazan, ayat *mutasyabihat*, jenis ayat yang mempunyai struktur yang pendek dan panjang, kalimah *gharib*, memantau prestasi sukatan hafazan al-Quran pelajar, penggunaan suara, ulangan ayat ketika menghafaz, ulangan dan solat, ulangan hafazan (*murajaah*), ulangan hafazan (*murajaah*) bagi yang sedang menghafaz dan yang telah tamat menghafaz 30 juzuk, beberapa contoh teknik mengingat ayat hafazan yang telah dilupakan, teras tahfiz, pengujian hafazan dan beberapa contoh kaedah dan teknik hafazan.

Kefahaman Makna Ayat

Kefahaman makna ayat al-Quran merupakan antara kaedah hafazan al-Quran yang memberi kelainan kepada masyarakat di Malaysia. Ini kerana, al-Quran yang diturunkan dalam Bahasa Arab memerlukan terjemahan bagi memastikan ayat al-Quran yang dihafaz dapat difahami. Ini amat penting

terutamanya dalam kalangan rakyat Malaysia yang ingin menghafaz al-Quran adalah digalakkan untuk memahami makna ayat yang dihafaz. Selain dapat memahami maksud ayat, kefahaman makna ayat juga boleh membantu ketika menghafaz al-Quran. Terdapat beberapa aspek berkaitan kefahaman makna ayat al-Quran dengan hafazan iaitu;

Pertama ialah melihat tafsir atau terjemahan makna ayat yang akan dihafaz untuk membantu memulakan hafazan. Setelah terjemahan makna ayat yang akan dihafaz dilakukan, pelajar mampu memahami kandungan ayat-ayat yang akan dihafaz. Walaupun terdapat ayat-ayat yang memerlukan perbincangan yang mendalam, tetapi sekurang-kurangnya, kefahaman umum berkenaan ayat yang akan dihafaz telah dapat dikuasai. Kefahaman ini akan membantu pelajar untuk memulakan hafazan. Kedua ialah, kefahaman makna ayat al-Quran ini juga akan lebih banyak membantu pelajar menghafaz ayat-ayat dalam bentuk penceritaan seperti menghafaz Surah Yusuf. Selain itu, kefahaman makna ayat juga dapat membantu pelajar menghafaz ayat atau perkataan yang mempunyai persamaan. Contohnya kesukaran menghafaz disebabkan oleh ayat-ayat tersebut mempunyai persamaan dengan ayat-ayat lain seperti 49 daripada Surah al-Baqarah dengan ayat 141 daripada Surah al-A'raf berikut;

وَإِذْ نَجَّيْنَاكُمْ مِّنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوءَ الْعَذَابِ
يُذَبِّحُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ ۗ وَفِي ذَٰلِكُمْ بَلَاءٌ مِّن

رَبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٤٩﴾ (Surah al-Baqarah, ayat 49)

وَإِذْ أَنْجَيْنَاكُمْ مِّنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوءَ
الْعَذَابِ ۖ يُقْتُلُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ ۗ وَفِي

ذَٰلِكُمْ بَلَاءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿١٤١﴾ (Surah al-A'raf, ayat

141)

Kedua-dua ayat ini mempunyai persamaan dan terdapat beberapa kalimah yang berbeza. Antaranya ialah kalimah (يُذَبِّحُونَ) dengan kalimah (يُقْتُلُونَ). Dalam konteks ini, pelajar yang telah menghafaz ayat 49 Surah al-Baqarah tidak berhadapan dengan kesukaran untuk menghafaz ayat daripada Surah al-A'raf. Walau bagaimanapun, setelah menghafaz ayat daripada Surah al-A'raf berkenaan, pelajar

berkemungkinan terkeliru dengan ayat surah al-Baqarah terutamanya ketika *murajaah*. Dalam keadaan ini, kefahaman makna dapat membantu pelajar daripada terkeliru dengan ayat lain. Dalam kes ini, kalimah (يُدْرِكُونَ) membawa makna “*mereka menyembelih*” manakala kalimah (يُقْتَلُونَ) pula sebaliknya bermaksud “*mereka membunuh*”. Makna ayat ini boleh memberi panduan kepada pelajar agar tidak terkeliru antara dua ayat tersebut. Situasi ini termasuklah dengan mengaitkan Surah al-Baqarah dengan “*mereka menyembelih*” dan Surah al-A’raf dengan “*mereka membunuh*”. Selain itu, mereka juga boleh melakukan ingatan ringkas tentang susunan surah dengan surah paling awal iaitu Surah al-Baqarah adalah “*mereka menyembelih*” dan surah berikutnya adalah “*mereka membunuh*”.

Tulisan Ayat Hafazan

Menghafaz al-Quran turut melibatkan aktiviti menulis ayat al-Quran itu sendiri. Penulisan ini melibatkan ayat al-Quran yang menjadi sukatan hafazan. Sebagai contoh, jika ayat yang menjadi sukatan hafazan ialah daripada Surah al-Fatihah, maka ayat-ayat daripada surah tersebut akan ditulis.

Penulisan ini boleh dilakukan sebelum dan selepas menghafaz sukatan hafazan. Penulisan ayat yang dilakukan sebelum menghafaz ialah menulis ayat yang akan dihafaz terlebih dahulu kemudian disusuli dengan menghafaz ayat yang ditulis. Penulisan tersebut pula sama ada menulis satu ayat demi satu ayat yang diselangi dengan menghafaznya satu persatu, atau menulis terlebih dahulu kesemua ayat-ayat yang termasuk dalam sukatan, kemudian disusuli dengan menghafaz keseluruhan ayat-ayat daripada sukatan tersebut. Penulisan ayat selepas menghafaz pula ialah menghafaz terlebih dahulu kemudian disusuli dengan menulis ayat-ayat yang dihafaz. Ayat-ayat yang dihafaz tersebut berlaku sama ada dengan menghafaz satu persatu ayat dan kemudiannya diselangi dengan menulis satu persatu ayat yang dihafaz tersebut. Ini juga boleh berlaku dengan menghafaz terlebih dahulu kesemua ayat-ayat yang termasuk dalam sukatan kemudian disusuli dengan penulisan kepada keseluruhan ayat-ayat tersebut.

Selain itu, penulisan ayat juga boleh melibatkan penulisan ayat-ayat yang sukar untuk diingati. Ini berlaku ketika *murajaah* sehingga terpaksa menghafaznya kembali. Ketika ingin menghafaznya kembali atau dengan kata lain untuk melancarkan kembali ayat, terdapat beberapa pilihan

pelaksanaan kaedah menulis. Antaranya dengan melancarkan ayat yang ingin dihafaz berulang kali, disertakan dengan penulisan ayat tersebut secara satu persatu ayat atau kesemua ayat yang akan dilancarkan. Penulisan tersebut dilakukan tanpa melihat mashaf dan perlu dilakukan berulang kali. Ini menunjukkan bahawa aktiviti melancarkan kembali ayat akan melibatkan menghafaz dan menulis secara kerap. Dengan kekerapan penggunaan kedua-dua kaedah ini (iaitu kaedah *tikrar* dan *kitabah*) dapat membantu melancarkan kembali ayat yang sukar untuk diingati.

Pelajar digalakkan untuk menulis sambil membacakan ayat tersebut berpandukan penulisan adalah mengikut mashaf Madinah (*Rasm Uthmani*), penulisan perlu memenuhi setiap baris seperti saiz tulisan pada mashaf tersebut. Nombor ayat perlu ditulis, nombor muka surat, nama surah dan juzuk seperti mashaf.

Ayat Mutasyabihat

Ayat *mutasyabihat* adalah merujuk kepada ayat yang serupa namun tidak sama. Terdapat 356 lokasi ayat *mutasyabihat* (Abu Najihat, 2012). Lampiran A menunjukkan senarai ayat-ayat tersebut. Berdasarkan ayat-ayat ini, dapat disimpulkan bahawa ayat *mutasyabihat* ialah ayat yang mempunyai

beberapa kalimat yang sama dengan kalimat pada ayat lain. Persamaan ini boleh menyebabkan kesukaran kepada penghafaz al-Quran. Sebagai contoh beberapa kalimat pada ayat 63 Surah al-Baqarah mempunyai persamaan dengan beberapa kalimat dengan ayat 93 Surah al-Baqarah seperti berikut;

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ
بِقُوَّةٍ وَادْكُرُوا مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾

beberapa kalimat pada ayat 63 di atas mempunyai persamaan dengan ayat 93 berikut;

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا
آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَسْمِعُوا^ط قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا فِي
قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ^ج بِكُفْرِهِمْ^ك قُلْ بَعْضًا يَأْمُرُكُمْ بِهِ
إِيمَانُكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾

Terdapat juga ayat *mutasyabihat* yang ayatnya adalah sama dengan ayat-ayat yang lain seperti 31 ayat Surah ar-Rahman iaitu;

فَبِأَيِّ آءِ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣١﴾

Ayat *mutasyabihat* terbahagi kepada dua pecahan induk iaitu ayat *mutasyabihat* pada lokasi ayat dan kedua ialah ayat *mutasyabihat* pada bentuk ayat. Bagi ayat *mutasyabihat* pada lokasi ayat, ianya mempunyai dua jenis iaitu ayat *mutasyabihat* yang berlaku pada satu ayat yang sama dan kedua ialah ayat *mutasyabihat* yang berlaku pada ayat yang berbeza. Contoh ayat *mutasyabihat* yang berlaku pada satu ayat yang sama ialah 31 ayat, Surah An-Nur seperti berikut;

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ
وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ^ط وَلِيَضْرِبْنَ خُمْرَهُنَّ
عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ^ط وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ
ءَابَائِهِنَّ أَوْ ءَابَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاؤِ
بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ


أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّبَعِينَ غَيْرِ أُولِي
 الْإِرْتَبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى
 عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ^ط وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنَ
 زِينَتِهِنَّ ^ج وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ
 تُفْلِحُونَ ﴿١٥٠﴾

Contoh ayat *mutasyabihat* yang berlaku pada ayat yang berbeza pula ialah seperti ayat 149 dan ayat 150, Surah al-Baqarah seperti berikut;

وَمِنَ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ^ط
 وَإِنَّهُ لَلْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ ^ط وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٩﴾ وَمِنَ
 حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ^ج وَحَيْثُ
 مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ
 حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِي وَلَا تَمَّ
 نِعْمَتِي عَلَيْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٠﴾

Bagi ayat *mutasyabihat* yang berlaku pada bentuk ayat pula mempunyai dua jenis iaitu ayat *mutasyabihat* yang

mempunyai bentuk ayat yang sama sepenuhnya dan ayat *mutasyabihat* yang mempunyai bentuk ayat yang sama pada sebahagiannya sahaja. Contoh ayat *mutasyabihat* yang mempunyai bentuk ayat yang sama sepenuhnya adalah seperti 31 ayat yang sama sepenuhnya dalam surah ar-Rahman. Contoh ayat *mutasyabihat* yang mempunyai bentuk ayat yang sama pada sebahagiannya sahaja adalah sebagaimana ayat 149 dan ayat 150, Surah al-Baqarah. Pecahan ayat *mutasyabihat* berdasarkan lokasi dan bentuk adalah sebagaimana rajah 1;



Rajah 1 Pecahan ayat *mutasyabihat* berdasarkan lokasi dan bentuk

Jenis Ayat yang Mempunyai Struktur yang Pendek dan Mempunyai Struktur yang Panjang

Terdapat ayat yang mempunyai struktur yang pendek dan ayat yang mempunyai struktur yang panjang. Contoh ayat yang mempunyai struktur yang pendek ialah ayat-ayat di dalam surah al-Hijr, Ar-Rahmaan, al-Waaqi'ah dan At-Tuur. Contoh ayat yang mempunyai struktur yang panjang pula ialah ayat-ayat di dalam Surah At-Taubah, al-Nahl dan al-Isra'.

Kalimah *Gharib*

Kalimah *gharib* ialah ayat yang mempunyai kalimah yang tidak banyak terdapat di dalam al-Quran. Contohnya beberapa ayat di dalam Surah al-Qalam dan Surah an-Najm. Juga seperti kalimah (سَنَشُدُّ عَضُدَكَ) di dalam Surah al-Qasas ayat 35. Adalah amat penting bagi mengesahkan bacaan-bacaan melibatkan kalimah *gharib* ini melalui kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Tanpa kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*, dibimbangi pelajar mudah melakukan kesilapan terutamanya pelajar yang baru di peringkat awal menghafaz al-Quran.

Memantau Prestasi Sukatan Hafazan Pelajar

Kemampuan seorang individu pelajar untuk menamatkan sukatan hafazan boleh dipantau secara berkala sama ada oleh institusi atau guru. Ini bagi memastikan pelajar tersebut berjaya menamatkan sukatan hafazan mengikut tempoh yang

telah ditetapkan. Dalam hal ini aspek pengiraan asas boleh digunakan. Perkara-perkara yang perlu diambil kira ialah jumlah keseluruhan hari pengajian, jumlah keseluruhan sukatan hafazan, jumlah hari pengajian semasa dan jumlah sukatan hafazan semasa bagi seorang pelajar. Hasil pengiraan ini kemudiannya boleh dibina satu pengukuran khas yang dikenali sebagai indeks. Semakin tinggi indeks yang diperoleh, semakin baiklah kemampuan pelajar tersebut. Indeks ini boleh dikenali sebagai indeks *tasmik*. Contoh pengiraan adalah seperti rajah 2;

Jumlah hari pengajian	80 hari
Hari pengajian semasa	21 hari
Baki hari pengajian	59 hari
Jumlah keseluruhan sukatan hafazan	100 muka surat
sukatan hafazan semasa pelajar	37 muka surat
Baki sukatan	63 muka surat
Indeks (<i>nilai yang mewakili kemampuan pelajar menghafaz</i>)	37 muka surat / 21 hari = 1.76
Jumlah baki muka surat yang mampu dihafaz oleh pelajar (<i>berdasarkan kepada indeks</i>)	1.76 x 59 hari = 103.8 muka surat

Rajah 2 Pengiraan Pemantauan Prestasi Hafazan Pelajar

103.8 adalah angka yang menunjukkan bahawa bagi tempoh 59 baki hari pengajian, pelajar tersebut mampu menghafaz sekitar 103 muka surat. Jika dirujuk kepada baki daripada jumlah keseluruhan sukatan hafazan yang perlu dihabiskan

oleh pelajar (63 muka surat iaitu hasil daripada 100 muka surat ditolak dengan 37 muka surat), maka kita dapati bahawa pelajar tersebut mampu menamatkan sukatan hafazan kerana kemampuan maksimum pelajar tersebut ialah sekitar 103 muka surat berbanding hanya perlu menghabiskan 63 muka surat.

Penggunaan Suara

Terdapat beberapa situasi penggunaan suara. Pertama, pelajar menghafaz dengan suara yang perlahan dengan keadaan sekeliling yang sunyi. Kedua, pelajar menghafaz dengan suara yang sederhana kuat dengan keadaan sekeliling yang sunyi. Ketiga, pelajar menghafaz dengan suara yang kuat dengan keadaan sekeliling yang sunyi. Keempat, pelajar menghafaz dengan suara yang perlahan dengan keadaan sekeliling yang bising. Kelima, pelajar menghafaz dengan suara yang sederhana kuat dengan keadaan sekeliling yang bising. Keenam, pelajar menghafaz dengan suara yang kuat dengan keadaan sekeliling yang bising. Sebahagian pelajar boleh menghafaz jika suasana sekeliling yang sunyi dan menenangkan. Terdapat juga pelajar yang boleh menghafaz dalam suasana sekeliling yang bising dengan bacaan al-Quran.

Ulangan Ayat ketika Menghafaz

Sebelum membaca berulang kali dengan melihat mashaf, pelajar perlu peka dengan hukum tajwid, *wakaf* dan *ibtidak* dan aspek-aspek lain bagi memastikan ayat yang akan dihafaz bertepatan dengan hukum tajwid. Ketika membuat ulangan bacaan secara melihat mashaf, pelajar dilarang menukar mashaf. Sebagai contoh ketika ulangan bacaan kali kesepuluh, dengan bacaan yang masih belum lancar, pelajar menukar mashaf dan meneruskan ulangan bacaan berikutnya. Bahkan sebenarnya, tindakan menukar mashaf amat tidak digalakkan kecuali setelah tamat menghafaz 30 juzuk al-Quran.

Ketika melancarkan ayat hafazan, pelajar akan melakukan ulangan bacaan melihat mashaf berulang kali sehingga bacaan ayat tersebut telah lancar, tidak mempunyai kesalahan tajwid, baris yang betul dan tidak tersekat-sekat. Setelah bacaan lancar, pelajar boleh mula menghafaz. Selain daripada itu, pelajar boleh juga memilih untuk meningkatkan jumlah ulangan bacaan dengan melihat mashaf walaupun telah lancar untuk terus mengingati ayat tersebut. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan jumlah ulangan hafazan tanpa melihat mashaf yang akan dilaksanakan ketika menghafaz.

Secara kesimpulannya, kaedah ini mempunyai dua tahap. Pertama, membaca ayat yang akan dihafaz secara melihat mashaf berulang kali sehingga lancar. Kedua, membaca ayat yang akan dihafaz secara melihat mashaf berulang kali sehingga ingat. Sebagai contoh, setelah ulangan bacaan dengan melihat mashaf sebanyak 10 kali, bacaan pelajar telah lancar. Pelajar meneruskan ulangan bacaan dengan cara yang sama sehingga kali ke 40 sehingga didapati, ayat-ayat tersebut telah pun mampu diingat dengan baik. Secara umumnya, semakin banyak ulangan bacaan dengan melihat mashaf yang dilakukan, semakin mudah untuk menghafaz.

Jumlah ulangan adalah berbeza antara pelajar. Sebahagian pelajar lancar bacaannya setelah membaca sebanyak 10 kali, 20 kali dan sebagainya. Pelajar boleh membuat ujian sendiri tentang jumlah ulangan bacaan dengan melihat mashaf yang dia mampu lakukan sehingga bacaannya lancar. Bahkan pelajar juga boleh menguji sehingga ke tahap berikutnya iaitu jumlah ulangan bacaan dengan melihat mashaf yang diperlukan untuk terus mengingat ayat. Jumlah ini nanti akan digunakan sebagai panduan pelajar ketika menghafaz sukatan hafazan berikutnya.

Sebagai contoh, melalui ujian sendiri yang dilakukan, pelajar mendapati bacaannya mencapai tahap lancar setelah 10 kali ulangan bacaan dengan melihat mashaf dan mampu mengingat setelah ulangan bacaan dengan melihat mashaf sebanyak 50 kali. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa semakin banyak ulangan bacaan dengan melihat mashaf, maka semakin banyak masa yang diperlukan kerana pelajar sama sekali tidak dibenarkan untuk membaca dengan laju walaupun bacaannya semakin lancar. Ini bagi memastikan hukum berkaitan tajwid kekal terpelihara.

Oleh itu, guru diberikan pilihan sama ada untuk mengadakan ujian penentuan tahap kemampuan pelajar mengingat melalui kaedah ulangan bacaan dengan melihat mashaf ini. Jika ujian ini dilakukan kepada pelajar-pelajarnya, sekurang-kurangnya guru dapat mengetahui tahap kemampuan pelajar mereka. Ini secara tidak langsung memberi gambaran berkenaan kekuatan hafazan pelajar-pelajar mereka.

Ulangan dan Solat

Terdapat dua aspek penting yang boleh dikaitkan ulangan hafazan dengan solat. Pertama; solat boleh dijadikan medium untuk melakukan ulangan hafazan yang telah *ditasmik* dengan guru. Ini termasuk ulangan hafazan baharu atau ulangan hafazan lama. Ulangan-ulangan ini boleh dilakukan

dalam solat. Kedua; kemampuan solat yang boleh mendisiplinkan aktiviti ulangan hafazan. Ini kerana solat fardu wajib dilaksanakan setiap hari manakala terdapat juga solat sunat sebelum atau sesudah menunaikan solat fardu tersebut. Begitu juga dengan ulangan hafazan. Ulangan hafazan juga perlu dilaksanakan setiap minggu bagi memastikan tahap pengekalan hafazan berada dalam keadaan optimum. Oleh itu, ulangan hafazan dan solat jika dapat diurus dengan baik, ini akan memastikan aktiviti ulangan hafazan dapat dilaksanakan dengan penuh disiplin terutamanya daripada aspek pengurusan masa.

Terdapat beberapa contoh bagaimana hafazan boleh diurus untuk dibaca dalam solat. Contoh pertama ialah berkaitan dengan solat fardu. Jika seorang pelajar telah memperdengarkan hafazannya di hadapan guru pada hari pertama sebanyak dua muka surat, maka kedua-dua muka surat itu boleh diulang bacaannya pada rakaat pertama dan kedua bagi solat yang didirikan pada keesokan harinya. Ini bermakna dengan lima solat yang wajib didirikan setiap hari, pelajar tersebut telah melakukan ulangan sebanyak lima kali bagi setiap muka surat. Terutamanya jika pelajar tersebut menjadi imam bagi solat fardu tersebut. Contoh kedua ialah pelajar melakukan ulangan hafazan sebanyak 10 muka surat sehari dengan melaksanakan ulangan tersebut pada setiap dua

rakaat pertama solat fardu. Dalam masa dua hari, pelajar telah berjaya melakukan ulangan sebanyak satu juzuk al-Quran.

Selanjutnya berkaitan dengan solat sunat *rawatib*. Pelajar boleh melakukan ulangan hafazan dalam solat sunat *rawatib*. Ini kerana solat sunat *rawatib* adalah solat sunat yang dilaksanakan sebelum atau setelah selesai menunaikan solat fardu lima waktu. Secara ringkasnya jumlah solat sunat *rawatib* yang terdiri daripada *muakkad* dan *ghairu muakkad* ialah sebanyak 10 solat. Jika 2 rakaat dilaksanakan pada 10 solat ini maka jumlah rakaat adalah sebanyak 20 rakaat (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Dengan jumlah sebanyak 20 rakaat ini, pelajar berpeluang untuk melakukan ulangan hafazan dalam solat ini sebanyak 20 muka surat atau satu juzuk al-Quran.

Dengan mengambil kira jumlah ulangan yang boleh dilakukan pada solat fardu dan *rawatib* sebagaimana yang dibincangkan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa setiap hari pelajar mampu melakukan ulangan sebanyak 1 juzuk dan 10 muka surat dan setiap dua hari, mereka boleh melakukan ulangan sebanyak 3 juzuk. Oleh itu, jumlah hari yang diperlukan bagi ulangan sebanyak 30 juzuk akan mengambil masa selama 20 hari.

Agak sukar untuk menentukan kaedah hafazan tunggal dan paling berkesan disebabkan faktor minat, suasana, persekitaran dan motivasi yang berbeza antara satu individu dengan individu yang lain. Satu kaedah mungkin sesuai untuk individu tertentu manakala bagi individu yang lain adalah sebaliknya. Justeru, kaedah yang baik ialah kaedah yang menyenaraikan seberapa banyak kaedah yang digunakan dan diuji cuba oleh individu yang ingin menghafaz al-Quran. Kaedah kefahaman makna ayat, tulisan ayat, penggunaan suara dan aktiviti-aktiviti lain selain ulangan jika tidak dilakukan, tidak akan menyebabkan individu yang akan menghafaz tidak berjaya mengingat ayat yang akan dihafaz.

Ulangan Hafazan (*Murajaah*)

Murajaah hafazan baharu atau lama boleh dilakukan sama ada mengikut tertib juzuk atau surah. Selain itu, *murajaah* juga boleh dilakukan mengikut prestasi hafazan. Antara kelebihan *murajaah* hafazan lama mengikut tertib ialah memudahkan pelajar untuk melakukan *murajaah* secara berjadual dan memudahkan tugas pemantauan dan rekod. Selain itu, *murajaah* dengan cara ini juga mudah untuk melaksanakan ujian dan penilaian. Sebagai contoh, jika berdasarkan rekod pelajar telah melakukan *murajaah* hafazan lama daripada juzuk 1 hingga 5, maka ujian boleh dilakukan pada juzuk tersebut. *Murajaah* dengan kaedah ini sesuai

dilakukan bagi *murajaah* hafazan lama mereka telah dipantau sejak dari awal menghafaz. Ini kerana, dengan pemantauan *murajaah* dari awal, tahap penguasaan hafazan menjadi kukuh dan sama serta boleh diselaraskan. *Murajaah* hafazan dengan kaedah ini kurang sesuai jika tiada pemantauan *murajaah* hafazan dari awal menghafaz.

Murajaah hafazan lama mengikut tertib mempunyai beberapa kelemahan antaranya, *murajaah* tidak dilakukan mengikut penguasaan hafazan. Halaman hafazan yang kurang dikuasai tidak dapat *dimurajaah* dengan lebih kerap berbanding halaman yang sangat dikuasai. Bahagikan berdasarkan tahap penguasaan kepada tiga kategori iaitu sangat menguasai, sederhana dan kurang menguasai. Seterusnya *murajaah* boleh dilakukan secara bergilir-gilir dengan didahului dengan kategori yang sangat menguasai diikuti kategori sederhana dan diakhiri dengan kategori kurang menguasai. Susunan *murajaah* juga boleh dilakukan sebaliknya. Selain daripada itu, ulangan hafazan juga boleh dilakukan setiap hari dengan melibatkan ketiga-tiga kategori tersebut. Sebagai contoh, 1 juzuk bagi kategori sangat menguasai, 1 juzuk bagi kategori sederhana dan 1 juzuk bagi kategori kurang menguasai. Kategori yang sangat menguasai boleh dilakukan secara sendiri. Manakala kategori kurang menguasai dan sederhana boleh dilakukan dengan menyemak *murajaah* bersama guru atau rakan.

Dari aspek lain, *murajaah* boleh dilakukan sambil memegang mashaf dan dalam keadaan mashaf tertutup. Mashaf dipegang hanya untuk melihat dan melancarkannya kembali sehingga ingat. Jika masih ingat, ulangan hafazan amat tidak galak dilakukan dengan melihat mashaf. Melakukan ulangan hafazan tanpa melihat mashaf adalah amat penting. Bagi sesetengah pelajar, *murajaah* dengan memegang mashaf dan *murajaah* dengan tidak memegang mashaf akan memberi kualiti kelancaran yang berbeza.

Semakin banyak jumlah *murajaah* yang berjaya dilakukan setiap hari, maka semakin tinggi hafazan dapat dikekalkan. Secara ringkasnya, pelajar yang melakukan *murajaah* sebanyak 5 juzuk setiap hari akan lebih kukuh hafazannya berbanding pelajar yang hanya melakukan *murajaah* sebanyak 1 juzuk sehari.

Ulangan Hafazan (*Murajaah*) bagi yang sedang Menghafaz dan yang telah Tamat Hafazan 30 Juzuk

Murajaah bagi yang sedang menghafaz dan bagi mereka yang telah tamat menghafaz 30 juzuk al-Quran adalah berbeza. Ini kerana, bagi pelajar yang sedang menghafaz, mereka tidak mempunyai banyak masa untuk melakukan *murajaah*. Masa mereka banyak diperuntukkan untuk menghafaz hafazan semasa. Sedangkan mereka yang telah khatam 30 juzuk al-Quran, mempunyai lebih masa untuk

melakukan *murajaah*. Oleh itu, disiplin *murajaah* antara dua kelompok pelajar ini adalah berbeza. Pelajar yang telah khatam hafazan sebanyak 30 juzuk boleh melakukan *murajaah* dengan lebih berdisiplin dan tersusun. Mereka boleh melakukan jadual ulangan hafazan 1 juzuk sehari. Dengan jumlah ini mereka akan melengkapkan *murajaah* 30 juzuk selama sebulan (30 hari). Jika mereka lakukan *murajaah* sebanyak 2 juzuk sehari pula, mereka akan melengkapkan *murajaah* 30 juzuk selama 15 hari. Tempoh tersebut adalah amat minimum terutama bagi mereka yang baru menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran.

Bagi mereka yang baru khatam hafazan, sekurang-kurangnya mereka perlu melakukan *murajaah* sebanyak 3 juzuk sehari. Ini bermakna dalam tempoh 10 hari mereka telah melakukan *murajaah* lengkap 30 juzuk sebanyak 1 kali. Dalam tempoh sebulan pula mereka akan berjaya melengkapkan *murajaah* sebanyak 3 kali. Bagi setahun pula, mereka akan berjaya melengkapkan sebanyak 36 kali *murajaah*. Begitulah seterusnya bagi jumlah *murajaah* yang ditingkatkan akan pasti menyebabkan peningkatan jumlah *murajaah* tahunan.

Bagi pelajar yang sedang menghafaz atau belum menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran, mereka terpaksa membahagikan masa mereka untuk menghafaz hafazan semasa, *tasmik* dengan guru dan *murajaah* hafazan baharu dan lama. Oleh itu, adalah amat penting untuk mereka mempunyai disiplin yang tinggi agar hafazan semasa dapat dilakukan, *tasmik* berjaya diperdengarkan kepada guru, hafazan baharu terus segera diulang dan hafazan lama kekal mampu diulang. Antara cara untuk memastikan mereka berdisiplin adalah dengan mewujukan buku rekod. Ini membolehkan mereka merekodkan apa-apa perkara yang telah mereka lakukan dan membuat pemantauan dan perancangan hafazan pada masa akan datang.

Beberapa Contoh Teknik Mengingat Ayat Hafazan yang telah Dilupakan

Berikut adalah beberapa teknik cadangan bagi melancarkan ayat hafazan yang telah dilupakan.

- 1) Tidak Lihat Mashaf dan Ulang 1 hingga 3 kali
 - a) Digunakan pada hafazan yang mempunyai prestasi hafazan 90% hingga 100% atau,
 - b) Digunakan pada hafazan yang telah *dimurajaah* antara jarak tempoh sehari hingga tiga hari
 - c) *Murajaah* tanpa melihat mashaf

- d) Melihat mashaf hanya pada ayat yang telah dilupakan (yaitu mengulang-ulang ayat tersebut beberapa kali dengan anggaran antara satu hingga tiga kali sehingga ingat).
- 2) Tidak Lihat Mashaf dan Ulang 4 hingga 7 kali
- a) Digunakan pada hafazan yang mempunyai prestasi 70% hingga 89% atau,
 - b) Digunakan pada hafazan yang telah diulang antara jarak tempoh empat hari hingga seminggu.
 - c) *Murajaah* tanpa melihat mashaf.
 - d) Melihat mashaf hanya pada ayat yang dilupakan (yaitu mengulang-ulang ayat tersebut beberapa kali dengan anggaran antara 4 hingga 7 kali sehingga ingat).
- 3) Lihat Mashaf dan Tidak Lihat Mashaf dan Ulang 4 hingga 7 kali
- a) Digunakan pada hafazan yang mempunyai prestasi 55% hingga 69% atau,
 - b) Digunakan pada hafazan yang baru *dimurajaah* antara jarak tempoh melebihi seminggu hingga dua minggu.
 - c) Ulang dengan melihat mashaf.
 - d) Ulang tanpa melihat mashaf.
 - e) Melakukan pengukuhan pada ayat yang telah dilupakan (yaitu mengulang-ulang ayat tersebut beberapa kali dengan anggaran antara 4 hingga 7 kali sehingga ingat).

- 4) Lihat Mashaf dan Tidak Melihat Mashaf serta Ulang 8 Kali
- a) Digunakan pada hafazan yang mempunyai prestasi 0% hingga 54% atau,
 - b) Digunakan pada hafazan yang baru diulang kaji antara jarak tempoh melebihi dua minggu
 - c) Ulang dengan melihat mashaf
 - d) Ulang tanpa melihat mashaf
 - e) Melakukan pengukuhan pada ayat yang dilupakan (iaitu mengulang-ulang ayat tersebut beberapa kali dengan anggaran antara 8 atau lebih sehingga ingat).

Teras Tahfiz; Ingat, *Tasmik* dan Kekal Ingat

Ingat ayat yang dihafaz adalah teras dalam hafazan al-Quran. Pelbagai kaedah dan teknik boleh dilakukan dengan tujuan untuk mengingat. Kaedah dan teknik asas untuk mengingat ialah melakukan ulangan. Selain daripada ulangan, mereka juga boleh melakukan kaedah dan teknik lain seperti melihat terjemahan, menulis ayat dan sebagainya. Bahkan mereka juga boleh membaca dengan kuat, melukis, membuat persembahan, mendengar audio dan pelbagai lagi kaedah dan teknik.

Setelah ayat berjaya diingat, mereka selanjutnya perlu *tasmik* hafazan mereka. *Tasmik* pula adalah pembeza utama antara menghafaz al-Quran dengan perbuatan menghafaz

yang lain. Jika menghafaz maklumat lain seperti maklumat peperiksaan bagi lain-lain mata pelajaran, mereka perlu menulisnya di dalam kertas jawapan atau mengemukakan sebahagian maklumat yang mereka hafaz secara lisan melalui ujian lisan. Ingat ayat al-Quran perlu disahkan melalui *tasmik*. *Tasmik* amat penting dalam hafazan al-Quran.

Ada beberapa peraturan ketat yang perlu dipatuhi oleh pelajar ketika *tasmik*. Antaranya, pelajar perlu mendengarkan hafazan mereka tanpa melihat mashaf. Selain daripada pelajar, guru perlu mengikut beberapa peraturan ketat ketika *tasmik* seperti memberi teguran berkenaan hafazan yang salah. Selain daripada itu, guru turut perlu membetulkan kesalahan baris, tajwid, *makhraj* dan *fasahah* pelajar. Pada sesi *tasmik* ini, guru disarankan untuk tidak melihat mashaf. Oleh kerana itu, adalah amat penting, guru yang mengesahkan hafazan pelajar ini dalam kalangan mereka yang menghafaz al-Quran (*hafiz*).

Selanjutnya ialah pengekatan hafazan. Pengekatan hafazan inilah yang menentukan status *hafiz* seseorang pelajar. Walaupun pelajar tersebut telah ingat dan *tasmik* dengan gurunya, tetapi ingatannya terhadap hafazannya tidak kekal, maka pelajar tersebut masih kurang layak untuk digelar *al-Hafiz*. Apatah lagi pelajar yang hanya ingat atau

menghafaz secara sendirian tanpa *tasmik* dengan guru. Mereka tidak lagi layak digelar *al-Hafiz*. Mengekalkan ingatan tentang apa yang telah dihafaz dan telah *ditasmik* dengan guru adalah cabaran yang paling besar dalam kalangan penghafaz al-Quran. Ramai pelajar yang berjaya ingat, dan ramai juga pelajar yang berjaya *tasmik*, tetapi belum tentu mereka berjaya mengekalkan ingatan mereka. Ramai juga yang cepat ingat, dan berjaya *tasmik* dengan guru mereka dalam tempoh yang singkat. Tetapi pengekal hafazan mereka masih lagi diragui. Justeru pengekal hafazan adalah merupakan tugas yang berat, sehingga memerlukan iltizam dan kebiasaan melakukan ulangan hafazan yang berterus sehingga akhir hayat. Setidak-tidaknya selepas selesai *tasmik* dengan guru, pelajar tersebut perlu diuji hafazannya. Ramai dalam kalangan yang bergiat dalam pendidikan tahfiz terburu-buru untuk menjadi *hafiz* sebaik sahaja selesai menghafaz dan *tasmik* 30 juzuk al-Quran dengan guru mereka.

Pengujian Hafazan

Terdapat pelbagai pengujian dalam pendidikan tahfiz. Kebanyakan pengujian dilakukan dengan pelajar perlu menyambung ayat selepas ayat yang disoal. Pengujian ini turut mempunyai kesukarannya. Pada kebiasaannya, pelajar akan

mudah menyambungkan ayat jika ayat yang disoal ialah ayat pertama bagi sesuatu tahap sukatan yang *ditasmik* dengan guru. Jika ayat yang disoal ialah ayat yang berada di tengah-tengah sukatan, tahap kesukaran untuk menyambungkan ayat adalah sukar. Apatah lagi ayat akhir sukatan yang *ditasmik* sehingga terpaksa menyambung ayat pertama sukatan hafazan berikutnya. Terdapat juga pengujian yang ditetapkan format dan aras tertentu seperti awal *maqrak*, awal surah atau awal juzuk. Ada juga pengujian berbentuk menyoal nombor ayat, jumlah kalimah dalam ayat dan menyoal beberapa ayat sebelum ayat yang diajukan. Pengujian ini jarang diamalkan. Situasinya pun sama, jika pengujian melibatkan beberapa juzuk sahaja, mungkin tidak sesukar pengujian melibatkan 30 juzuk al-Quran.

Pengujian perlu menilai kepada kebiasaan pelajar *hafiz* dilatih dan dibiasakan. Boleh sahaja dilakukan penyilangan tetapi setiap pelajar perlu diberikan tempoh. Tempoh yang bukan sehari atau seminggu. Bahkan sehingga ke tahap menjadi kebiasaan mereka dengan pengujian tersebut. Kedua-dua pengujian di atas amat baik. Namun jika diukur manfaatnya kepada masyarakat, ianya agak kurang bermanfaat. Masyarakat hanya akan berasa kagum terhadap pelajar *hafiz* itu. Lalu mereka hemburkan pujian tentang kehebatan pelajar tersebut menyediakan jawapan.

Bahkan dalam keadaan tertentu, mereka kekal memuji pelajar *hafiz* yang mampu menjawab dengan bacaan yang pantas dan meninggalkan aspek tajwid. Aspek pengujian yang kurang dilaksanakan dalam kalangan pelajar *hafiz* ialah pengujian yang boleh menyedarkan umat tentang makna isi kandungan al-Quran. Pengujian ini lebih dekat dengan tujuan al-Quran diturunkan. Pengujian ini ialah pengujian yang memerlukan pelajar *hafiz* menyatakan kesemua ayat al-Quran berkenaan dengan sesuatu perkara atau isu. Sebagai contoh, apakah ayat-ayat al-Quran berkenaan dengan qisas, apakah ayat-ayat al-Quran berkenaan dengan toleransi antara agama, berkenaan dengan hukum pusaka dan sebagainya. Boleh juga ditingkatkan kepada menjelaskan kesemua pandangan beberapa ulama tafsir atau fiqh berkaitan dengan ayat-ayat tersebut. Jika pengujian ini boleh dilakukan, maka masyarakat akan lebih merasai mujarabnya al-Quran.

Beberapa Contoh Kaedah dan Teknik Hafazan

Bagi memudahkan pelajar menghafaz, dikemukakan di sini beberapa contoh kaedah dan teknik hafazan secara teratur dengan menggunakan ayat 1 hingga ayat 20 surah al-Baqarah.

- 1) Kaedah dan Teknik Melihat Mashaf dan Hafaz I
 - a) Membaca dengan melihat mashaf beberapa kali sehingga lancar bermula ayat 1 hingga ayat 20.
 - b) Menghafaz ayat 1 sehingga ingat iaitu sehingga mampu membaca tanpa melihat mashaf.
 - c) Menghafaz ayat 2 sehingga ingat.
 - d) Ulang membaca ayat 1 dan 2 tanpa melihat mashaf. Jika masih belum ingat pada salah satu ayat, hafazan perlu dilakukan kembali pada ayat yang belum ingat itu. Jika ayat 1 dan 2 telah berjaya dibaca tanpa melihat mashaf, hafazan boleh dipindahkan kepada ayat 3.
 - e) Menghafaz ayat ke 3 sehingga ingat.
 - f) Ulang membaca ayat 1 hingga 3 tanpa melihat mashaf. Jika masih belum ingat pada salah satu ayat, hafazan perlu dilakukan kembali pada ayat yang belum ingat tersebut. Jika ayat 1 dan 2 telah berjaya dibaca tanpa melihat mashaf, hafazan boleh dipindahkan kepada ayat 4.

- 2) Kaedah dan Teknik Melihat Mashaf dan Hafaz II
 - a) Membaca dengan melihat mashaf beberapa kali sehingga lancar bermula ayat 1 hingga ayat 20.
 - b) Menghafaz ayat 1 sehingga ingat, iaitu sehingga mampu membaca tanpa melihat mashaf.
 - c) Menghafaz ayat 2 sehingga ingat.

- d) Menghafaz ayat 3 sehingga ingat.
- e) Menghafaz ayat 4 sehingga ingat.
- f) Menghafaz ayat berikutnya sehingga ayat 20 sebagaimana teknik menghafaz ayat 1 hingga ayat 4.
- g) Ulang membaca tanpa melihat mashaf bermula ayat 1 hingga ayat 20.
- h) Hafaz kembali mana-mana ayat yang belum ingat sehingga ingat dan ayat yang masih ingat tidak perlu diulang. Sebagai contoh, ayat 1 hingga 5 berjaya dibaca tanpa melihat mashaf. Sedangkan ayat 6 telah dilupakan, maka ayat 6 sahaja yang perlu diulang hafaz.
- i) Membaca tanpa melihat mashaf ayat 7. Terus membaca ayat 8 jika ayat 7 berjaya dibaca tanpa melihat mashaf dan perlu diulang hafaz ayat 8 jika ayat 8 masih tidak diingati dengan baik.
- j) Teruskan membaca tanpa melihat mashaf sebagaimana proses di atas sehingga ayat 20.
- k) Kembali membaca tanpa melihat mashaf bermula ayat 1 hingga 20 dengan menghafaz kembali ayat yang masih tidak ingat.

3) Kaedah dan Teknik Melihat Mashaf, Membahagi dan Hafaz

- a) Membaca dengan melihat mashaf beberapa kali sehingga lancar bermula ayat 1 hingga ayat 20 surah al-Baqarah.

- b) Membahagikan 20 ayat kepada 4 bahagian.
- c) Menghafaz kelompok 5 ayat pertama iaitu didahului dengan ayat 1 sehingga ingat.
- d) Menghafaz ayat 2 sehingga ingat.
- e) Menghafaz ayat 3 sehingga ingat.
- f) Menghafaz ayat 4 sehingga ingat.
- g) Menghafaz ayat 5 sehingga ingat.
- h) Membaca tanpa melihat mashaf ayat 1 hingga 5 sehingga lancar. hafaz kembali mana-mana ayat yang tidak ingat.
- i) Menghafaz kelompok 5 ayat kedua iaitu didahului dengan ayat 6 sehingga ingat.
- j) Menghafaz ayat 7 sehingga ingat.
- k) Menghafaz ayat 8 sehingga ingat.
- l) Menghafaz ayat 9 sehingga ingat.
- m) Menghafaz ayat 10 sehingga ingat.
- n) Membaca tanpa melihat mashaf ayat 6 hingga 10 sehingga lancar. Hafaz kembali mana-mana ayat yang masih tidak ingat.
- o) Lakukan teknik yang sama sebagaimana di atas pada baki ayat sehingga ayat 20.
- p) Membaca tanpa melihat mashaf bermula ayat 1 hingga 20. Menghafaz kembali mana-mana ayat yang tidak ingat sehingga ingat.

4) Kaedah dan Teknik Melihat Mashaf, Melihat Terjemahan dan Hafaz I

- a) Membaca dengan melihat mashaf beberapa kali sehingga lancar bermula ayat 1 hingga ayat 20 Surah al-Baqarah.
- b) Melihat terjemahan ayat bagi ayat 1 hingga 20.
- c) Menghafaz ayat 1 sehingga ingat.
- d) Menghafaz ayat 2 sehingga ingat.
- e) Ulang membaca ayat 1 dan 2 tanpa melihat mashaf. Jika masih belum ingat pada salah satu ayat, hafazan perlu dilakukan kembali pada ayat yang belum ingat tersebut. Jika ayat 1 dan 2 telah berjaya dibaca tanpa melihat mashaf, hafazan boleh dipindahkan kepada ayat 3.
- f) Meneruskan hafazan sehingga ayat 20.

5) Kaedah dan Teknik Melihat Mashaf, Melihat Terjemahan dan Hafaz II

- a) Membaca dengan melihat mashaf beberapa kali sehingga lancar bermula ayat 1 hingga ayat 20 surah al-Baqarah.
- b) Melihat terjemahan ayat 1.
- c) Menghafaz ayat 1 sehingga ingat.
- d) Melihat terjemahan ayat 2.
- e) Menghafaz ayat 2 sehingga ingat.

- f) Ulang membaca ayat 1 dan 2 tanpa melihat mashaf. Jika masih belum ingat pada salah satu ayat, hafazan perlu dilakukan kembali pada ayat yang belum ingat tersebut. Jika ayat 1 dan 2 telah berjaya dibaca tanpa melihat mashaf, hafazan boleh dipindahkan kepada ayat 3.
- g) Meneruskan hafazan dengan diselangi melihat terjemahan sehingga ayat 20.

6) Kaedah dan Teknik Melihat Mashaf, Melihat Terjemahan, Tulis Ayat dan Hafaz I

- a) Membaca dengan melihat mashaf beberapa kali sehingga lancar bermula ayat 1 hingga ayat 20 surah al-Baqarah.
- b) Melihat terjemahan ayat bagi ayat 1 hingga 20.
- c) Menulis ayat 1 hingga ayat 20.
- d) Menghafaz ayat 1 sehingga ingat.
- e) Menghafaz ayat 2 sehingga ingat.
- f) Ulang membaca ayat 1 dan 2 tanpa melihat mashaf. Jika masih tidak ingat pada salah satu ayat, hafazan perlu dilakukan kembali pada ayat yang tidak ingat tersebut. Jika ayat 1 dan 2 telah berjaya dibaca tanpa melihat mashaf, hafazan boleh dipindahkan kepada ayat 3.
- g) Meneruskan hafazan sehingga ayat 20.

7) Kaedah dan Teknik Melihat Mashaf, Melihat Terjemahan, Tulis Ayat dan Hafaz II

- a) Membaca dengan melihat mashaf beberapa kali sehingga lancar bermula ayat 1 hingga ayat 20 Surah al-Baqarah.
- b) Melihat terjemahan ayat 1.
- c) Menghafaz ayat 1 sehingga ingat.
- d) Menulis ayat 1.
- e) Melihat terjemahan ayat 2.
- f) Menghafaz ayat 2 sehingga ingat.
- g) Menulis ayat 2.
- h) Ulang membaca ayat 1 dan 2 tanpa melihat mashaf. Jika masih tidak ingat pada salah satu ayat, hafazan perlu dilakukan kembali pada ayat yang tidak ingat tersebut. Jika ayat 1 dan 2 telah berjaya dibaca tanpa melihat mashaf, hafazan boleh dipindahkan kepada ayat 3.
- i) Meneruskan hafazan dengan diselangi melihat terjemahan dan tulis ayat sehingga ayat 20.

8) Kaedah dan Teknik Menggunakan Jari

Menghafaz menggunakan jari ialah menjadikan jari sebagai tanda ayat al-Quran yang dihafaz. Sebagai contoh menghafaz ayat 1 surah al-Baqarah diwakili oleh ibu jari. Hafazan ayat 2 diwakili jari telunjuk. Hafazan ayat 3 diwakili jari tengah. Hafazan ayat 4 diwakili jari manis dan hafazan ayat 5

diwakili jari kelingking. Bermula dengan menggenggam, kesemua jari-jari ini kemudiannya diangkat satu persatu bagi setiap lima ayat yang dihafaz. Bagi ayat 6 hingga 10, jari-jari ini kembali ditutup satu persatu bermula daripada ibu jari hingga jari kelingking. Begitulah seterusnya hingga ke seberapa banyak ayat yang ingin dihafaz. Kaedah dan teknik ini mampu membolehkan pelajar mengingat nombor ayat, muka surat dan surah serta juzuk al-Quran (Zidny Zammi Fadhel Firdaus, 2019)

Selain daripada menggunakan satu tangan, teknik ini juga boleh menggunakan kedua-dua tangan atau sepuluh jari. Bermula dengan menggenggam tangan kanan, kemudian jari telunjuk diangkat bagi mewakili ayat 1. kemudian mengangkat jari tengah mewakili ayat 2. Seterusnya, ayat 3 hingga ke 5 diwakili jari-jari berikutnya sehingga ibu jari. Sehingga peringkat ini, tapak tangan berada dalam keadaan terbuka. Oleh itu, nombor 6 diwakili dengan menutup jari kelingking sehingga nombor 9 diwakili oleh jari telunjuk yang ditutup. Baki ibu jari ialah mewakili angka 0. Bagi nombor ayat ke-10, ia diwakili oleh jari telunjuk di tangan kiri berserta dengan keadaan tangan kanan yang menggenggam kelima-lima jari. Bagi angka 11 pula, ia melibatkan kedudukan jari mewakili ayat ke-10 itu kekal (tangan kanan menggenggam dan jari telunjuk tangan kiri dibuka) berserta dengan

mengangkat jari telunjuk tangan kanan. Pada kedudukan nombor ayat 11 ini, kedua-dua jari telunjuk tangan kanan dan kiri saling berada dalam keadaan terbuka. Selanjutnya bagi angka 12, kedudukan jari mewakili ayat 11 itu dikekalkan dan mula mengangkat jari tengah tangan kanan dan begitulah seterusnya jari manis, kelingking tangan kanan diangkat bagi mewakili ayat 12, 13, 14 dan 15. Manakala bagi nombor ayat ke 16 hingga 20 adalah diwakili dengan menutup jari kelingking, manis, tengah, telunjuk dan ibu jari tangan kanan dalam keadaan jari telunjuk tangan kiri kekal diangkat kecuali ayat nombor 20 dengan tangan kanan menggenggam dan jari telunjuk dan jari tengah tangan kiri diangkat. (Yadi Iryadi, 2011).

Lampiran A

356 LOKASI AYAT *MUTASYABIHAT*

Bil	Surah Dan Ayat		
1	al-Baqarah,27	Ar-Ra'd,25	
2	al-Baqarah,34	al-Isra',61	al-Kahfi,50 Taha,116
3	al-Baqarah,35	al-A'raf,19	
4	al-Baqarah,36	al-A'raf,24	
5	al-Baqarah,38	Taha,123	
6	al-Baqarah,48	al-Baqarah,123	
7	al-Baqarah,49	al-A'raf,141	Ibrahim,6
8	al-Baqarah,57	al-A'raf,160	
9	al-Baqarah,58	al-A'raf,161	
10	al-Baqarah,59	al-A'raf,162	
11	al-Baqarah,60	al-A'raf,160	Al-Syu'araa'',63
12	al-Baqarah,61	Ali-'Imran,21	Ali-'Imran,112
13	al-Baqarah,62	Al-Maa'idah, 69	al-Hajj,17
14	al-Baqarah,63	al-Baqarah, 93	
15	al-Baqarah,80	Ali-'Imran,24	
16	al-Baqarah,83	al-Nisa',36	Al-Ana'am,151 al-Isra',23
17	al-Baqarah,87	al-Baqarah,253	
18	Al-Baqarah,87	Al-Maa'idah,70	
19	Al-Baqarah,88	An-Nisaa',155	
20	Al-Baqarah,95	Al-Jumu'ah,6	
21	Al-Baqarah,110	Al-Muzammil,20	
22	Al-Baqarah,114	Al-Maa'idah,33	Al-Maa'idah,41
23	Al-Baqarah,116	Yunus,68	Al-Anbiyaa',26
24	Al-Baqarah,117	Al-Ana'am,101	
25	Al-Baqarah,119	Faathir,24	
26	Al-Baqarah,120	Ali-'Imran,73	Al-Ana'am,71
27	Al-Baqarah,120	Al-Baqarah,145	Ar-Ra'd,37
28	Al-Baqarah,121	Al-Baqarah,146	Al-Ana'am,20
29	Al-Baqarah,125	Al-Hajj,26	

30	Al-Baqarah,129	Al-Baqarah,151	Ali-'Imran,164 Al-Jum' uah,2
31	Al-Baqarah,136	Ali-'Imran,84	
32	Al-Baqarah,147	Ali-'Imran,60	Al-Ana'am,114 Yunus,94 Al-Qasas,87
33	Al-Baqarah,161	Ali-'Imran,87	
34	Al-Baqarah,164	Ali-'Imran,190	
35	Al-Baqarah,170	Al-Nisa',61	Al-Maa'idah,104 Luqman,21
36	Al-Baqarah,173	Al-Maa'idah,3	Al-Ana'am,145 Al-Nahl,115
37	Al-Baqarah,174	Ali-'Imran,77	
38	Al-Baqarah,193	Al-Anfaal,39	
39	Al-Baqarah,210	Al-Ana'am,158	Al-A'raaf,53 Al-Nahl,33
40	Ali-'Imran,142	Al- Taubah,16	Al- Mu'minuun,115
41	Al-Baqarah,218	Al-Anfaal,72	At-Taubah,20
42	Al-Baqarah,225	Al-Maa'idah,89	
43	Al-Baqarah,243	Yunus,60	An-Naml,73 Ghaafir,61
44	Al-Baqarah,245	Al-Maa'idah,12	Al-Hadiid,11 Al-Hadiid,18 At-Taghaabun,17 Al-Muzammil,20
45	Al-Baqarah,251	Al-Hajj,40	
46	Al-Baqarah,252	Ali-'Imran,108	Al-Jathiyah,6
47	Al-Baqarah,254	Al-Baqarah,267	Al- Munaafiquun,10
48	Al-Baqarah,272	Al-Anfaal, 60	
49	Al-Baqarah, 273	Al-Hasyar,8	
50	Ali-'Imran,10	Ali-'Imran,116	Al-Mujaadalah,17
51	Ali-'Imran,11	Al-Anfaal,52	Al-Anfaal,54 Ghaafir, 21 Ghaafir,22
52	Ali-'Imran, 23	An-Nisaa',44	An-Nisaa',51

53	Ali-'Imran,32	Al-Maa'idah,92	An-Nur,54 At-Taghaabun,12
54	Ali-'Imran,40	Ali-'Imran,47	Maryam,8 Maryam,20
55	Ali-'Imran,41	Maryam,10	
56	Ali-'Imran,44	Hud,49	Yusuf,102
57	Ali-'Imran,50	As-Saff,6	
58	Ali-'Imran,52	Maryam,36	Az-Zukhruf,64
59	Ali-'Imran,137	Al-Ana'am,11	Al-Nahl,36 An-Naml,69 Al-'Ankabuut,20 Ar-Ruum,42
60	Ali-'Imran,182	Al-Anfaal,51	Al-Hajj,10
61	Ali-'Imran,184	Faathir,25	
62	Ali-'Imran,185	Al-Anbiyaa',35	Al-'Ankabuut,57
63	An-Nisaa',13 Al-Maa'idah,119	At-Taubah,72 At-Taubah,89	At-Taubah,100 At-Taubah,111 Yunus,64 Ghaafir,9 Al-Shaf,12 At-Taghaabun,9
64	An-Nisaa',22	Al-Israk,32	
65	An-Nisaa',25	Al-Maidah,5	Al-Mumtahanah,10 At-Talaaq,6
66	An-Nisaa',36	Luqman,18	Al-Hadid,23
67	An-Nisaa',41	Al-Nahl,89	
68	An-Nisaa',43	Al-Maa'idah,6	
69	An-Nisaa',46	Al-Maa'idah,13	Al-Maa'idah,41
70	An-Nisaa',69	Maryam,58	
71	An-Nisaa',92	Al-Mujaadalah,4	
72	An-Nisaa',93	Al-Maa'idah,95	
73	An-Nisaa',97	Al-Nahl,28	Al-Nahl,32
74	An-Nisaa',105	Az-Zumar,2	Az-Zumar,41
75	An-Nisaa',124	Al-Nahl,97	Maryam,60 Al-Furqaan,70 Ghaafir,40

76	An-Nisaa', 135	Al-Maa'idah, 8	
77	An-Nisaa', 140	Al-Ana'am, 68	
78	An-Nisaa', 171	Al-Maa'idah, 77	
79	Al-Maa'idah, 2	Al-Maa'idah, 97	
80	Al-Maa'idah, 2	Al-Fath, 29	Al-Hasyar, 8
81	Al-Maa'idah, 11	Al-Ahzaab, 9	
82	Al-Maa'idah, 20	Ibrahim, 6	Al-Shaf, 5
83	Al-Maa'idah, 36	Al-Radu, 18	Az-Zumar, 47
84	Al-Maa'idah, 46	Al-hadiid, 27	
85	Al-Maa'idah, 51	At-Taubah, 23	Al-Mumtahanah, 9
86	Al-Maa'idah, 53	Al-Ana'am, 109	Al-Nahl, 38 An-Nur, 53 Faathir, 42
87	Al-Ana'am, 4	Al-Anbiyaa', 2	Al-Syu'araa'', 5 Yaasin, 46
88	Al-Ana'am, 7	Al-Syu'araa'', 6	
89	Al-Ana'am, 6	Yassin, 31	
90	Al-Ana'am, 6	Al-Anbiyaa', 11	Al-Mu'minuun, 31 Al-Mu'minuun, 42
91	Al-Anam, 10	Al- Ra'du, 32	Al-Anbiyaa', 41
92	Al-Ana'am, 14	Az-Zumar 11	
93	Al-Ana'am, 15	Al- Araf, 59	Yunus, 15 Hud, 3 Hud, 84 Az-Zumar, 13
94	Al-Ana'am, 17	Yunus, 107	
95	Al-Ana'am, 21	Al-Ana'am, 93	Al-Ana'am, 144 Al- An'am, 157 Al-A'raaf, 37 Yunus, 17 Hud, 18 Al-Kahfi, 15 Al-'Ankabuut , 68 Al-Shaf, 7
96	Al-Ana'am, 22	Al-Ana'am, 128	Yunus, 28 An-Naml, 83

			Saba',40
97	Al-Ana'am,25	Yunus,42	Muhammad,26
98	Al-Ana'am,25	Al-Israa',46	Al-Kahfi,57
99	Al-Ana'am,29	Al-Mu'minuun,37	Al-Jathiyah,24
100	Al-Ana'am,32	Al-'Ankabuut,64	Muhamad,36 Al-Hadiid,20
101	Al-Ana'am,42	Al- Nahl,63	
102	Al-Ana'am,42	Al- Araf,94	
103	Al-Ana'am,48	Al- Kahfi,56	
104	Al-Ana'am,50	Hud,31	
105	Al-Ana'am,55	Al-A'raaf,32	Al-A'raaf,174
106	Al-Ana'am,56	Ghaafir,66	
107	Al-Ana'am,63	Yunus,22	
108	Al-Ana'am,70	Al-A'raaf,51	
109	Al-Ana'am,80	Al-A'raaf,89	
110	Al-Ana'am,81	Ali-'Imran,151	Al-A'raaf,33
111	Al-Ana'am,87	Ar-Ra'd,23	Ghaafir,8
112	Al-Ana'am,91	Al- Hajj,74	Az-Zumar,67
113	Al-Ana'am,92	Al-An'am,155	Shad,29
114	Al-Ana'am,92	Asy-Syu'araa',7	
115	Al-Ana'am,93	Saba',31	
116	Al-Ana'am,93	Al-Al-Ahqaaf,20	
117	Al-Ana'am,99	Al-Ana'am,141	
118	Al-Ana'am,102	Ghaafir,62	
119	Al-Ana'am,112	Al-Furqaan,31	
120	Al-Ana'am,116	Al-Ana'am,148	Yunus,66 An-Najm,23 An-Najm,28
121	Al-Ana'am,117	Al-Nahl,125	An-Najm,30 Al-Qalam,7
122	Al-Ana'am,122	Yunus,12	
123	Al-Ana'am,130	Al-A'raaf,35	Az-Zumar,71
124	Al-Ana'am,131	Al- Hud,117	Al-Qasas,59
125	Al-Ana'am,132	Al- Al-Ahqaaf,19	
126	Al-Ana'am,135	Hud,39	Hud,93 Az-Zumar,39

127	Al-Ana'am,148	Al-Nahl,35	
128	Al-Ana'am,151	Al-Isra',31	
129	Al-Ana'am,151	Al-Isra',33	Al-Furqaan,68
130	Al-Ana'am,152	Al-Isra',34	
131	Al-A'raaf,85	Hud,85	Al- Syuara',183
132	Al-Ana'am, 159	Ar-Ruum,32	
133	Al-Ana'am,160	An-Naml,89	Al-Qasas,84
134	Al-A'raaf,9	Al-Mu'minuun,103	
135	Al-A'raf,12	Shad,76	
136	Al-Hijr,34	Shad,77	
137	Al-A'raf,34	Yunus,49	Al-Nahl,61
138	Al-A'raf,43	Al-Hijr,47	Al-Qasas,75
139	Al-A'raf,14	Al-Hijr,36-39	Shad,79 Al-A'raaf 45
140	Al-A'raf,45	Hud,19	Yusuf,37
141	Al-A'raf,54	Yunus,3	Hud,7 Al-Furqaan,59 As-Sajdah,4 Qaaf,38 Al-Hadiid,4
142	Al-A'raf,57	Al-Furqaan,48	An-Naml,63 Ar-Ruum,48 Faathir,9
143	Al-A'raf,59	Hud,25	Al-Mu'minuun,23 Al-'Ankabuut,14
144	Al-A'raf,64	Yunus,73	
145	Al-A'raf,70	Hud,32	Al-Ahqaaf,22
146	Al-A'raf,71	Yusuf,40	An-Najm,23
147	Al-A'raf,75	Saba',32	
148	Al-A'raf,78	Al-A'raaf,91	Hud,67 Hud,94 Al-'Ankabuut, 37
149	Al-A'raf,79	Al-A'raf,93	
150	Al-A'raf,80	An-Naml,54	Al-'Ankabuut,28
151	Al-A'raf,81	An-Naml,55	Al-'Ankabuut,29
152	Al-A'raf,8	An-Naml,56	Al-'Ankabuut,24

			Al-'Ankabuut,29
153	Al-A'raf,83	Al-Hijr,60	An-Naml,57
154	Al-A'raf,84	Al-Syu'araa'',173	An-Naml,58
155	Al-A'raf,85	Hud,84	Al-'Ankabuut,36
156	Al-A'raf,94	Saba',34	Az-Zukhruf,23
157	Al-A'raf,101	Yunus,13	Yunus,74
158	Al-A'raf,103	Yunus,75	
159	Al-A'raf,123	Taha,71	Al-Syu'araa'',49
160	Al-A'raf,124	Taha,71	Al-Syu'araa'',49
161	Al-A'raf,134	Az-Zukhruf,49	
162	Al-A'raf,135	Az-Zukhruf,50	
163	Al-A'raf,138	Yunus,90	Taha,78
164	Al-A'raf,148	Taha,88	
165	Al-A'raf,150	Taha,86	
166	Al-A'raf,178	Al-Israk,97	Al-Kahfi,17
167	Al-A'raf,188	Yunus,49	
168	Al-A'raf,191	Al-Nahl,20	Al-Furqaan,3
169	Al-A'raf,200	Fussilat,36	
170	Al-Anfaal,4	Al-Anfaal,74	Al-Hajj,50-51 Saba',4 Saba',38
171	Faathir,7	Al-Hujuraat,3	
172	Al-Anfaal,13	Al-Hasyar,4	
173	Al-Anfaal,22	Al-Anfaal,55	
174	Al-Anfaal,28	At-Taghaabun,15	At-Taubah,22
175	Al-Anfaal,31 Al-Qalam,15	Yunus,15 Al-Ahqaaf,7	Maryam,73 Al-Hajj,72 Luqman,7 Saba',43 Al-Jathiyah,8 Al-Jathiyah,25 Al-Mutoffifin,13
176	At-Taubah,26	At-Taubah,40	Al-Fath,26
177	At-Taubah,32	Al-Shaf,8	
178	At-Taubah,39	Hud,57	
179	At-Taubah,70	Ibrahim,9	At-Taghaabun,5
180	At-Taubah,73	At-Tahriim,9	

181	Yunus,12	Ar-Ruum,33	Az-Zumar,8 Az-Zumar,49
182	Yunus,19	Hud,110	Taha,129 Fussilat,45 Al-Jathiyah,17 Asy-Syu'araa',14 Yunus, 93
183	Yunus,21	Ar-Ruum,36	Syura',48
184	Yunus,24	Al-Kahfi,45	
185	Yunus,33	Ghaafir,6	
186	Yunus,36	An-Najm,28	
187	Yunus,37	Yusuf,111	
188	Yunus,38	Hud,13	Hud,35 Al-Ahqaaf,8
189	Yunus,46	Ar-Ra'd,40	Ghaafir,77
190	Yunus,55	Yunus,66	An-Nur,64
191	Yunus,61	Saba',3	Saba',22
192	Yunus,68	Ghaafir,61	
193	Yunus,72	Saba',47	
194	Yunus,76	Al-Qasas,48	Ghaafir,25
195	Yunus,98	Fussilat,16	
196	Hud,2	Hud,26	
197	Hud,3	Hud,52	
198	Hud,10	Fussilat,50	
199	Hud,14	Al-Qasas,50	
200	Hud,17	Al-Ahqaaf,12	
201	Hud,37	Al-Mu'minuun,27	
202	Hud,40	Al-Mu'minuun, 27	
203	Hud,52	Nuh,11	
204	Hud,62	Ibrahim,9	
205	Hud,69	Al-'Ankabuut,31	
206	Hud,81	Al-Hijr,65	
207	Hud,77	Al-'Ankabuut,33	
208	Hud,82	Al-Hijr,74	
209	Hud,96	Ibrahim,5	Al-Mu'minuun,45 Az-Zukhruf, 46

			Ghaafir,23
210	Hud,112	Asy-Syu'araa',15	
211	Hud,123	Al-Nahl,77	
212	Yusuf,18	Yusuf,83	
213	Yusuf,21	Qasas,9	
214	Yusuf,22	Qasas,14	
215	Yusuf,109	Al-Nahl,43	Al-Anbiyaa',7 Al-Hajj,25 Al-Hajj,52 Al-Furqaan,20
216	Yusuf,109	Al-Hajj,46	Ar-Ruum,9 Faathir,44 Ghaafir,21 Ghaafir,82 Muhammad,10
217	Ar-Ra'd,2	Luqman,29	Faathir,13 Az-Zumar,5
218	Ar-Ra'd,26	Al-Israa',30 Al-Qasas,82	Al-'Ankabuut,62 Ar-Ruum,37 Saba',39 Az-Zumar,52 Saba',36 Asy-Syura,12
219	Ibrahim,19-20	Faathir,16-18	
220	Ibrahim,21	Ghaafir,47	
221	Ibrahim,30	Az-Zumar,8	
222	Ibrahim,34	Al-Nahl,18	
223	Al-Hijr,5	Al-Mu'minuun, 43-44	
224	Al-Hijr,52	Adz-Dzaariyaat,25	
225	Al-Hijr,82-83	Al-A'raf,74	Al-Syu'araa', 149-150
226	Al-Hijr,85	Al-Anbiyaa',16-17	
227	Al-Hijr,88	Taha,131	
228	Al-Hijr,88-89	Al-Syu'araa', 215&216	
229	Al-Nahl,14	Ar-Ruum,46	Faathir,12

			Al-Jathiyah,12 Ibrahim,32
230	Al-Nahl,29	Az-Zumar,72	Ghaafir,76
231	Al-Nahl,42	Al-'Ankabuut,59	
232	Al-Nahl,55	Al-'Ankabuut,66	Ar-Ruum,34
233	Al-Nahl,58	Az-Zukhruf,17	
234	Al-Nahl,61	Faathir,45	
235	Al-Nahl,65	Al-'Ankabuut,63	Ar-Ruum,24
236	Al-Nahl,66	Al-Mu'minuun,21	Al-Nahl,70 Al-Hajj,5
237	Al-Nahl,70	Al-Hajj,5	
238	Al-Nahl,72	Al-'Ankabuut ,67	
239	Al-Nahl,93	Al-Maa'idah,48	Al-Syu'araa',8
240	Al-Nahl,127	Naml,70	
241	Al-Israa',9	Al-Kahfi,2	
242	Al-Israa',26	Ar-Ruum,38	
243	Al-Israa',41	Al-Israa',89	Al-Kahfi,54 Al-Furqaan,50 Ar-Ruum ,58
244	Al-Israa',48	Al-Furqaan,9	
245	Al-Israa',81	Saba',49	
246	Al-Israa',83	Fussilat,51	
247	Al-Israa',94	Al-Kahfi,55	
248	Al-Israa',96	Al- Ra'du,43	Al-'Ankabuut,52
249	Al-Kahfi,46	Maryam,76	
250	Al-Kahfi,52	Al-Qasas,64	
251	Al-Kahfi,57	As-Sajdah,22	
252	Al-Kahfi,110	Fussilat,6	
253	Maryam,37	Az-Zukhruf, 65	
254	Maryam,75	Al-Jinn,24	
255	Maryam,74	Maryam,98	Qaaf,36
256	Taha,10	An-Naml,7	Qasas,29
257	Taha,53	Az-Zukhruf,10	
258	Taha,109	Saba',23	
259	Taha,112	Al-Anbiyaa',94	
260	Taha,114	Al-Mu'minuun,116	

261	Taha,128	As-Sajdah,26	
262	Taha,130	Qaaf,39	
263	Taha,134	Al-Qasas, 47	
264	Al-Anbiyaa',36	Al-Furqaan, 41	Al-Anbiyaa',70
265	Al-Anbiyaa',70	As-Saaffaat, 98	
266	Al-Anbiyaa',73	Al-Qasas ,41	
267	Al-Anbiyaa',84	Shad,43	
268	Al-Anbiyaa',92	Al-Mu' minuun ,52	
269	Al-Hajj,5	Faathir,11	Ghaafir,67
270	Al-Hajj,5	Ghaafir,67	
271	Al-Hajj,42	Faathir,4	Faathir,25
272	Shad,12	Qaaf,12	
273	Al-Hajj,23	Faathir,33	
274	Al-Hajj,61	Luqman,29	
275	Al-Hajj,62	Luqman,30	
276	Al-Mu' minuun,8-9	Al-Ma'aarij,32	
277	Al-Mukminun,22	Ghaafir,80	
278	Al-Mukminun,78	As-Sajdah,9	Al-Mulk,23
279	Al-Mukminun,79	Al-Mulk,24	
280	Al-Mu' minuun,83	An-Naml,68	
281	An-Nur,43	Ar-Ruum,48	
282	An-Nur,61	Al-Fath,17	
283	An-Nur,62	Al-Hujuraat,15	
284	Al-Furqaan, 43	Al-Jathiyah,23	
285	Al-Furqaan,53	Faathir,12	
286	Al-Syu'araa'',52	Ad-dukhaan,23	
287	Al-Syu'araa'',57	Ad-dukhaan,25	
288	Al-Syuara', 70	As-Saaffaat,85	
289	An-Naml,9	Al-Qasas,30	

290	An-Naml,19	Al-Ahqaaf,15	
291	An-Naml,24	Al-Ana'am,43	Al-Nahl,63 Al-'Ankabuut, 38
292	An-Naml,40	Luqman,12	
293	An-Naml,74	Al-Qasas,69	
294	An-Naml,87	Az-Zumar,68	
295	Al-Qasas,20	Yaasin,20	
296	Al-Qasas,38	Ghaafir,36	
297	Al-Qasas,40	Adz-Dzaariyaat,40	
298	Al-Qasas,60	Asy-Syura,36	
299	Al-'Ankabuut,8	Luqman,14	Al-Ahqaaf,15
300	Al-'Ankabuut,8	Luqman,15	
301	Al-'Ankabuut,22	Asy-Syu'araa',31	
302	Al-'Ankabuut,27	Al-hadiid,26	
303	Al-'Ankabuut,35	Al-Qamar,15	
304	Al-'Ankabuut,43	Hasyar,21	
305	Al-'Ankabuut,61	Luqman,25	Az-Zumar,38 Az-Zukhruf,9 Al-Zukruf 87
306	Al-'Ankabuut,65	Luqman,32	
307	Ar-Ruum,8	Al-Ahqaaf, 3	
308	Ar-Ruum,58	Az-Zumar,37	
309	Al-Ahzaab,21	Al-Mumtahanah,4	Al-Mumtahanah,6
310	Al-Ahzaab,26	Al-Hasyar,2	
311	Al-Ahzaab,38	Al-Ahzaab,62	Al-Fath,23
312	Al-Ahzaab,45	Al-Fath,8	
313	Saba',2	Al-Hadiid,4	
314	Saba',43	Al-Ahqaaf,7	
315	Faathir,11	Fussilat,47	
316	Faathir,40	Al-Ahqaaf,4	
317	As-Saaffaat,53	As-Saaffaat,16	Al-Waqiah

318	As-Saaffaat,27	As-Saaffaat,50	At-Tuur,25 Al-Qalam,30
319	As-Saaffaat,58	Ad-Dukhaan,35	
320	Shad,4	Qaaf,2	
321	Shad,9	At-Tuur,37	
322	Az-Zumar,15	Asy-Syu'araa',45	
323	Az-Zumar,21	Al-hadiid,20	
324	Az-Zumar,26	Fussilat,24	
325	Az-Zumar,63	Asy-Syura,12	
326	Ghaafir,22	At-Taghaabun,6	
327	Ghaafir,7	Asy-Syura,5	
328	Fussilat,30	Al-Ahqaaf,13	
329	Fussilat,46	Al-Jaathiyah ,15	
330	Fussilat,52	Al-Ahqaaf,10	
331	Asy-Syura,37	An-Najm,32	
332	Al-Zukruf,83	At-Tuur,45	Al-Ma'aarij,42
333	Adz-Dzaariyaat,5	Mursalat,7	Adz-Dzaariyaat,15 At-Tuur,17
334	Adz-Dzaariyaat,15	At-Tuur,17	
335	Adz-Dzaariyaat,19	Al-Ma'aarij,24	
336	Adz-Dzaariyaat,59	At-Tuur,47	At-Tuur,40 Al-Qalam,46
337	At-Tuur,40	Al-Qalam,46	
338	Al-mujaadalah,16	Al-Munaafiquun,2	
339	Al-Hasyar,8	Al-Baqarah,273	
340	Al-mujaadalah,6	Al-mujaadalah,18	
341	Al-Qalam,43	Al-Ma'aarij,44	
342	Al-Ma'aarij,29-33	Al- Mukminun,5-9	
343	Nuh,21	Nuh,26	
344	Nuh,34-35	Al-Mu'minuun ,9-10	

345	Al-Naba',4	At-Takaathur,3-4	
346	Al-Zariat,24	Al-Buruj,17	Al-Ghaasyiyah,1
347	Al-Naziat,17	Taha,24	Taha,43
348	Al-Naziat,33-34	'Abasa,32-33	
349	Al-Naziat,42	Al- Araf,187	
350	'Abasa,11-12	Al-Muzammil,19	Al- Muddaththir,54
351	'Abasa,38	Al-Ghaasyiyah, 2	Al-Ghaasyiyah,8
352	At-Takwiir,6	Al-Infitaar,3	
353	At-Takwiir,19	Al-Haaqqah,40	
354	At-Takwiir,29	Al-Insan,30	
355	Al-Insyiqaaq,25	Fusshilat,8	Al-Tin,6
356	Al-Balad,17	Al-Asr,3	Al-Tin,6

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abd Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir@Tahir (2014). *Amalan Kaedah Hafazan al-Quran di Darul Quran*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim Perak.
- Abdul Hafiz, A., & Norhanan, A. R. (2010). *Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz al-Quran Darul Tuba*. Jurnal Teknologi 2.
- Abu Najihat. (2012). *Panduan Bagi Hafiz dan Hafizah dan Qari dan Qariah*. Penerbitan Darul Iman. Selangor. ms. 171 -471.
- As-Syarbini, Ibrahim Abdul guni'm (2004). *As-Sabil Ila Al-Jinnan bi Bayan Kaifa Yuhfazul Quran*. Zaqaziq. Dar Ibnu Kathir
- Azmil bin Hashim & Misnan Jemali (2013). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Tahfiz Dengan Pencapaian Hafazan al-Quran: Kajian di Zon Tengah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak.
- Mohd Aderi bin Che Noh (2008). *Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru Dan Pencapaian Tilawah Al-Quran Murid Tingkatan Dua Di Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2014). *Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014

- Muhammad Khurram Khan, Yasser M. Alginahi.(2013). *The Holy Quran Digitization: Challenges and Concerns*, Life Science Journal. Vol.10, no.2: 156-164.
- Muhammad Hafiz Saleh, Zaharah Hussini Zawawi Ismail, Zulkiple Abd Ghan, Adnan Mohamed Yusoff & Hayati Hussin (2017). *Developing An Effective Quran Memorisation Technique Using Fuzzy Delphi Method*. International Journal of Islamic Studies. Vol. 7. No. 1 (2017) diambil di https://www.researchgate.net/publication/322243075_Developing_An_Effective_Quran_Memorisation_Technique_Using_Fuzzy_Delphi_Method pada 4 Mei 2019
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *AL-KAFI 1029: Solat Sunat Rawatib Yang Mu'akkad Dan Tidak Mu'akkad*. Diperoleh pada 17 Jun 2019, daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2993-al-kafi-1029-solat-sunat-rawatib-yang-mu-akkad-dan-tidak-mu-akkad>
- Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad & Kasnani Ab. Karim (2000). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Longman.
- Yadi Iryadi. 2011. *Jari Ayat Metode Yadain*. [Online Video]. Diambil daripada <https://www.youtube.com/watch?v=cwEuIcf4HM8> [diambil pada 3 Mei 2019]
- Zidny Zammi Fadhel Firdaus (Pelajar Semester Lima, Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Darul Quran) dalam temu bual dengan pelajar 3 Jun 2019.

BAB 5

SAINS NEUROLOGI DALAM KAEDAH DAN TEKNIK HAFAZAN AL-QURAN⁵

PROSES INGATAN DAN HAFAZAN AL-QURAN

Proses ingatan mempunyai tiga tahap iaitu Ingatan Kederiaan atau *sensory memory* (SM), Ingatan Jangka Pendek atau *short term memory* (STM) dan Ingatan Jangka Panjang atau *long term memory* (LTM). SM merupakan tahap awal ingatan melalui rangsangan yang terhasil daripada pancaindera. Pancaindera memberi kemampuan kepada manusia untuk merasa melalui hidu, dengar, kecap, lihat dan sentuh dan masing-masing mempunyai batas yang tersendiri. Ingatan yang tidak dapat dikesan, tidak akan diproses dan tidak akan disimpan di dalam memori. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa hanya ingatan yang telah dirangsang dan diberi perhatian secara berterusan akan disimpan. Tetapi sebaliknya, ingatan yang dirangsang tersebut perlu melalui proses selanjutnya agar ianya dapat disimpan di dalam memori dan seterusnya mampu diingatkan kembali pada bila-bila masa yang diperlukan. SM mempunyai hadnya. Ingatan yang telah melalui SM akan merosot dengan pantas jika tidak diproses ke peringkat seterusnya. Ingatan akan merosot

dalam tempoh kurang dari 0.5 saat (rangsangan visual) hingga tiga saat (rangsangan pendengaran). (Lutz, S., & Huitt, W. ,2003).

Berkenaan dengan STM juga, jumlah maklumat yang ada dalam STM akan merosot dengan peredaran masa. Penemuan mendapat bahawa maklumat dapat diingat dengan cepat dalam tempoh 0 saat penangguhan. Bahkan, hanya 10% hingga 20% ingatan akan dapat dikembalikan jika penangguhan masa adalah selama 18 saat (Short Term Memory and Working Memory,2011).

SM ini jika dikaitkan dengan hafazan al-Quran, maka kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* perlu dilakukan melibatkan guru membaca dan pelajar mengikuti bacaan guru tersebut secara beramai-ramai. Selain itu, pelajar juga perlu melihat mashaf ketika guru membaca dan ketika mereka sendiri membacanya. Ini akan melibatkan rangsangan daripada pendengaran dan penglihatan. Cara ini adalah lebih berkesan berbanding dengan pelajar membaca di hadapan guru secara individu sambil melihat mashaf dan guru membetulkan bacaan pelajar tersebut. Proses ini hanya melibatkan rangsangan penglihatan sahaja.

Proses ingatan seterusnya ialah STM atau juga dikenali dengan Working Memory. STM sering digambarkan

sebagai ingatan aktif atau sedar kerana STM merupakan sebahagian daripada proses ingatan yang aktif memproses ingatan ketika maklumat baharu diperolehi. STM juga mempunyai kapasiti yang terhad dan maklumat yang tidak diulang-ulang secara berterusan akan mula lupa antara tempoh 15 ke 30 saat. Antara cara yang efektif untuk memproses maklumat ketika berada di dalam STM ialah melalui pengulangan secara berterusan. pengulangan tersebut adalah semata-mata bertujuan untuk menyimpan maklumat sebelum diproses ke tahap seterusnya dan jika tidak diproses ke tahap seterusnya, maklumat tersebut akan hilang.

Oleh itu, ayat hafazan perlu diulang dengan kerap kerana tanpa pengulangan yang kerap, ayat tersebut akan hilang antara 15 ke 30 saat. Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan bahawa adalah menjadi keperluan kepada pelajar untuk mengulang kembali ayat hafazan semasa di awal sesi *Kelas Tasmik*. Ini kerana selepas menghafaz ayat pada sebelah malam dan di awal pagi sebelum sesi *Kelas Tasmik* bermula, kualiti ingatan pelajar terhadap ayat hafazan telah merosot kerana jarak masa antara hafazan selepas subuh atau sebelum sesi kelas dengan sesi *Kelas Tasmik* bermula adalah melebihi 15 ke 30 saat. Justeru, sebelum memperdengarkan ayat hafazan kepada guru (*tasmik*) pada sesi awal *Kelas Tasmik* pelajar perlu ulang kembali ayat

tersebut dan terus segera *tasmik* dengan guru dengan jarak masa tidak melebihi antara 15 ke 30 saat.

Perbincangan berkenaan dengan LTM pula melibatkan *episodic* dan *semantic memory*. Sebahagian pengkaji membezakan kedua-dua jenis memori ini sebagaimana yang dikemukakan oleh Tulving. Kebanyakan perbincangan memperakukan kedua-dua jenis memori ini. Pengkaji-pengkaji masa kini pula menggabungkan kedua-dua memori ini sebagai *declarative memory*. Terdapat juga pengkaji lain yang mempunyai pembahagian memori yang berbeza seperti Abbott menyenaraikan *declarative* dan *procedural memory* manakala Huitt pula menambah *imagery memory* ke dalam senarai (Lutz, S., & Huitt, W., 2003).

BAHAGIAN OTAK DAN HAFAZAN AL-QURAN


Sebelum menghafaz al-Quran, adalah penting bagi pelajar untuk melancarkan sukatan ayat-ayat yang akan dihafaz dengan melihat mashaf. Beberapa proses dan bahagian otak yang terlibat ketika individu membaca al-Quran dan hubungannya dengan STM. Bahagian otak tersebut boleh dirujuk berdasarkan Rajah 1 iaitu antaranya;

- 1) Visualisasi. Bahagian yang terlibat ialah bahagian 17,18 dan 19 di *occipital lobe*. Ketika membaca al-Quran, fokus harus diberikan dengan melihat huruf, tanda-tanda bacaan dan sebagainya.

- 2) Pendengaran. Bahagian yang terlibat ialah bahagian 22, 41 dan 42 di *temporal lobe*. Bahagian ini terlibat ketika guru memperdengarkan bacaan contoh atau ketika pelajar mendengar bacaan contoh dari alat-alat audio.
- 3) Aspek Bahasa. Bacaan al-Quran dengan melibatkan suara akan mengaktifkan bahagian *Brocha* (bahagian 44 dan 45) dan bahagian *Wernicke*.
- 4) Fungsi kognitif kompleks yang berlaku di bahagian *Cortex Prefrontal* (CPF) iaitu dengan memahami ayat-ayat yang dihafaz.
- 5) Ketuhanan. Aspek ketuhanan masih menjadi rahsia dalam sains neurologi. Bahagian bahagian yang terlibat dikenali sebagai *God Spot* melibatkan bahagian *Parietal* dan *Temporal* (Very Julianto & Magda Bhinnety Etssem, 2011).

Kaedah dan teknik hafazan boleh ditambah baik dengan mempertimbangkan kelima-lima proses dan bahagian otak yang telah dikemukakan di atas. Ini termasuk seperti penggunaan alat audio, mendengar bacaan daripada orang lain terutamanya yang mempunyai kemahiran dan ilmu, memberi fokus kepada ayat yang dihafaz dengan melihat mashaf, penggunaan suara, memahami makna ayat hafazan dan membaca ayat hafazan di dalam solat.

Kaedah dan teknik hafazan boleh ditambah baik dengan mempertimbangkan kelima-lima proses dan bahagian otak yang telah dikemukakan di atas. Ini termasuk seperti penggunaan alat audio, mendengar bacaan daripada orang lain terutamanya yang mempunyai kemahiran dan ilmu, memberi fokus kepada ayat yang dihafaz dengan melihat mashaf, penggunaan suara, memahami makna ayat hafazan dan membaca ayat hafazan di dalam solat.



Rajah 1 Bahagian-Bahagian Otak

JUMLAH ULANGAN

Antara tokoh yang terkenal dalam kajian berkenaan tahap kelupaan ingatan manusia ialah Ebbinghaus (Duane P. Schultz & Sydney Elien Schultz, 2011) yang telah melakukan kajian dengan menggunakan beberapa suku kata yang ganjil dan mempunyai panjang yang berbeza. Untuk mengingat satu perkataan (yang mempunyai suku kata ganjil) hanya memerlukan sekali lihat sahaja. Manakala bagi 10 perkataan

pula, memerlukan 16 kali lihat untuk mengingat perkataan-perkataan tersebut dengan baik. Secara terperinci, dapatan kajian tokoh ini dapat dilihat daripada Keluk Pembelajaran Ebbinghaus (*Ebbinghaus Learning Curve*). Sebagai contoh senarai (*series*) yang mempunyai 7 suku kata (*syllables or items*) MEB, GEC, TER, BOL, CUV, FIK, DAL akan memerlukan sekali lihat. Jadual 1 menunjukkan ringkasan jumlah suku kata ganjil dan jumlah yang perlu dilihat untuk mengingat.

Jadual 1

Jumlah suku kata dan jumlah lihat berdasarkan kajian oleh Ebbinghaus

Jumlah suku kata	Jumlah lihat untuk mengingat
1-7	1
8	8
9	12
10	16
12	16.6(purata)
16	30
24	44
36	55

Dapatan ini jika disesuaikan dengan hafazan al-Quran dengan menjadikan baris pertama pada surah al-Fatihah sebagai contoh. Maka jumlah yang perlu dilihat untuk mengingat ialah sebanyak sekitar 16 ke 17 kali lihat. Ini kerana baris pertama surah tersebut mempunyai 11 suku kata. Secara umumnya, setiap baris al-Quran mempunyai sekitar 22 ke 25

suku kata. Dengan jumlah ini, setiap baris al-Quran memerlukan jumlah lihat sebanyak sekitar 44 kali. Sebagai contoh ialah baris pertama pada muka surat 34 daripada Surah al-Baqarah ayat 216 berikut;

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا
 وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ
 يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Baris ini mempunyai 24 suku kata. Oleh itu, baris ini perlu dilihat sebanyak 44 kali. Dalam Kaedah Deobandy para pelajar dikehendaki melancarkan bacaan ayat-ayat yang ingin dihafaz sebanyak 40 kali, selepas membaca 40 kali dengan melihat mashaf, pelajar akan memerlukan waktu yang singkat untuk memindahkan ayat-ayat ke dalam ingatan (Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid, 2014). Selain daripada itu, sebahagian daripada penghafaz al-Quran mengulang-ulang bacaan mereka sebanyak 35 kali atau lebih sebelum mula menghafaz. Selain daripada itu, sebahagian daripada penghafaz al-Quran mengulang-ulang bacaan mereka sebanyak 35 kali atau lebih sebelum mula menghafaz (Abdul Hafiz Abdullah, etl., 2003). Justeru, berdasarkan dapatan ini, jumlah yang perlu dilihat untuk mengingat ayat-ayat yang dihafaz adalah sekitar 30 hingga 40 kali lihat. Walaubagaimanapun

eksperimen yang dijalankan oleh Ebbinghaus tidak melibatkan pengujian ke atas perkataan atau huruf-huruf hijaiyyah. Justeru adalah perlu untuk melihat kajian lanjut berkaitan dengan hal ini.

KELUPAAN DAN HAFAZAN AL-QURAN

Kelupaan akan berlaku dengan cepat pada awal proses dan akan menjadi sangat perlahan pada peringkat akhir. Keadaan ini berlaku kepada individu tertentu yang terlibat dalam kajian oleh Ebbinghaus yang melibatkan 13 suku kata. Sejam selepas berakhirnya sesi pembelajaran (menghafaz senarai), kelupaan telah pun berkembang dengan sangat cepat dengan separuh daripada maklumat yang telah dihafaz perlu diulang kembali sebelum senarai yang telah dihafaz dapat diingati kembali. Selepas 8 jam, usaha untuk mengulang kembali perlu dilakukan dengan kadar $\frac{2}{3}$ daripada sesi pertama. Selepas daripada itu, secara beransur-ansur kelupaan akan berkembang atau berlaku secara perlahan sehingga kepada tempoh maklumat akan agak sukar untuk dilupakan. Selepas 24 jam sekitar $\frac{1}{3}$ maklumat akan kekal dalam ingatan. Manakala selepas enam hari sekitar $\frac{1}{4}$ maklumat kekal dalam ingatan dan selepas sebulan pula, $\frac{1}{5}$ maklumat masih kekal dalam ingatan. Ini menunjukkan bahawa selepas sejam menghafaz, maklumat akan hilang sebanyak 50% dan selepas 8 jam jumlah maklumat yang lupa adalah 67% atau pertambahan kadar lupa adalah sebanyak 16%. Begitu juga

selepas tempoh sehari dengan kadar lupa yang sama. Selepas enam hari pula kadar kelupaan bertambah 9 % kepada 75% dan selepas sebulan, kadar tersebut bertambah sebanyak 5% kepada 80%. Jadual 2 menunjukkan ringkasan tempoh dan kadar kelupaan yang berlaku menurut Ebbinghaus (Hermann Ebbinghaus, 1913). Inilah bukti bagaimana kelupaan akan berlaku dengan cepat pada awal proses dan akan menjadi sangat perlahan pada peringkat akhir. Pada peringkat awal selepas sejam, kelupaan berlaku sebanyak 50%, kemudian selepas 8 jam dan 24 jam kelupaan bertambah kepada 16-17%. Selanjutnya selepas enam hari, kelupaan bertambah sebanyak 9 % sehingga diakhiri dengan pertambahan sebanyak 5% selepas sebulan.

Jadual 2

Tempoh serta Kadar Kelupaan dan Ingat yang Berlaku Menurut Ebbinghaus

Tempoh selepas hafazan pertama	Kadar kelupaan dan ingat
Selepas sejam	1/2 (50%) maklumat lupa
	1/2 (50%) maklumat kekal
Selepas 8 jam	2/3 (67%) maklumat lupa
	1/3 (33%) maklumat kekal
Selepas 24 jam	2/3 (67%) maklumat lupa
	1/3 (33%) maklumat kekal

Selepas enam hari	3/4 (75%) maklumat lupa 1/4 (25%) maklumat kekal
Selepas sebulan	4/5 (80%) maklumat lupa 1/5 (20%) maklumat kekal

Dapatan ini memberi panduan kepada proses hafazan al-Quran berkaitan dengan ulangan hafazan (*murajaah*). *Murajaah* perlu diberi perhatian untuk dilaksanakan selepas sesi *tasmik* dengan guru. Sebagai contoh jika sukatan hafazan yang telah *ditasmik* dengan guru adalah sebanyak satu muka surat, maka selepas sejam daripada sesi *tasmik* dengan guru, separuh daripada apa yang telah *ditasmik* akan dilupakan. Oleh itu, pelajar perlu segera melakukan *murajaah* dalam tempoh sejam selepas *tasmik*. Pelajar perlu menghafaz kembali sukatan tersebut bagi mengembalikan ingatan kepada 100%. Selain daripada itu, apa yang dapat disimpulkan juga ialah hafazan yang *ditasmik* dengan guru jika tidak diulang selepas lebih daripada sebulan akan menyebabkan 80% hafazan akan lupa. Dalam masa yang sama juga menunjukkan *murajaah* perlu dilakukan selewat-lewatnya dalam tempoh sebulan selepas *tasmik* dengan guru.

Rumusannya, kaedah dan teknik hafazan al-Quran boleh ditambah baik dengan melibatkan aspek-aspek sains neurologi. Ini termasuk kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* perlu

dilakukan melibatkan guru membaca dan pelajar mengikuti bacaan guru tersebut secara beramai-ramai. Selain itu, pelajar juga perlu melihat mashaf ketika guru membaca dan ketika mereka sendiri membacanya.

Selain daripada itu, dapatan ini juga menunjukkan bahawa adalah menjadi keperluan kepada pelajar untuk mengulang kembali ayat hafazan semasa di awal sesi *Kelas Tasmik*. Ini kerana selepas menghafaz ayat pada sebelah malam dan di awal pagi sebelum sesi *Kelas Tasmik* bermula, kualiti ingatan pelajar terhadap ayat hafazan telah merosot.

Penggunaan alat audio, mendengar bacaan daripada orang lain terutamanya yang mempunyai kemahiran dan ilmu, memberi fokus kepada ayat yang dihafaz dengan melihat mashaf, penggunaan suara, memahami makna ayat hafazan dan membaca ayat hafazan di dalam solat adalah antara kaedah dan teknik hafazan yang boleh digunakan ketika menghafaz al-Quran. Ketika proses menghafaz berlaku, jumlah ulangan yang diperlukan untuk mengingat ayat-ayat yang dihafaz adalah sekitar 30 ke 40 kali ulangan.

Akhir sekali aspek berkaitan dengan ulangan hafazan (*murajaah*) pula menunjukkan *murajaah* perlu diberi perhatian untuk dilaksanakan selepas sesi *tasmik* dengan guru. Ini kerana selepas sejam daripada sesi *tasmik* dengan

guru, separuh daripada apa yang telah *ditasmik* akan dilupakan. Selain daripada itu, apa yang dapat disimpulkan juga ialah hafazan yang *ditasmik* dengan guru jika tidak diulang selepas lebih daripada sebulan akan menyebabkan 80% hafazan akan dilupakan. Dalam masa yang sama juga menunjukkan *murajaah* perlu dilakukan selewat-lewatnya dalam tempoh sebulan selepas *tasmik* dengan guru.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, Ajmain Bin Safar, Mohd Ismail Bin Mustari, Azhar Bin Muhammad & Idris Bin Ismail. (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Diambil daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/11779266.pdf> pada 5 Mei 2019
- Duane P. Schultz & Sydney Elien Schultz.(2011). *A History of Modern Psychology*. Tenth Edition. USA diambil daripada <https://www.uv.mx/rmipe/files/2017/05/A-history-of-modern-psychology.pdf> pada 5 Mac 2019
- Henry Roediger. (1985). *Remembering Ebbinghaus*. Contemporary Psychology: A Journal of Reviews 1985, Vol. 30, No. 7, 519–523, ms. 4. diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/232524048_Remembering_Ebbinghaus pada 7 Mac 2019
- Hermann Ebbinghaus. Memory: A Contribution to Experimental Psychology. Terj. Henry A. Ruger & Clara E. Bussenius. (1913). di dalam *Classics in The history of Psychology* yang dibangunkan oleh Christopher D. Green (York University, Toronto, Ontario). Diambil daripada <https://psychclassics.yorku.ca/Ebbinghaus/index.htm> pada 5 Mac 2019
- Lutz, S., & Huitt, W. (2003). *Information Processing and Memory: Theory and Applications*. Educational Psychology Interactive. Valdosta, GA: Valdosta State University.pg.3 Retrieved 1 March 2016 from <http://www.edpsycinteractive.org/papers/infoproc.pdf>
- n.a (2011). *Short Term Memory and Working Memory*. Worth Publishers. ms 124. di ambil daripada

https://www.researchgate.net/profile/Vladimir_Kulchitsky/post/How_to_define_working_memory_capacity_for_continuous_reports/attachment/59d6319e79197b807798f665/AS%3A366646133837841%401464426659027/download/Revlin1e_Chapter+5.pdf. pada 17 Januari 2019

Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid. (2014). *Kajian Metodologi Hafazan al-Quran*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Very Julianto & Magda Bhinnety Etsem.(2011).*The Effect of Reciting Holy Qur'an toward Short-term Memory Ability Analysed Trought the Changing Brain Wave*. JURNAL PSIKOLOGI VOLUME 38, NO. 1, JUNI 2011: 17 – 29.

BAB 6

HAFAZAN AL-QURAN: AMALAN DARUL QURAN, JAKIM⁶

STRUKTUR PENGURUSAN AKADEMIK DARUL QURAN, JAKIM

Struktur pengurusan akademik Darul Quran (DQ) melibatkan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) oleh Pengerusi Lembaga yang bertanggungjawab dalam semua perkara berhubung dengan hal ehwal akademik DQ. Fungsi JKPA ialah;

- 1) Mengawal selia hal ehwal akademik dan peperiksaan DQ dan MTQN yang berkaitan;
- 2) Melaksana dan mengawal selia pelaksanaan program dan kurikulum yang ditetapkan oleh Lembaga;
- 3) Memberi maklumat mengenai pelajar yang layak dianugerahkan diploma dan sijil kepada Lembaga berdasarkan perakuan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pengajian;
- 4) Menyemak dan memperaku apa-apa peraturan yang berkaitan sebelum dikemukakan kepada Lembaga;

- 5) Menyemak dan memperaku apa-apa cadangan dan kerjasama dengan Institusi Tahfiz al-Quran dan institusi pengajian tinggi dalam dan di luar negara; dan
- 6) Melaksanakan apa-apa perkara yang ditetapkan oleh Lembaga.

Selanjutnya, Pengerusi Lembaga juga hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pengajian yang bertanggungjawab dalam semua perkara yang berhubung dengan penyelarasan, pelaksanaan dan pembangunan hal ehwal pengajian di DQ. Fungsi jawatankuasa ini ialah;

- 1) Menyelaraskan hal ehwal pengajian, peperiksaan dan kurikulum;
- 2) Memastikan penilaian dan pelaksanaan kurikulum mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga;
- 3) Melantik Jawatankuasa Semakan Semula Skrip Jawapan dan Jawatankuasa Penaksiran Soalan;
- 4) Membuat perakuan mengenai penganugerahan diploma dan sijil kepada Jawatankuasa Penasihat Akademik Darul Quran;
- 5) Mempertimbang dan menentukan apa-apa kesalahan berkaitan dengan hal ehwal akademik;
- 6) Mempertimbang apa-apa rayuan akademik pelajar;
- 7) Mempunyai budi bicara untuk menangguk atau menamatkan biasiswa pelajar;

- 8) Mempunyai budi bicara untuk menangguhkan keputusan pemeriksaan seseorang pelajar; dan
- 9) Melaksana atau membuat apa-apa perkara yang ditetapkan oleh Lembaga dan Jawatankuasa Penasihat Akademik dari semasa ke semasa.¹

DASAR DAN STANDARD PENGAJIAN PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di DQ adalah dilaksanakan melalui program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Dasar dan standard pengajian program ini di DQ dibahagikan kepada tiga aspek perbincangan iaitu aspek pengambilan pelajar, pengajaran dan pembelajaran serta prestasi dan pencapaian. Aspek pengajaran dan pembelajaran adalah dibahagikan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri dan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Qiraat serta peraturan lain.

Pengambilan Pelajar

Pengambilan pelajar Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat adalah melibatkan pengambilan pelajar dalam dan

¹ Peraturan-Peraturan Akademik Darul Quran 2011 (Pindaan 2017). Darul Quran. Hlm.9-12

luar negara. Terdapat beberapa syarat yang telah ditetapkan bagi pengambilan pelajar dalam negara antaranya ialah berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin dan lulus SPM dengan syarat minimum Gred C bagi beberapa mata pelajaran. Syarat penuh bagi pengambilan pelajar tersebut adalah sebagaimana Lampiran A. Aspek yang penting yang perlu diambil kira dalam pengambilan pelajar ini juga ialah berkenaan dengan proses temu duga. Calon-calon terlibat perlu melalui proses temu duga meliputi ujian lisan hafazan al-Quran, ujian bertulis tajwid, ujian bertulis Bahasa Arab dan penilaian ko-kurikulum dan sahsiah.² Garis Panduan Temu Duga Pengambilan Pelajar Program Diploma Tahfiz menyediakan perkara-perkara berkaitan Tata Cara Temu Duga seperti proses sebelum temu duga iaitu perkara-perkara berkaitan melantik urus setia dan panel temu duga, memastikan persiapan tempat temu duga, penetapan jadual giliran pelajar, memastikan dokumen temu duga lengkap dan menyampaikan taklimat kepada calon-calon. Manakala proses semasa temu duga pula adalah perkara-perkara berkaitan dengan ujian bertulis (Tajwid dan Bahasa Arab), mengadakan ujian tilawah, menyerahkan tugas hafazan, menyemak hafazan (*tasmik*), temu duga sikap dan ko-

² Peraturan-Peraturan Akademik Darul Quran 2011 (Pindaan 2017). Darul Quran. Hlm.19

kurikulum, memeriksa kertas ujian, mengisi, menyemak dan tanda tangan borang markah dan mengendalikan kes-kes khas. Bagi proses selepas temu duga pula, perkara-perkara berkaitan urus setia/panel hendaklah menyediakan laporan kehadiran calon dan menyerahkan borang markah kepada penyelaras di DQ dalam tempoh tiga hari bekerja. Bagi kaedah pemarkahan pula, pembahagian markah adalah melibatkan ujian tajwid (20%) dan ujian hafazan (50%). Kedua-dua ujian ini adalah bagi panel *hafiz*. Bagi Panel Am pula pembahagian markah adalah sahsiah (10%), ko-kurikulum (20%). Bagi Ujian Bertulis, sebanyak 10% diperuntukkan untuk ujian Tajwid dan 10 % untuk Ujian Bahasa Arab. Aspek-aspek lain yang turut dikemukakan dalam Garis Panduan ini ialah perkara-perkara berkaitan teknik umum temu duga, tanggungjawab ketua panel temu duga, persiapan tempat temu duga, pendaftaran temu duga, taklimat temu duga, ujian bertulis, ujian hafazan, markah penampilan, ciri-ciri penampilan yang ditolak markah dan markah pencapaian akademik.³

³ Garis Panduan Temu duga Pengambilan Pelajar Program Diploma Tahfiz, Unit Kemasukan, Biasiswa dan Graduasi Darul Quran JAKIM. 7 Februari 2019.

Pembelajaran dan Pengajaran

Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat ini mempunyai enam kursus elektif iaitu Kursus Elektif Qiraat, Kursus Elektif Syariah, Kursus Elektif Hadis, Kursus Elektif Dakwah, Kursus Elektif Muamalat dan Kursus Elektif Pengurusan Halal. Kursus wajib bagi pelajar program diploma mengandungi tiga kursus iaitu Kursus Teras, Kursus Mata Pelajaran Umum dan Kursus Elektif. Kursus Teras dinyatakan dalam Jadual 1. Manakala Kursus Mata Pelajaran Umum dan Kursus Elektif pula dinyatakan dalam Jadual 2 hingga Jadual 8.

Jadual 1

Kursus Pengajian Teras

BIL	KOD	NAMA KURSUS	JAM
1	PAQ 1013	Hifz al-Quran Syafawi 1	3
2	PAQ 1023	Hifz al-Quran Tahriri 1	3
3	PAQ 1033	Hifz al-Quran Syafawi 2	3
4	PAQ 1043	Hifz al-Quran Tahriri 2	3
5	PAQ 2053	Hifz al-Quran Syafawi 3	3
6	PAQ 2063	Hifz al-Quran Tahriri 3	3
7	PAQ 2073	Hifz al-Quran Syafawi 4	3
8	PAQ 2083	Hifz al-Quran Tahriri 4	3
9	PAQ 3093	Hifz al-Quran Syafawi 5	3
10	PAQ 3103	Hifz al-Quran Tahriri 5	3
11	PAQ 3113	Hifz al-Quran Syafawi 6	3

12	PAQ 3123	Hifz al-Quran Tahriri 6	3
13	PTT 1133	Ilmu Tajwid	3
14	PTQ 1142	Asas Qiraat Ilmi	2
15	PQA 1152	Asas Qiraat Amali	2
16	PUQ 1163	Ulum Al-Quran	3
17	PTS 1173	Tafsir Al-Quran WaMabadiuhu	2
18	PTA 1183	Aqidah	3
19	PBA 1192	Bahasa Arab 1	2
20	PBA 1202	Bahasa Arab 2	2
21	PBA 2212	Bahasa Arab 3	2
22	PBA 2222	Bahasa Arab 4	2
23	PBI 1232	Bahasa Inggeris 1	2
24	PBI 2242	Bahasa Inggeris 2	2
25	PTM 2252	Tarannum	2
26	PHM 2263	Hadith Wa Mustalah	3
27	PTF 3273	Fiqh Al-Ibadah	3
JUMLAH			71

Jadual 2

Kursus Mata Pelajaran Umum

BIL.	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
1	MPU 2142	Bahasa Melayu Komunikasi 2 (Bukan Warganegara)	2
2	MPU 2162	Pengajian Malaysia 2 (Warganegara)	
3	MPU 2222	Kepimpinan Dan Kemahiran Interpersonal	2

4	MPU 2312	Keluargaan Islam	2
5	MPU 2412	Khidmat Masyarakat	2
Jumlah Jam Kredit			8

Jadual 3

Kursus Elektif Qiraat

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
28	PSQ 2282	Qiraat Ilmi 1	2
29	PSQ 2292	Qiraat Ilmi 2	2
30	PSQ 2302	Qiraat Amali 1	2
31	PSQ 2312	Qiraat Amali 2	2
32	PSQ 3742	Qiraat Amali 3	2
33	PSQ 3332	Qiraat Amali 4	2
34	PSQ 2343	Resam Al-Quran	3
35	PSQ 3353	Dhabt Al-Quran & Fawasil	3
36	PSQ 3363	Tarikh Al-Qura' & Tarikh Al-Mashaf	3
JUMLAH JAM KREDIT			21

Jadual 4

Kursus Elektif Dakwah

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
37	PSD 2373	Pengantar Dakwah	3
38	PSD 2283	Metodologi Dakwah	3
39	PSD 2293	Komunikasi Dakwah	3
40	PSD 3403	Psikologi Dakwah	3
41	PSD 3413	Bimbingan & Kaunseling Islam	3

42	PSD 3423	Pengurusan Islam	3
43	PSD 3433	Kepimpinan Islam	3
JUMLAH JAM KREDIT			21

Jadual 5

Kursus Elektif Syariah

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
44	PSS 2443	Pengantar Ilmu Syariah	3
45	PSS 2513	Qawaid Fiqhiyyah	3
46	PSS 2463	Usul Al-Fiqh 1	3
47	PSS 3473	Usul Al-Fiqh 2	3
48	PSS 3483	Fiqh Al-Muamalat	3
49	PSS 3493	Fiqh Al-Munakahat	3
50	PSS 3503	Fiqh Al-Jinnayah	3
JUMLAH JAM KREDIT			21

Jadual 6

Kursus Elektif Hadith

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
51	PSH 2513	Ulum Al-Hadith	3
52	PSH 2523	Al-Sunnah Wa Makanatuha Fi Tashri' Al-Islami	3
53	PSH 2533	Jarh Wa Ta'dil	3
54	PSH 2543	Takhrij Al-Hadith	3
55	PSH 3553	Kajian Teks Hadith	3
56	PSH 3563	Kajian Hadith Hukum	3
57	PSH 3573	Kajian Hadith Dha'if & Maudhu'	3
JUMLAH JAM KREDIT			21

Jadual 7

Kursus Elektif Muamalat

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
58	PSM 2583	Fiqh Al-Muamalat 1	3
59	PSM 2593	Fiqh Al-Muamalat 2	3
60	PSM 2603	Qawa'id Fiqhiyyah	3
61	PSM 2613	Sistem Kewangan Islam	3
62	PSM 3623	Usul Al-Fiqh	3
63	PSM 3633	Ekonomi Perbandingan	3
64	PSM 3643	Perbankan Islam	3
JUMLAH JAM KREDIT			21

Jadual 8

Kursus Elektif Pengurusan Halal

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
65	PIH 2653	Fiqh Al-At'imah Wa Al-Zabaih	3
66	PIH 2662	Pengenalan Kepada Industri Halal	2
67	PIH 2673	Usul Al-Fiqh	3
68	PIH 2683	Pensijilan Halal	3
69	PIH 3693	Qawa'id Fiqhiyyah	3
70	PIH 3702	Pengurusan Halal Dalam	2
71	PIH 3713	Tafsir Ayat Dan Hadith Ahkam	3
72	PIH 3722	Perundangan Dan Penguatkuasaan Halal	2
JUMLAH JAM KREDIT			21

DQ juga telah berjaya melengkapkan keperluan sembilan bidang penilaian kualiti bagi Kod Amalan Akreditasi Program atau *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA) MQA iaitu;

- 1) Visi, misi, matlamat pendidikan dan hasil pembelajaran;
- 2) Reka bentuk dan penyampaian kurikulum;
- 3) Penilaian pelajar;
- 4) Pemilihan dan khidmat sokongan pelajar;
- 5) Staf akademik;
- 6) Sumber pendidikan;
- 7) Pemantauan dan semakan program;
- 8) Kepimpinan, governan dan pentadbiran; dan
- 9) Penambahbaikan kualiti berterusan.

Prestasi dan Pencapaian

Prestasi dan pencapaian pelajar dapat dinilai berdasarkan kepada keputusan peperiksaan pelajar. Keputusan peperiksaan ini dapat menilai pencapaian pelajar sama ada mereka berada pada tahap cemerlang, baik, sederhana atau lemah.⁴ Justeru, dalam pengendalian peperiksaan, terdapat

⁴ Muhamad Abdillah Royo & Haleefa Mahmood. (2011). Faktor-Faktor Kelemahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang Dalam Mata Pelajaran Reka Cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, volume 2, Jun 2011. Hlm. 145-174. Universiti Teknologi Malaysia.

Standard Operating Procedure (SOP) dan peraturan peperiksaan dengan merujuk kepada Manual Peperiksaan DQ. Manual ini merangkumi bahagian berikut;

- 1) Unit Peperiksaan DQ
- 2) Pelantikan Penggubal Soalan
- 3) Penyerahan, Penerimaan, Pentaksiran dan Perakuan Kertas Soalan Peperiksaan DQ
- 4) Mencetak Kertas Soalan
- 5) Pengurusan Kertas Soalan Yang Telah Dicitak
- 6) Penyerahan Kertas Soalan Peperiksaan
- 7) Persediaan Sebelum Peperiksaan
- 8) Pengendalian Peperiksaan Syafawi di DQ
- 9) Pengendalian Peperiksaan Syafawi di Lokasi Tambahan (MTQN)
- 10) Pengendalian Peperiksaan Tahriri di DQ
- 11) Pengendalian Peperiksaan Tahriri di Lokasi Tambahan (MTQN)
- 12) Pengurusan Markah Peperiksaan
- 13) Pembentangan, Perakuan dan Pengesahan Keputusan Peperiksaan
- 14) Pengendalian Peperiksaan Gantian dan Peperiksaan Ulangan
- 15) Pengendalian Peperiksaan Ulangan Khas

16) Pengendalian Peperiksaan Tasfiyyah

17) Rayuan Semakan Semula Skrip Jawapan

Daripada 17 bahagian Manual Peperiksaan DQ tersebut juga sebanyak 26 carta alir dirangka dan ini semestinya akan menjamin kualiti dan ketelusan pengendalian peperiksaan di DQ.

Selain daripada itu, pengendalian peperiksaan juga merujuk kepada peraturan-peraturan akademik DQ 2011 (pindaan 2017) iaitu pada bahagian IV (Jawatankuasa Penaksiran Soalan) dan Bahagian V (Jawatankuasa Semakan Semula Skrip Jawapan).⁵

Dari aspek jumlah markah, gred, mata nilai dan taraf pencapaian bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri adalah berbeza dengan jumlah markah, gred, mata nilai dan taraf pencapaian bagi kursus selain daripada Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri. Ini dapat dilihat daripada Jadual 9 dan 10.

⁵ Peraturan-Peraturan Akademik Darul Quran 2011 (Pindaan 2017). Darul Quran. Hlm. 24-30.

Jadual 9

Jumlah Markah, Gred, Mata Nilaiian dan Taraf Pencapaian Bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri

Jumlah Markah	Gred	Mata Nilaiian	Taraf Pencapaian
90-100	A	4.0	Mumtaz/Cemerlang
80-89	B+	3.5	Jayyid Jiddan/ Kepujian Atas
70-79	B	3.0	Jayyid/ Kepujian
60-69	C+	2.5	Maqbul/Lulus
55-59	C	2.0	Maqbul/Lulus
0-54	F	0	Rasib/Gagal

Jadual 10

Jumlah Markah, Gred, Mata Nilaiian dan Taraf Pencapaian Bagi Kursus Selain Daripada Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri

Jumlah Markah	Gred	Mata Nilaiian	Taraf Pencapaian
80-100	A	4.0	Mumtaz/Cemerlang
70-79	B+	3.5	Jayyid Jiddan/ Kepujian Atas
60-69	B	3.0	Jayyid/ Kepujian
55-59	C+	2.5	Maqbul/Lulus
50-54	C	2.0	Maqbul/Lulus
45-49	D+	1.5	Maqbul/Lulus
40-44	D	1.0	Maqbul/Lulus
0-39	F	0	Rasib/Gagal

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS HIFZ AL-QURAN SYAFAWI DAN TAHRIRI

Dari aspek sukatan hafazan al-Quran, DQ telah menetapkan sukatan hafazan al-Quran sebagaimana di dalam Jadual 11 melalui 12 kursus berkaitan Hifz al-Quran sebagaimana yang dikemukakan dalam Jadual 12.

Jadual 11

Sukatan bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri

Semester	Sukatan
1	Juzuk 1 hingga 5
2	Juzuk 6 hingga 11
3	Juzuk 12 hingga 17
4	Juzuk 18 hingga 22
5	Juzuk 23 hingga 27
6	Juzuk 28 hingga 30

Jadual 12

Kursus Hifz al-Quran bagi Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat

BIL	SEM	NAMA KURSUS	KLASIFIKASI KURSUS	JAM KREDIT
1	1	Hifz al-Quran Syafawi 1	TERAS	3
2	1	Hifz al-Quran Tahriri 1	TERAS	3
3	2	Hifz al-Quran Syafawi 2	TERAS	3
4	2	Hifz al-Quran Tahriri 2	TERAS	3
5	3	Hifz al-Quran Syafawi 3	TERAS	3

6	3	Hifz al-Quran Tahriri 3	TERAS	3
7	4	Hifz al-Quran Syafawi 4	TERAS	3
8	4	Hifz al-Quran Tahriri 4	TERAS	3
9	5	Hifz al-Quran Syafawi 5	TERAS	3
10	5	Hifz al-Quran Tahriri 5	TERAS	3
11	6	Hifz al-Quran Syafawi 6	TERAS	3
12	6	Hifz al-Quran Tahriri 6	TERAS	3

Berkenaan dengan rasional pemilihan Hifz al-Quran Syafawi adalah membantu pelajar untuk mendapatkan kemahiran menghafaz dan memperdengarkan bacaan al-Quran dari awal sukatan hingga akhir mengikut kaedah *Rasm Uthmani*. Rasional pemilihan Hifz al-Quran Tahriri pula ialah membantu pelajar untuk mendapatkan kemahiran menulis al-Quran mengikut kaedah *Rasm Uthmani* dan mengenal pasti kesalahan dan penyelewengan dalam penulisan al-Quran. Dari aspek Hasil Pembelajaran (CLO) bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi pula ialah mampu memperdengarkan bacaan hafazan al-Quran secara *bertalaqqi* dan *musyafahah* serta bertajwid dan mampu mengulang hafazan al-Quran secara bertajwid berdasarkan sukatan hafazan bagi setiap semester. Manakala hasil pembelajaran (CLO) bagi Kursus Hifz al-Quran Tahriri pula ialah mampu menulis al-Quran dari awal

hingga akhir sukatan mengikut kaedah *Rasm Uthmani*, mampu mengenal pasti kesalahan dan penyelewengan dalam penulisan al-Quran dari awal hingga akhir sukatan berdasarkan mashaf *Rasm Uthmani* dan mampu menulis ayat-ayat al-Quran yang diberi dari awal hingga akhir sukatan mengikut kaedah *Rasm Uthmani*.

Kaedah penilaian bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi adalah merangkumi Markah Penilaian Berterusan (40%) iaitu markah *tasmik* (30%) dan markah ujian syafawi (10%). Manakala sebanyak 60% diperuntukkan bagi peperiksaan akhir. Kaedah penilaian bagi Kursus Hifz al-Quran Tahriri pula merangkumi Markah Penilaian Berterusan (40%) iaitu markah penulisan al-Quran (30%) dan markah ujian tahriri (10%). Manakala sebanyak 60% diperuntukkan bagi peperiksaan akhir. Jadual 13 menunjukkan sukatan hafazan bagi peperiksaan Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri.

Jadual 13

Sukatan Hafazan Bagi Peperiksaan Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri.

Semester	Sukatan
1	Juzuk 1 hingga 5
2	Juzuk 1 hingga 11
3	Juzuk 12 hingga 17
4	Juzuk 12 hingga 22
5	Juzuk 23 hingga 27
6	Juzuk 1 hingga 30

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS QIRAAT

Dari aspek sejarah, pengajian Qiraat diperkenalkan di DQ sejak tahun 1966, maka kurikulum qiraat juga turut digubal dan dilaksanakan di DQ dan penglibatan maahad-maahad Tahfiz al-Quran di Malaysia bermula sejak menjalin kerjasama dengan DQ dari tahun 1984 sehingga 2011 yang melibatkan tiga belas buah institusi pengajian tahfiz, iaitu Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM), Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis), Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kelantan (MAIK), Institut al-Quran Terengganu, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah, Institut Pengajian Islam (INSPI) di Yayasan Islam Terengganu, Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka,

Institut Kemahiran Majlis Agama Sarawak IKMAS, KITAB Pulau Pinang, Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kedah dan Maahad Tahfiz al-Quran Masjid Syaidina Ali, Melaka.

Fasa penambahbaikan kurikulum qiraat juga turut dilakukan apabila pada tahun 1984, satu penyelarasan kurikulum qiraat telah dibuat di bawah pentadbiran pentadbiran BAHEIS dan telah dinaiktaraf sebagai salah satu bahagian di JAKIM pada tahun 1997 sehingga 2011 di antara Maahad Tahfiz al-Quran dari aspek kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat sehingga terbentuk Jawatankuasa Penasihat Akademik, Jawatankuasa Akademik DQ, Lembaga Peperiksaan DQ, Nazir Peperiksaan yang bertanggungjawab sebagai pengawal, penyelia dan pemantau program-program akademik bagi melahirkan graduan yang berkualiti dan profesional tetapi masih di tahap yang kurang memuaskan.⁶

Kini pengajian Qiraat kekal sebagai satu disiplin pengajian di DQ. Bagi Program Pengajian Tahfiz al-Quran

⁶ Zainora Daud. (2015). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat di Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur

dan al-Qiraat, sebanyak 6 kursus dirangka bagi pengajian berkaitan qiraat. Ini dapat dilihat daripada Jadual 14.

Jadual 14

Kursus Berkaitan Qiraat bagi Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (Kursus Elektif Qiraat)

BIL.	SEM	NAMA KURSUS	KLASIFIKASI KURSUS	JAM KREDIT
1	1	Ilmu Tajwid	Teras	3
2	1	Asas Qiraat Ilmi	Teras	2
3	2	Asas Qiraat Amali	Teras	2
4	3	Qiraat Ilmi 1	Elektif	2
5	3	Qiraat Amali 1	Elektif	2
6	4	Qiraat Ilmi 2	Elektif	2
7	4	Qiraat Amali 2	Elektif	2
8	4	Resam al-Quran	Elektif	3
9	5	Qiraat Amali 3	Elektif	2
10	5	Dhabt al-Quran & Fawasil	Elektif	3
11	6	Qiraat Amali 4	Elektif	2
12	6	Tarikh al-Qurra' & Tarikh al-Mashaf	Elektif	3

Berkenaan dengan rasional pemilihan bagi beberapa kursus berkaitan qiraat seperti contoh Kursus Asas Qiraat

Ilmi 1 membantu pelajar untuk mendapat kemahiran menjelaskan kaedah-kaedah khusus bagi bacaan imam dan perawinya dan dapat membandingkan bacaan-bacaan imam dan perawinya serta dapat menyelesaikan perbezaan dalam bacaan ayat-ayat al-Quran berpandukan matan *al-Syatibiyyah* dan *al-Durrah*. Manakala hasil pembelajaran (CLO) bagi ini pula ialah pula ialah mampu menjelaskan kaedah-kaedah khusus bagi bacaan imam dan perawinya berpandukan matan *al-Syatibiyyah* dan *al-Durrah*, mampu menerangkan maksud matan-matan bagi bacaan imam atau perawinya, berpandukan matan *al-Syatibiyyah* dan *al-Durrah* dan mampu membandingkan bacaan-bacaan imam dan perawinya dalam ayat-ayat al-Quran berpandukan matan *al-Syatibiyyah* dan *al-Durrah*. Rasional pemilihan bagi Kursus Asas Qiraat Amali 1 sebagai contoh kedua pula ialah membantu pelajar untuk mendapatkan kemahiran memperdengarkan bacaan Qiraat dan bacaan *Mutun* secara *bertalaqi* dan *musyafahah* mengikut *Toriq al-Syatibiyyah* dan *al-Durrah*. Manakala hasil pembelajaran (CLO) bagi ini pula ialah mampu memperdengarkan bacaan Qiraat secara *bertalaqqi* dan *musyafahah* berpandukan *Matan al-Syatibiyyah dan Al-Durrah* serta mampu memperdengarkan bacaan *Mutun* secara *bertalaqi* dan *musyafahah* mengikut *Matan al-Syatibiyyah* dan *al-Durrah*.

PERATURAN LAIN

Peraturan lain yang turut dikemukakan di sini ialah Senarai Tugas Pensyarah Pengajian Tahfiz, Dokumen yang Perlu Diserahkan Kepada Jabatan Pengajian Tahfiz, Peraturan-Peraturan bagi Pelajar dan Arahan Harian Pensyarah *Tasmik* kepada Pelajar

Senarai Tugas Pensyarah Pengajian Tahfiz

- 1) Pensyarah diwajibkan hadir untuk bertugas bermula setiap hari Isnin hingga Jumaat (hari bekerja) dari jam 8 pagi hingga 10 pagi.
- 2) Pensyarah *Tasmik* wajib menghadiri pertemuan dengan pihak Pengurusan Akademik pada awal semester selepas dilantik.
- 3) Pensyarah juga hendaklah mematuhi segala peraturan dan menjalankan tugas seperti berikut;
 - a) Memastikan setiap pelajar kelas *tasmik* berada di dalam kelas bermula jam 8 pagi hingga 10 pagi pada setiap hari pengajian.
 - b) Melaksanakan *talaqqi* dan *musyafahah* serta *tasmik* hafazan semasa bagi setiap pelajar dalam kelas *tasmik* pada hari Isnin hingga Khamis manakala *murajaah* (Ulangan hafazan baru yang telah ditasmik pada hari Isnin hingga Khamis) setiap hari Jumaat.

- c) Memastikan pelajar menurunkan tanda tangan kehadiran masing-masing dalam Buku Rekod Kehadiran Pelajar.
- d) Membuat catatan dalam *Buku Rekod Tasmik* melibatkan maklumat berikut;
 - i. Menulis nama setiap nama pelajar sama ada hadir atau tidak.
 - ii. Catat maklumat *tasmik*, hafazan semasa melibatkan nama surah, juzuk dan nombor ayat bagi pelajar yang *tasmik*.
 - iii. Catat tanda (XT) bagi pelajar yang tidak *tasmik*.
 - iv. Catat tanda (XH) bagi pelajar yang tidak hadir
- d) Sukatan hafazan harian yang telah ditetapkan oleh DQ ialah 1 *maqrak* atau sekurang-kurangnya 2 muka surat. Pensyarah boleh membenarkan pelajar *tasmik* lebih dari 1 *maqrak* dengan syarat semua pelajar yang lain telah selesai *tasmik*.
- e) Memantau setiap pelajar di bawah jagaan pensyarah dan memastikan setiap pelajar dapat menamatkan sukatan hafazan al-Quran serta layak menduduki peperiksaan yang ditetapkan.
- f) Pensyarah hendaklah menyemak buku penulisan al-Quran Tahiri dan mengesahkan pada setiap helaian penulisan berserta tanda tangan dan tarikh.

- g) Pensyarah tidak dibenarkan membuat sebarang catatan kekal di dalam ruangan teks ayat al-Quran yang ditulis oleh pelajar.
- h) Pensyarah juga hendaklah memastikan pelajar membuat pembetulan kesalahan mereka di dalam buku tersebut.
- i) Pensyarah hendaklah membina suasana kelas yang menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif.
- j) Melaporkan sebarang kes pelajar seperti ponteng kelas, salah laku dan kes-kes lain yang melibatkan peraturan disiplin kepada Ketua Jabatan Pengajian Tahfiz atau Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar (HEP).
- k) Surat Peringatan Pertama hendaklah dikeluarkan kepada pelajar yang tidak hadir mencapai empat hari. Surat dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pensyarah *Tasmik*.
- l) Surat Peringatan Kedua hendaklah diberikan kepada pelajar yang tidak hadir mencapai empat berikutnya. Surat dikeluarkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan Pengajian Tahfiz.
- m) Surat Peringatan Terakhir hendaklah diberikan kepada pelajar yang tidak hadir mencapai empat hari berikutnya. Surat dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pengarah Darul Quran.

- n) Pensyarah hendaklah memastikan pelajar tidak keluar kelas sehingga jam 10.00 pagi walaupun pelajar selesai *tasmik* kecuali ada arahan dari pihak pentadbiran DQ.
- o) Pensyarah diwajibkan menghadiri diri pada setiap Perhimpunan Bulanan, Mesyuarat atau Majlis Rasmi apabila diarahkan dari masa ke semasa.
- p) Pensyarah diwajibkan mematuhi etika berpakaian Penjawat Awam.
- q) Bagi Pensyarah *Tasmik* Jemputan (PTJ), pihak pensyarah adalah terikat kepada peraturan - peraturan kerja DQ dan pihak DQ akan melanjutkan perkhidmatan pensyarah sekiranya perkhidmatan yang diberikan adalah memuaskan. Selain daripada itu, pihak DQ juga berhak membuat pemotongan ke atas tuntutan pembayaran mengajar PTJ seandainya pihak PTJ tidak dapat menghadiri diri bertugas tanpa sebab pada setiap hari pengajian seperti yang telah ditetapkan.
- r) Pensyarah adalah dicadangkan untuk merujuk Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia bagi memberi panduan berkenaan dengan kaedah dan teknik hafazan al-Quran.

Dokumen yang Perlu Diserahkan Kepada Jabatan Pengajian Tahfiz

Pensyarah akan dibekalkan dengan dokumen-dokumen berikut;

- 1) Buku Rekod *Tasmik*
- 2) Buku Rekod Kehadiran Pelajar
- 3) Fail Pengajaran dan Pembelajaran
- 4) Surat Lantikan Sebagai Pensyarah *Tasmik*
- 5) Borang Markah Penilaian Berterusan

Pensyarah dikehendaki mengemaskini dokumen-dokumen berikut bagi semakan Jabatan Pengajian Tahfiz dari semasa ke semasa;

- 1) Buku Rekod *Tasmik* dan Buku Rekod Kehadiran Pelajar (pada akhir semester)
- 2) Fail Pengajaran dan Pembelajaran
- 3) Surat Peringatan Pertama, Kedua dan Ketiga (jika berkaitan).
- 4) Markah Penilaian Berterusan (pada akhir semester)

Peraturan-Peraturan bagi Pelajar

Setiap pelajar adalah dikehendaki mengikuti peraturan-peraturan berikut:

- 1) Berada di dalam *Kelas Tasmik* yang telah ditetapkan 10 minit sebelum jam 8.00 pagi.
- 2) Wajib hadir ke kelas walaupun pensyarah tidak berada di kelas kerana sebab-sebab seperti bertugas ke tempat lain, cuti sakit dan sebagainya.

- 3) Memperdengarkan sekurang-kurangnya satu *maqrak* sehari atau sekurang-kurangnya 2 muka surat mengikut persetujuan pensyarah (pencapaian akan direkod setiap hari oleh *Guru Tasmik*).
- 4) Tidak dibenarkan berada di asrama sepanjang waktu *tasmik*.
- 5) Tidak dibenarkan juga meninggalkan *Kelas Tasmik* sehingga sesi *Tasmik* selesai (8.00 pagi hingga 10.00 pagi) walaupun pelajar telah selesai *tasmik* dengan guru sebelum jam 10.00 pagi.
- 6) Surat cuti / sakit perlu dikemukakan kepada *Guru Tasmik* sekiranya pelajar tersebut sakit atau bercuti.
- 7) Pakaian semasa berada di dalam sesi pengajian adalah pakaian rasmi kuliah.
- 8) Mematuhi peraturan-peraturan asrama yang telah dikeluarkan oleh Cawangan Hal Ehwal Pelajar.

Arahan Harian Pensyarah *Tasmik* kepada Pelajar

- 1) Wajib memperdengarkan sekurang-kurangnya satu *maqrak* atau dua muka surat setiap hari (hari bekerja) dari hari Isnin hingga Khamis dan wajib *murajaah* pada hari Jumaat.
- 2) Menulis ayat al-Quran di dalam Buku Tahriri al-Quran. Berikut adalah maklumat am dan tatacara penulisan yang perlu diberi perhatian oleh pelajar;

- a) Menulis ayat hafazan semasa di dalam Buku Tahriri al-Quran yang telah ditetapkan oleh pihak DQ.
- b) Penulisan adalah mengikut sukatan hafazan setiap semester sehingga juzuk 30. Sebagai contoh, jika had hafazan semasa ialah pada maqra' pertama juzuk satu, maka pelajar perlu menulis kesemua ayat pada *maqra'* tersebut.
- c) Masa yang paling baik untuk menulis ialah selepas menghafaz ayat. Sama ada setelah selesai menghafaz satu muka surat atau satu maqra' atau menulis selepas menghafaz satu-satu ayat.
- d) Pelajar digalakkan untuk menulis sambil membacakan ayat tersebut berpandukan penulisan adalah mengikut mashaf madinah (*Rasm Uthmani*).
- e) Penulisan perlu memenuhi mengikut mashaf pada setiap baris ayat.
- f) Nombor ayat, nombor muka surat, nama surah dan juzuk juga perlu ditulis sebagaimana mashaf
- g) Menyerahkan buku tulisan ayat al-Quran tersebut kepada guru semasa sesi *tasmik* untuk semakan.
- h) Pensyarah perlu melaksanakan penilaian berterusan kepada pelajar.
- i) Penulisan ini juga akan termasuk dalam markah penilaian berterusan (30%). Buku al-Quran Tahriri, ini merupakan dokumen yang akan diaudit oleh pihak MQA.

- j) Pelajar tidak diwajibkan menulis baris dan tanda-tanda bacaan lain yang berkaitan.
 - k) Guru akan mencatatkan kesalahan tulisan.
 - l) Sebarang kesilapan penulisan yang dikenalpasti perlu dilakukan pembetulan oleh pelajar.
 - m) Pelajar tidak dibenarkan untuk *tasmik* dengan guru jika tidak menyiapkan tulisan yang akan *ditasmik*.
 - n) Setelah selesai menyemak, guru perlu menanda tangan dan mencatatkan tarikh.
 - o) Kemudian semak kembali ayat-ayat yang telah ditulis berpandukan mashaf. Menulis setiap ayat pertama awal muka tersebut, atau setiap *maqrak* atau setiap juzuk atau setiap surah dalam satu helai kertas.
- 3) Pelajar yang masuk/hadir pada 30 minit pertama ke dalam kelas dikira sebagai lewat, manakala pelajar yang masuk/hadir selepas 30 minit (8.30 pagi) ke dalam kelas dikira sebagai tidak hadir dan ditandakan (O) pada borang kehadiran serta boleh dikenakan tindakan tata tertib.
- 4) Setiap pelajar yang tidak hadir ke kelas ketika waktu pengajian, hendaklah menyatakan sebab di atas ketidakhadirannya dan memberikan sebarang bukti seperti surat cuti sakit dari doktor dalam tempoh tiga hari dari tarikh pelajar itu mulai hadir ke kelas.

- 5) Sentiasa memaklumkan pelajar sekiranya jumlah kehadiran setiap pelajar ke *Kelas Tasmik* tidak mencapai 85 % kehadiran, pelajar tersebut tidak layak menduduki peperiksaan bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi & Tahriri bagi semester tersebut.
- 6) Mencadangkan kepada pelajar supaya merujuk Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia bagi memberi panduan berkenaan dengan kaedah dan teknik hafazan al-Quran.

PANDUAN RUTIN HARIAN PELAJAR TAHFIZ

Setelah pelbagai kaedah, teknik dan proses hafazan telah dilalui oleh seorang pelajar tahfiz, maka adalah penting bagi pelajar menjalani rutin harian yang tersusun untuk menjadi seorang *hafiz* yang berjaya. Berikut disertakan beberapa contoh rutin harian pelajar yang mengikuti program pengajian diploma tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di DQ.

Contoh Rutin Harian 1

Contoh ini adalah menggunakan jadual masa secara terperinci bermula dari bangun awal pagi sehingga waktu tidur. Contoh ini merangkumi *tasmik*, *murajaah* hafazan baharu dan *murajaah* hafazan lama yang dilakukan secara minimum. Contoh ini juga dapat memberi panduan secara umum kepada pelajar untuk merancang rutin hafazan mereka secara

terperinci berdasarkan masa. Sebarang perubahan masa dan rutin tersebut boleh diubah berdasarkan kesesuaian pelajar sendiri.

Masa	Aktiviti
5.30 pagi	Bangun Pagi
6.00 pagi	Solat Subuh secara berjemaah
6.30 pagi	melancarkan hafazan semasa yang akan <i>ditasmik</i> dengan guru
7.15 pagi	sarapan pagi dan persiapan ke kelas
7.45 pagi	ke Kelas <i>Tasmik</i>
8.00 pagi	melancarkan hafazan semasa yang akan <i>ditasmik</i>
8.10 pagi	<i>tasmik</i> hafazan semasa dengan kawan
8.20 pagi	melancarkan hafazan semasa kali kedua
8.30 pagi	<i>tasmik</i> sukatan hafazan semasa dengan guru
8.40 pagi	ulangan sukatan hafazan semasa yang baru <i>ditasmik</i> dengan guru secara sendiri
8.50 pagi	<i>murajaah</i> hafazan baharu
9.30 pagi	<i>murajaah</i> hafazan lama
10.00 pagi	tamat Kelas <i>Tasmik</i> dan rehat
10.30 pagi	sesi kelas kursus selain Hifz al-Quran
4.30 petang	Solat Asar
5.00 petang	<i>Murajaah</i> hafazan lama
5.30 petang	rehat dan persiapan bersukan
6.20 petang	sesi bersukan tamat
6.45 petang	hemat diri dan mandi
7.10 malam	makan malam
7.30 malam	Solat Maghrib
7.50 malam	Menghafaz hafazan semasa
8.30 malam	Solat Isyak
9.00 malam	Menghafaz hafazan semasa
10.30 malam	hemat diri dan tidur

Contoh Rutin Harian 2

Contoh ini adalah menggunakan jadual masa secara terperinci bermula dari bangun awal pagi sehingga waktu tidur. Contoh ini merangkumi *tasmik*, *murajaah* hafazan baharu dan *murajaah* hafazan lama yang dapat dilakukan secara optimum terutamanya *murajaah* hafazan lama yang dilaksanakan mengikut waktu solat. Pelajar boleh mengubahsuai jadual ini mengikut kesesuaian sebenar mereka.

Masa	Aktiviti
5.30 pagi	Bangun Pagi
6.00 pagi	Solat Subuh secara berjemaah
6.30 pagi	melancarkan hafazan semasa yang akan <i>ditasmik</i> dengan guru
7.15 pagi	sarapan pagi dan persiapan ke kelas
7.45 pagi	ke Kelas <i>Tasmik</i>
8.00 pagi	melancarkan hafazan semasa yang akan <i>ditasmik</i>
8.10 pagi	<i>tasmik</i> hafazan semasa dengan kawan
8.20 pagi	melancarkan hafazan semasa kali kedua
8.30 pagi	<i>tasmik</i> sukatan hafazan semasa dengan guru
8.40 pagi	ulangan sukatan hafazan semasa yang baru <i>ditasmik</i> dengan guru secara sendiri
8.50 pagi	<i>murajaah</i> hafazan baharu
9.30 pagi	<i>murajaah</i> hafazan lama
10.00 pagi	tamat Kelas <i>Tasmik</i> dan rehat
10.30 pagi	sesi kelas kursus selain Hifz al-Quran
12.30 tgh	<i>murajaah</i> hafazan lama
1.10 tgh	Solat Zohor
1.30 tgh	<i>murajaah</i> hafazan lama
2.00 petang	Makan

4.00 petang	<i>murajaah</i> hafazan lama
4.30 petang	Solat Asar
5.00 petang	Melancarkan ayat hafazan semasa
5.30 petang	rehat dan persiapan bersukan
6.20 petang	sesi bersukan tamat
6.45 petang	hemat diri dan mandi
7.10 malam	makan malam
7.30 malam	Solat Maghrib
7.50 malam	Menghafaz hafazan semasa
8.30 malam	Solat Isyak
9.00 malam	Menghafaz hafazan semasa
10.30 malam	hemat diri dan tidur

LAMPIRAN A

Syarat Kelayakan Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Darul Quran JAKIM

- i. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
- ii. Lulus SPM dengan syarat minimum **Gred 'C'** dalam mata pelajaran berikut:
 - a) Bahasa Melayu
 - b) Bahasa Arab
 - c) Pendidikan al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Islam / Tasawwur Islam.
 - d) **LULUS** Bahasa Inggeris
 - e) **LULUS** Ujian Bertulis (Bahasa Arab dan Tajwid)
 - f) **LULUS** Temuduga
 - g) Mempunyai tahap kesihatan yang baik.

Atau

Kelulusan yang diiktiraf dan setara dengan SPM (Calon Luar Negara)

- iii. Kelayakan khas yang diberikan kepada pelajar Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) di Darul Quran adalah seperti berikut:
 - a) Lulus matapelajaran Bahasa Arab dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekurang-kurangnya mendapat Gred C sebelum tamat pengajian diploma / graduasi; dan
 - b) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Maqbul dalam Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran / Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran bagi OKUMP.

BAB 7

KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN MODEL MALAYSIA⁷

PENDAHULUAN

Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia ini disusun dengan teratur merangkumi persiapan sebelum menghafaz al-Quran, persiapan semasa menghafaz al-Quran, persiapan *tasmik* dan persiapan selepas menghafaz al-Quran.

PERSIAPAN SEBELUM MENGHAFAZ AL-QURAN

Persiapan sebelum menghafaz al-Quran merangkumi persiapan diri, kaedah dan teknik sebelum menghafaz al-Quran serta carta alir fasa-fasa dalam menghafaz al-Quran.

Persiapan Diri

Persiapan diri merangkumi aspek-aspek berkaitan niat, azam, keyakinan, menjaga adab, minat, kemampuan menghafaz, mempunyai buku rekod hafazan dan *murajaah* dan menguasai kemahiran berkaitan hafazan.

1) Niat

Pelajar perlu mempunyai niat untuk mengingat al-Quran 30 juzuk. Bukan sekadar untuk khatam 30 juzuk.

2) Azam

Pelajar perlu bersungguh-sungguh serta istiqamah. Perkara yang boleh mengganggu azam ini ialah maksiat dan hiburan. Maksiat terbahagi kepada dua iaitu;

- a) Maksiat kepada diri-*syahwat* (nafsu)
- b) maksiat kepada ilmu-*syubhat* (ajaran sesat)

Program-program pelajar seperti program persatuan/kelab perlu dikurangkan. Aktiviti pelajar lelaki dan perempuan juga perlu diasingkan. Muzik yang melalaikan mesti dijauhkan.

3) Keyakinan

Yakin dengan Allah bahawa Allah akan permudahkan untuk menghafaz al-Quran. Percaya dengan diri mampu menghafaz al-Quran walaupun ketika berhadapan dengan pelbagai masalah/ketika sukar menghafaz.

4) Menjaga adab

Secara umumnya, adab dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

- a) Adab dengan Allah;
- b) Adab dengan al-Quran;
- c) Adab dengan Rasulullah SAW dan Sunnahnya;
- d) Adab dengan ilmu dan ulama'/guru;
- e) Adab dengan ibu bapa;

- f) Adab dengan keluarga dan jiran;
- g) Adab dengan masyarakat Islam;
- h) Adab dengan masyarakat bukan Islam;
- i) Adab dengan makhluk lain;
- j) Adab dengan alam sekitar; dan
- k) Adab dengan diri sendiri.

Selain daripada itu, antara adab-adab lain juga ialah seperti beradab dengan peraturan, beradab dengan kakitangan institusi pengajian dan sebagainya.

5) Minat

Minat mestilah datang daripada pelajar. Bukannya daripada ibu bapa semata-mata. Al-Quran ini boleh dihafaz sekiranya ada minat/suka atau takut (khususnya takut kepada Allah sekiranya dilupakan/tidak lancar al-Quran).

6) Kemampuan menghafaz

Institusi tahfiz perlu melaksanakan sesi temuduga bagi memilih calon yang benar-benar layak untuk menghafaz al-Quran. Memang akan wujud pelajar yang tidak boleh/mampu untuk menghafaz al-Quran. Oleh sebab itu pihak institusi pengajian perlu berbincang dengan ibu bapa tentang situasi anak jika sekiranya pelajar yang tidak mampu tadi terpaksa diberhentikan pengajian pada masa akan datang atau ditukar ke institusi tahfiz lain yang lebih sesuai dengan keadaannya.

7) Mempunyai buku rekod hafazan dan *murajaah*

Pelajar dan *Guru Tasmik* perlu memiliki buku rekod hafazan dan *murajaah* dalam buku rekod. Setiap rekod hafazan dan *murajaah* hendaklah dicatatkan dalam buku tersebut. Adalah digalakkan juga agar aspek prestasi tajwid, *makhraj* dan sifat huruf pelajar direkodkan di dalam buku catatan yang sama. Ini bagi memastikan kualiti bacaan pelajar dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

8) Menguasai kemahiran berkaitan hafazan

Pelajar perlu banyak *bertalaqqi* dengan guru bagi menguasai kemahiran-kemahiran berkaitan hafazan. Beberapa kemahiran berkaitan hafazan yang perlu pelajar kuasai antaranya ialah;

- a) Kemahiran membaca al-Quran.
- b) Kemahiran tajwid *ilmi* dan *amali*.
- c) Kemahiran *makhraj* dan sifat huruf.
- d) Kemahiran menulis al-Quran/asas *Rasm Uthmani*

Institusi tahfiz juga perlu mempunyai persiapan. Institusi yang ingin melaksanakan pendidikan tahfiz perlu mempunyai matlamat yang jelas iaitu menggerakkan institusi tahfiz untuk melahirkan *Hamalatul-Quran*. Selain daripada itu, institusi tahfiz juga perlu mempunyai perancangan strategik yang jelas untuk menggerakkan dan menetapkan haluan yang terarah. Institusi tahfiz tidak seharusnya diwujudkan untuk

melonjakkan nama institusi semata-mata atau membangunkannya tanpa perancangan masa depan yang jelas.

Kaedah dan Teknik sebelum Menghafaz al-Quran

- 1) Mempunyai guru/penilai hafazan pelajar dalam sesi *tasmik*. Oleh sebab itu seorang *Guru Tasmik* wajib merupakan seorang penghafaz al-Quran dan nisbah seorang guru maksimum 12 orang pelajar (1:12).
- 2) Pelajar yang baru mendaftar perlu menjalani sesi intensif berkenaan al-Quran sekurang-kurangnya dua minggu. Dalam tempoh ini, pelajar perlu didedahkan dengan cara-cara kehidupan seorang penghafaz al-Quran, cara menghafaz, cara mengulang al-Quran dan sebagainya.
- 3) Guna mashaf yang sama sehingga khatam dan tidak digalakkan menggunakan mashaf yang terlalu kecil.
- 4) Dibolehkan melihat terjemahan/tafsir al-Quran untuk bantu menambah minat menghafaz. Tetapi ini tidak bermakna tanpa melihat terjemahan/tafsir al-Quran, seseorang itu tidak boleh menghafaz al-Quran.
- 5) Tentukan had/sukatan hafazan yang hendak *ditasmik* setiap hari.
- 6) Setiap pelajar wajib menghafaz pada waktu malam sebelum *tasmik* keesokannya.⁸
- 7) Oleh itu, fasa-fasa dalam sesi menghafaz yang perlu diketahui serta akan dilalui oleh pelajar ialah:

a) *Tashih* (memperakukan bacaan dengan guru)

Pelajar yang lemah adalah digalakkan untuk *mentashihkan* had/sukatan hafazan yang hendak *ditasmik* dengan guru terlebih dahulu sebelum menghafaz.

b) *Kitabah* (penulisan).

Tulis ayat-ayat yang hendak *ditasmik* mengikut sukatan hafazan (sama ada satu muka surat, dua muka surat atau berdasarkan *maqrak*) yang hendak *ditasmik* dalam buku *tahriri* terlebih dahulu kemudian menghafaz ayat-ayat atau menghafaz ayat-ayat terlebih dahulu kemudian disusuli dengan menulis ayat.

c) *Nazirah* (ulang baca dengan melihat mashaf beberapa kali).

d) *Taqsim* (membahagikan kelompok ayat).

Pelajar yang lemah digalakkan untuk melakukan *taqsim* dengan membahagikan had/sukatan yang hendak *ditasmik* kepada beberapa bahagian. Selanjutnya pelajar perlu *tasmik* dengan kawan terlebih dahulu satu persatu bahagian tersebut. Setelah selesai *tasmik* kesemua bahagian-bahagian secara satu persatu, bahagian-bahagian tersebut akan disatukan untuk *ditasmik* sekali lagi dengan rakan.

e) *Tikrar* (ulang hafazan yang akan *ditasmik* beberapa kali).

f) *Tasmik* (semak hafazan semasa dengan kawan) dalam sesi Kelas *Tasmik*.

g) *Tasmik* dengan guru dalam sesi Kelas *Tasmik*.


h) *Tasbit* dengan guru.

Dalam seminggu, pelajar perlu peruntukkan satu hari untuk mengulang semua hafazan pada minggu tersebut dengan guru (*tasbit*). *Tasbit* dan *murajaah* hafazan baru adalah berbeza. *Tasbit* ialah pengukuhan akhir sebelum ke fasa *murajaah* hafazan baru. *Tasbit* hanya dilakukan sekurang-kurangnya sekali sahaja manakala *murajaah* hafazan baru perlu dilakukan secara berterusan.

i) *Tamhid*.

Keesokannya pula, pelajar perlu membaca (dengan melihat mashaf) bahagian-bahagian muka surat al-Quran yang akan *ditasmik* pada minggu berikutnya (*tamhid*). Disarankan agar membaca sebanyak 10 kali atau lebih.

Carta Alir Fasa-Fasa dalam Menghafaz al-Quran



PERSIAPAN SEMASA MENGHAFAZ AL-QURAN

Persiapan semasa menghafaz al-Quran merangkumi aspek berkaitan pemilihan tempat menghafaz, waktu menghafaz, kaedah dan teknik menghafaz, aspek-aspek yang perlu diberi perhatian oleh guru dan aspek-aspek lain pengukuhan hafazan.

Pemilihan Tempat Menghafaz

- 1) Menghafaz di tempat yang sesuai seperti di dalam kelas, di masjid atau tempat-tempat lain yang sesuai.
- 2) Elakkan dari menghafaz di tempat yang bising dengan lagu-lagu atau muzik yang melalaikan atau yang mengganggu hafazan.
- 3) Disarankan agar memilih suhu persekitaran yang bersesuaian.
- 4) Tempat yang bersih dan mempunyai suasana Al-Quran (*al-Jawwu al-Qurani*).

Waktu Menghafaz

- 1) Saranan waktu yang sesuai;
 - a) Waktu terbaik untuk menghafaz ialah sebelum Subuh
 - b) Selepas subuh hingga sekitar jam 7.00 pagi
 - c) Di antara Maghrib dan Isyak
 - d) Selepas Isyak hingga sekitar jam 10.30 malam
 - e) Selepas Asar hingga sekitar jam 6.30 petang

- 2) Peruntukan masa yang diperlukan bagi memperdengarkan hafazan yang akan ditasmi di hadapan guru;
- a) Pusingan pertama (petang) : 1 jam 30 minit
 - b) Pusingan kedua (malam) : 1- 2 jam
 - c) Pusingan ketiga (selepas subuh): 1 - 1 jam 30 minit

Kaedah dan Teknik Menghafaz

1) Talaqqi dan musyafahah.

a) Peranan Guru

- i. Memilih dan membentuk kumpulan pelajar mengikut prestasi hafazan
- ii. Menentukan sukatan ayat hafazan untuk dibaca
- iii. Menyemak hafazan pelajar
- iv. Membimbing pelajar dengan bacaan bertajwid

b) Peranan Pelajar

- i. Menghafaz dengan fasih dan lancar
- ii. Meraikan hukum tajwid dalam bacaan hafazan
- iii. Menghafaz sehingga fasih ingatan tanpa kesalahan tajwid dan hafazan

2) Melancarkan ayat hafazan

- a) Langkah 1: Baca berulang kali secara bertajwid sehingga lancar dengan melihat mashaf

- b) Langkah 2: Mengulang-ulang ayat yang dibaca tanpa melihat mashaf sehingga tiada kesalahan. Kekekapan mengulang ayat bergantung kepada kemampuan pelajar. Bagi ayat yang panjang, tentukan tempat waQaaf dan tidak boleh berubah bagi ulangan berikutnya.
- c) Langkah 3: Memahami makna ayat berpandukan kepada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman atau kitab-kitab tafsir yang sesuai.
- d) Langkah 4: Untuk menghafaz ayat berikutnya, ayat yang telah dihafaz perlu diulang kembali.

3) Kefahaman makna ayat

- a) Membaca tafsir al-Quran secara sepintas lalu.
- b) Mengetahui kefahaman ayat secara umum seperti tema.
- c) Menghubungkan makna dengan susunan ayat hafazan.

Aspek-Aspek yang Perlu Diberi Perhatian oleh Guru

- 1) Memberi panduan berkenaan dengan ayat-ayat *mutasyabihat (mutasyabihat alfaz)*, ayat gharib (*gharib alfaz*) dengan menunjukkan tempat-tempat yang perlu diberi perhatian.
- 2) Membantu pelajar yang sukar dalam hafazan dengan memberi kefahaman tentang maksud ayat.

- 3) Bertegas dalam aspek kelancaran hafazan pelajar ketika sesi *tasmik* dengan tidak memberi banyak teguran hafazan melebihi tiga kali.

Aspek-Aspek Lain Pengukuhan Hafazan

- 1) Semak hafazan dengan rakan.
- 2) Rakam hafazan sendiri dan disemak oleh rakan.
- 3) Mendengar hafazan dari qari ternama.
- 4) Menggunakan intonasi suara yang sesuai.

PERSIAPAN *TASMIK*

Persiapan *tasmik* merangkumi etika semasa Kelas *Tasmik*, kaedah yang digunakan semasa *tasmik*, kaedah semakan, kaedah teguran hafazan dan teknik yang digunakan semasa *tasmik*.

Etika Semasa Kelas *Tasmik*

Terdapat beberapa etika yang perlu diberi perhatian semasa Kelas *Tasmik* dilaksanakan iaitu dalam tempoh *tasmik* yang berjalan selama 2 jam di awal pagi. Antara etika tersebut ialah;

- 1) Setiap pelajar diberi masa selama 8 minit untuk sesi *tasmik* hafazan semasa bersama guru.
- 2) Setiap pelajar akan mengikut giliran yang diberikan oleh guru.

- 3) Pelajar diwajibkan membaca mengikut bacaan tadwir.
- 4) Pelajar diwajibkan membaca mengikut riwayat *Hafs 'An Asim. (Thoriq As-Syatibiyah)*
- 5) Pelajar hanya dibenarkan memperdengarkan hafazan al-Quran yang telah ditulis dalam buku tahriri sahaja.
- 6) Ketika tasmii antara pelajar dengan guru berlangsung, guru digalakkan menggunakan al-Quran Tahriri pelajar sahaja.
- 7) Pelajar dikehendaki untuk memperdengarkan hafazan semasa sekurang-kurangnya/minimum satu muka surat.
- 8) Telefon bimbit hendaklah diletakkan di meja guru atau kotak yang disediakan.

Kaedah yang Digunakan semasa *Tasmik*

Kaedah dengar dan baca.

- 1) Setiap awal minggu, guru memperdengarkan bacaannya kepada para pelajar untuk muqarrar semasa sekurang-kurangnya satu muka surat. (Sekali seminggu).
- 2) Para pelajar akan mengikuti bacaan guru dengan memerhatikan *waQaaf ibtidak*, sebutan huruf dan tajwid.

ATAU

- 1) Guru memilih mana-mana pelajar untuk memperdengarkan bacaannya dan membuka ruang komentar kepada pelajar-pelajar lain. (interaksi dalam kelas).

- 2) Guru meminta semua pelajar untuk membaca dan guru hanya menyemak bacaan pelajar.

Kaedah Semakan

- 1) Pelajar diminta menyemak bacaan hafazan dengan rakan sebelum *tasmik* kepada guru.
- 2) Guru mendengar bacaan hafazan sambil menyemak buku tahriri para pelajar.

Kaedah Teguran Hafazan

- 1) Kelancaran / Kesalahan major
 - a) Tidak dapat menyambung ayat
 - b) Kesalahan kalimah
 - c) Kesalahan huruf
 - d) Kesalahan baris

Setiap satu kesalahan hafazan, pelajar diberi peluang untuk memperbetulkan kesalahan sebanyak tiga kali. Sekiranya gagal, guru akan memberi teguran dan pelajar dikira telah melakukan satu kesalahan hafazan. Pelajar tidak boleh melakukan kesalahan hafazan melebihi 3 kali. Cara guru memberi teguran adalah dengan cara tidak langsung iaitu seperti ketuk meja, berdeham atau sebagainya tanpa perlu membacakan ayat.

Sekiranya pelajar melakukan tiga kali kesalahan, pelajar diminta untuk kembali ke tempat duduk dan melancarkan kembali hafazan dan hadir untuk *tasmik* kali kedua.

2) Tajwid / Kesalahan minor

- a) Harakat mad kurang atau lebih atau tidak seragam
- b) Dengung tidak sempurna
- c) *Makhraj* huruf yang kurang tepat
- d) Sifat huruf tidak jelas
- e) Tebal dan nipis

Pelajar diberi peluang memperbetulkan kesalahan sebanyak 3 kali. Sekiranya gagal membaca dengan betul, akan diberikan teguran dan dikira sebagai satu kesalahan.

Sekiranya pelajar melakukan 5 kali kesalahan, pelajar diminta untuk kembali ke tempat duduk dan melancarkan kembali hafazan dan hadir untuk *tasmik* kali kedua.

Teknik yang Digunakan semasa *Tasmik*

Untuk menjadikan seseorang pelajar lebih berkualiti, maka dicadangkan beberapa teknik yang sesuai dilaksanakan, antaranya;

1) Teknik Perbincangan / Pengembangan

Guru mengadakan perbincangan dengan para pelajar secara berkumpulan tentang hukum tajwid terutamanya bacaan

khusus riwayat Hafs ‘an Asim. Guru mengadakan perbincangan dengan para pelajar secara berkumpulan tentang ayat-ayat *mutasyabihat*.

Nota: Teknik ini dicadangkan untuk dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu dengan kadar masa yang bersesuaian dan dilaksanakan selepas sesi *tasmik*.

2) Teknik Soal Jawab

Selepas selesai *tasmik*, guru akan bertanya hukum tajwid yang berkaitan dengan ayat-ayat yang dibaca.

Selepas selesai *tasmik*, guru akan bertanya ayat mutasyabihat yang berkait dengan tasmik semasa.

Nota: Teknik ini dicadangkan untuk dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu dan dilaksanakan selepas sesi tasmik.

3) Teknik Penulisan

Pelajar diminta menulis kembali beberapa ayat yang telah dihafaz dengan menggunakan *Rasm Uthmani*.

Sesekali pelajar diminta untuk meletakkan tanda dan baris pada ayat-ayat yang ditulis.

PERSIAPAN SELEPAS MENGHAFAZ

Persiapan selepas menghafaz merangkumi aspek ulangan hafazan, teknik ulangan hafazan baharu, teknik ulangan hafazan lama dan teknik ulangan hafazan setelah khatam 30 juzuk dan simulasi ulangan hafazan baharu dan lama.

Ulangan Hafazan

- 1) Hafazan yang telah ditasmi dengan guru terbahagi kepada hafazan baharu dan hafazan lama.
- 2) Hafazan baharu ialah hafazan yang baru *ditasmik* dengan guru dalam tempoh seminggu sehingga mencapai had 1 juzuk. Setelah hafazan mencapai 1 juzuk, hafazan tersebut akan dikategorikan sebagai hafazan lama.
- 3) Hafazan lama ialah hafazan yang telah *ditasmik* dengan guru melebihi tempoh seminggu dengan had minimum ialah sebanyak 1 juzuk.
- 4) Ulangan hafazan perlu dilakukan setiap hari dan melibatkan kedua-dua hafazan baharu dan hafazan lama.
- 5) Ulangan hafazan perlu dilakukan bermula daripada selepas *tasmik* hafazan semasa dengan guru.
- 6) Ulangan hafazan perlu direkodkan di dalam buku catatan hafazan pelajar dan guru perlu membuat semakan secara berkala.

Teknik Ulangan Hafazan Baharu

- 1) Boleh dilaksanakan dengan tiga cara iaitu ulangan hafazan baharu sendiri, bersama rakan atau dengan guru.
- 2) Jumlah ulangan hafazan baharu adalah berdasarkan kepada jumlah hafazan yang berjaya *ditasmik* oleh pelajar dalam tempoh seminggu sehingga mencapai had 1 juzuk.
- 3) Setelah sempurna 1 juzuk, pelajar perlu melancarkan 1 juzuk tersebut dengan sebaiknya sebelum dikategorikan sebagai hafazan lama.

Teknik Ulangan Hafazan Lama

- 1) Boleh dilaksanakan dengan tiga cara iaitu ulangan hafazan lama sendiri, bersama rakan atau dengan guru.
- 2) Jumlah ulangan hafazan lama adalah jumlah baki hafazan yang telah *ditasmik* oleh pelajar (hafazan semasa) melebihi tempoh seminggu (hafazan baharu) dengan had minimum ialah satu juzuk sehari. Baki juzuk dibaca secara bergilir-gilir menurut turutan juzuk mashaf.
- 3) Apabila hafazan baharu telah mencapai 1 juzuk, ulangan hafazan lama perlu dilakukan sebanyak 1 juzuk sehari. Sebagai contoh, bagi pelajar yang sedang menghafaz juzuk 6 ulangan hafazan lama pada hari Isnin ialah juzuk 1, hari Selasa ialah juzuk 2, hari Rabu ialah juzuk 3, hari Khamis ialah juzuk 4, hari Jumaat ialah juzuk 5, hari

Sabtu ialah juzuk 1, hari Ahad ialah juzuk 2, hari Isnin ialah juzuk 3 dan begitulah seterusnya pada hari-hari berikutnya.

Teknik Ulangan Hafazan Setelah Khatam 30 Juzuk

Jika ulangan hafazan setelah khatam 30 juzuk ingin dilakukan, ulangan boleh dilakukan bersama guru dengan jumlah ulangan seperti berikut;

- 1) 2 *maqrak* / 5 muka surat sehingga khatam 30 juzuk.
- 2) 4 *maqrak* / 10 muka surat sehingga khatam 30 juzuk.
- 3) 1 juzuk / 20 muka surat sehingga khatam 30 juzuk;
- 4) Dan seterusnya sehingga jumlah maksimum ialah tidak melebihi 10 juzuk sehari.

Simulasi Ulangan Hafazan Baharu dan Ulangan Hafazan Lama

Hari	Tasmik (Muka surat)	Ulangan Hafazan Baharu (Muka surat)	Ulangan Hafazan Lama (Muka surat)
Isnin	102-103 (Juzuk 6)	102-103 (Juzuk 6)	1-21 (Juzuk 1)
Selasa	104-105 (Juzuk 6)	102-105 (Juzuk 6)	22-41 (Juzuk 2)
Rabu	106-107 (Juzuk 6)	102-107 (Juzuk 6)	42-61 (Juzuk 3)
Khamis	108-109 (Juzuk 6)	102-109 (Juzuk 6)	62-81 (Juzuk 4)
Jumaat	110-111 (Juzuk 6)	102-111 (Juzuk 6)	82-101 (Juzuk 5)

Sabtu	Tiada	102-111 (Juzuk 6)	1-21 (Juzuk 1)
Ahad	Tiada	102-111 (Juzuk 6)	22-41 (Juzuk 2)
Isnin	112-113 (Juzuk 6)	102-113 (Juzuk 6)	42-61 (Juzuk 3)
Selasa	114-115 (Juzuk 6)	102-115 (Juzuk 6)	62-81 (Juzuk 4)
Rabu	116-117 (Juzuk 6)	102-117 (Juzuk 6)	82-101 (Juzuk 5)
Khamis	118-119 (Juzuk 6)	102-119 (Juzuk 6)	1-21 (Juzuk 1)
Jumaat	120-121 (Juzuk 6)	102-121 (Juzuk 6)	22-41 (Juzuk 2)
Sabtu	Tiada	102-121 (Juzuk 6)	42-61 (Juzuk 3)
Ahad	Tiada	102-121 (Juzuk 6)	62-81 (Juzuk 4)
Isnin	122-123 (Juzuk 7)	122-123 (Juzuk 7)	82-101 (Juzuk 5)
Selasa	124-125 (Juzuk 7)	122-125 (Juzuk 7)	102-122 (Juzuk 6)
Rabu	126-127 (Juzuk 7)	122-127 (Juzuk 7)	1-21 (Juzuk 1)
Khamis	128-129 (Juzuk 7)	122-129 (Juzuk 7)	22-41 (Juzuk 2)
Jumaat	131-132 (Juzuk 7)	122-132 (Juzuk 7)	1-21 (Juzuk 1)
Sabtu	Tiada	122-132 (Juzuk 7)	22-41 (Juzuk 2)
Ahad	Tiada	122-132 (Juzuk 7)	42-61 (Juzuk 3)

RUMUSAN

Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia ini akan memperuntukkan masa keseluruhan selama 6 jam hingga 8 jam sehari. Ini adalah berdasarkan kepada peruntukkan masa bagi menghafaz hafazan semasa iaitu hafazan yang akan *ditasmik* dengan guru yang akan memperuntukkan masa selama antara 3 jam 30 minit hingga 5 jam, peruntukkan masa Kelas *Tasmik* selama 2 jam dan peruntukkan masa bagi ulangan hafazan baharu dan lama yang akan melibatkan selama 30 minit hingga 1 jam. Justeru, kualiti hafazan akan dapat dihasilkan jika kaedah ini dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

¹ Kandungan Bab 1 ini merupakan kandungan Bab 1 Laporan Penyelidikan Darul Quran 2015 bertajuk: Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat Al-Quran Berbantuan al-Quran Terjemahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hifz al-Quran. Kajian ini telah dijalankan seramai lapan orang pensyarah Darul Quran iaitu Abdul Jalal Abdul Manaf, Shamsul Bahari Dahalan, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Muhammad Toriq Yaacob, Zamzarina Md Sood, Sukhairu Sulaiman, Mohd Abdul Rauf Sidek dan Nur Syazrin Nazee Mudeen

² Kandungan Bab 2 ini merupakan kandungan Bab 2 Laporan Penyelidikan Darul Quran 2015 bertajuk: Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat Al-Quran Berbantuan al-Quran Terjemahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hifz al-Quran. Kajian ini telah dijalankan seramai lapan orang pensyarah Darul Quran iaitu Abdul Jalal Abdul Manaf, Shamsul Bahari Dahalan, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Muhammad Toriq Yaacob, Zamzarina Md Sood, Sukhairu Sulaiman, Mohd Abdul Rauf Sidek dan Nur Syazrin Nazee Mudeen

³ Kandungan Bab 3 adalah sepenuhnya berdasarkan kepada buku yang ditulis oleh Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid bertajuk Kajian Metodologi Hafazan al-Quran yang diterbitkan pada tahun 2014 cetakan oleh Jabatan al-Quran dan al-hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Analisis dilaksanakan oleh pensyarah Darul Quran, Muhammad Toriq bin Yaacob

⁴ Kandungan Bab 4 ini merupakan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Nordin Ahmad, Muhammad Toriq Yaacob, Abdul Jalal bin Abdul Manaf, Othman bin Muda dan Abdul Razak Mohd Zain

⁵ Kandungan Bab 5 ini merupakan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Nordin Ahmad beserta pensyarah Darul Quran iaitu Muhammad Toriq Yaacob dan Nur Hallyda Mohd Sham.

⁶ Kandungan Bab 6 ini merupakan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Nordin Ahmad beserta tujuh pensyarah Darul Quran iaitu Muhammad Toriq Yaacob, Othman Muda, Zamzarina Mohd Sood, Norshida Md Zin, Mohd Nazim Suratman, Mohd Fazli b. Mohd Azali dan Ahmad Hafidzi Mansor

⁷ Kaedah Hafazan Model Malaysia ini telah dibengkelkan pada 11 hingga 13 September 2019 dengan penyertaan daripada 27 orang pensyarah tahfiz Darul Quran, JAKIM dengan dibimbing oleh empat orang panel pakar iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abd Ghani (UPSI), Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Mohamaed (USIM), Syeikh Abdelmohaimen Sayed Aly Abdelmagid (Ma'had Tahfiz Ismail) dan Dr. Sedek Ariffin (UM).

⁸ Hal ini kerana peringkat ingatan ada tiga:

i. peringkat pertama = antara 6 jam hingga 24 jam (ingatan sementara).

ii. peringkat kedua = antara 1 hari hingga 10 hari.

iii. peringkat ketiga = antara 10 hari hingga seumur hidup (ingatan kekal).

Masalah di Malaysia, kebanyakan pelajar hanya menghafaz di peringkat “ingatan sementara” sahaja.